




JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN



A collage of three photographs illustrating vocational training. The top right photo shows a person wearing a mask and safety glasses working with a circular saw. The bottom left photo shows a person in a white lab coat and mask working in a laboratory setting. The bottom center photo shows a person in a kitchen, wearing a chef's hat and mask, preparing food. The background features faint, large architectural blueprints.

LAPORAN TAHUNAN **2021**



**JABATAN
PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN**



JABATAN
PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN

LAPORAN TAHUNAN **2021**



KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| PERUTUSAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN | 8 |
| PROFIL KORPORAT | 10 |
| PENGENALAN | |
| VISI, MISI & OBJEKTIF | 12 |
| FUNGSI JABATAN | 13 |
| PIAGAM PELANGGAN | 13 |
| | |
| JPK MENERUSI DASAR-DASAR UTAMA KERAJAAN | 14 |
| RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKE-12) | 14 |
| KERANGKA <i>BLUEPRINT</i> PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN “MEMPERKASAKAN MODAL INSAN MELALUI TVET DIPACU INDUSTRI” 2021-2025 | 17 |
| KERANGKA PELAN STRATEGIK JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN 2021-2025 | 18 |
| | |
| 1 BAHAGIAN PERANCANGAN, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN | |
| 1.1 DASAR DAN PERUNDANGAN | 20 |
| 1.2 KORDINASI PEMBANGUNAN DAN PEMANTAUAN PROJEK | 28 |
| 1.3 HAL EHWAL ANTARABANGSA | 32 |
| 1.4 PENGUKURAN PETUNJUK PRESTASI | 35 |
| 1.5 PENGURUSAN PERANAN KETUA PROFESION | 38 |
| 1.6 KOORDINASI BERSAMA PEMEGANG TARUH TVET | 39 |
| | |
| 2 BAHAGIAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN | |
| 2.1 PEMBANGUNAN <i>OCCUPATIONAL FRAMEWORK (OF)</i> , <i>NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARDS (NOSS)</i> , <i>WRITTEN INSTRUCTIONAL MATERIAL (WIM)</i> DAN SOALAN LATIHAN KEMAHIRAN | 48 |
| 2.2 PENDAFTARAN NOSS DENGAN MyIPO | 55 |
| 2.3 PENGEMASKINIAN NOSS/ WIM (eWIM)/ SOALAN (EQB) DALAM MYSPIKE | 55 |
| 2.4 PEMBANGUNAN FASILITATOR | 57 |
| 2.5 TAKLIMAT/WEBINAR | 58 |
| 2.6 JAWATANKUASA TEKNIKAL STANDARD (JTS)/ JAWATANKUASA TEKNIKAL DALAMAN (JTD)/ JAWATANKUASA PENGESAHAN KURIKULUM & PENILAIAN (JKPKP) | 60 |

2

| | |
|--|----|
| BAHAGIAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN | |
| 2.1 PEMBANGUNAN <i>OCCUPATIONAL FRAMEWORK (OF)</i> , <i>NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARDS (NOSS)</i> , <i>WRITTEN INSTRUCTIONAL MATERIAL (WIM)</i> DAN SOALAN LATIHAN KEMAHIRAN | 48 |
| 2.2 PENDAFTARAN NOSS DENGAN MyIPO | 55 |
| 2.3 PENGEMASKINIAN NOSS/ WIM (eWIM)/ SOALAN (EQB) DALAM MYSPIKE | 55 |
| 2.4 PEMBANGUNAN FASILITATOR | 57 |
| 2.5 TAKLIMAT/WEBINAR | 58 |
| 2.6 JAWATANKUASA TEKNIKAL STANDARD (JTS)/ JAWATANKUASA TEKNIKAL DALAMAN (JTD)/ JAWATANKUASA PENGESAHAN KURIKULUM & PENILAIAN (JKPKP) | 60 |

| | | |
|-----|---|----|
| 2.7 | JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN DAFTAR OISP JTC | 63 |
| 2.8 | JAWATANKUASA KERJA PENINGKATAN KUALITI LATIHAN (JKKPKL) TVET MPKK | 65 |

3**BAHAGIAN PERSIJILAN KOMPETENSI**

| | | |
|-----|--|----|
| 3.1 | SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM) | 68 |
| 3.2 | PENILAIAN BERASASKAN COPTPA | 69 |
| 3.3 | SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) PLUS | 73 |
| 3.4 | PROGRAM PEMERKASAAN PERSIJILAN | 73 |
| 3.5 | PENGURUSAN PERSONEL SPKM | 78 |
| 3.6 | TAKLIMAT/WEBINAR | 80 |
| 3.7 | JAWATANKUASA KERJA PERSIJILAN & PENGIFTIRAFAN MPKK | 81 |

4**BAHAGIAN PENTAU利亚HAN**

| | | |
|-----|--|-----|
| 4.1 | PENTAU利亚HAN | 84 |
| 4.2 | PROGRAM PEMERKASAAN PENTAU利亚HAN BERASASKAN KOD AMALAN AKREDITASI PROGRAM TVET (COPTPA) | 87 |
| 4.3 | BIMBINGAN DAN PENYELARASAN PENTAU利亚HAN | 91 |
| 4.4 | SESI PERBINCANGAN/ MESYUARAT KERJA/ LAWATAN PENTAU利亚HAN/ TAKLIMAT | 97 |
| 4.5 | JAWATANKUASA KECIL PROSES KERJA AKREDITASI TUNGGAL TVET JTC | 98 |
| 4.6 | JAWATANKUASA KERJA PEMBIAYAAN LATIHAN MPKK | 101 |

5**BAHAGIAN KERJASAMA STRATEGIK**

| | | |
|-----|--|-----|
| 5.1 | HUBUNGAN DAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN AGENSI DAN INDUSTRI | 104 |
| 5.2 | PENYELARASAN AKTIVITI KERJASAMA ILB | 107 |
| 5.3 | PENGIFTIRAFAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) OLEH PERKHIDMATAN AWAM, AGENSI DAN INDUSTRI | 114 |
| 5.4 | JAWATANKUASA KERJA KERJASAMA STRATEGIK MPKK | 119 |

6**BAHAGIAN PEJABAT PEMANTAUAN PROJEK**

| | | |
|-----|--|-----|
| 6.1 | PERTANDINGAN KEMAHIRAN | 122 |
| 6.2 | PROMOSI | 146 |
| 6.3 | PENCAPAIAN JABATAN MELALUI PENYERTAAN PERTANDINGAN INOVASI | 148 |

7

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWAL SELIA

| | | |
|-----|--------------------------------|-----|
| 7.1 | PENGUATKUASAAN | 154 |
| 7.2 | PENARAFAN TUNGGAL PROGRAM TVET | 158 |
| 7.3 | KHIDMAT PELANGGAN | 160 |
| 7.4 | TAKLIMAT/WEBINAR | 163 |

8

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN

| | | |
|------|--|-----|
| 8.1 | KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN | 168 |
| 8.2 | PROGRAM PEMBANGUNAN KEPAKARAN DAN PROFESIONALISME PENGAJAR TVET | 169 |
| 8.3 | PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL KEMAHIRAN | 171 |
| 8.4 | KURSUS SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) | 174 |
| 8.5 | PELAKSANAAN PENCAPAIAN LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI) DAN PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI) | 176 |
| 8.6 | PROGRAM PEMBANGUNAN PENGAJAR KEMAHIRAN (PPK) | 178 |
| 8.7 | PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN JANGKA PANJANG (PRA PERKHIDMATAN) | 183 |
| 8.8 | KURSUS BERKAITAN PEMBELAJARAN ELEKTRONIK DAN MULTIMEDIA (PEM) | 184 |
| 8.9 | PEMBANGUNAN FASILITATOR | 186 |
| 8.10 | LAPORAN TiPS | 188 |
| 8.11 | PERAKUAN PERSONEL SPKM | 189 |
| 8.12 | KURSUS INDUKSI PENTAUHLIAN | 192 |
| 8.13 | PROGRAM ANTRABANGSA CIAST | 194 |
| 8.14 | PERTANDINGAN INOVASI | 197 |
| 8.15 | CIAST SEBAGAI <i>CENTRE OF EXCELLENCE (COE)</i> FOR TVET INSTRUCTOR | 198 |
| 8.16 | CIAST SEBAGAI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DAN LAWATAN YANG DI-PERTUAN AGONG (YDPA) KE CIAST | 199 |
| 8.17 | LAWATAN RASMI KEDUTAAN JEPUN KE PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) | 200 |

9

BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

| | | |
|-----|---|-----|
| 9.1 | PEMBANGUNAN ORGANISASI | 202 |
| 9.2 | SEKALUNG BUDI SEJAMBAK KASIH | 203 |
| 9.3 | PENCAPAIAN HRMIS | 206 |
| 9.4 | PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN TAHUN 2021 | 207 |
| 9.5 | PEMBANGUNAN KOMPETENSI KAKITANGAN | 207 |

| | | |
|-----|--|-----|
| 9.6 | KESELAMATAN | 210 |
| 9.7 | KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN PUTRAJAYA (KESKEPK) | 212 |

10**JPK WILAYAH TENGAH**

| | | |
|------|--|-----|
| 10.1 | INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH TENGAH | 216 |
| 10.2 | AKTIVITI PROMOSI WILAYAH TENGAH | 218 |
| 10.3 | AKTIVITI SOSIAL/ REKREASI/ KHIDMAT MASYARAKAT WILAYAH TENGAH | 220 |

11**JPK WILAYAH TIMUR**

| | | |
|------|--|-----|
| 11.1 | INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH TIMUR | 222 |
| 11.2 | AKTIVITI PROMOSI WILAYAH TIMUR | 223 |
| 11.3 | AKTIVITI SOSIAL & REKREASI WILAYAH TIMUR | 225 |

12**JPK WILAYAH SELATAN**

| | | |
|------|--|-----|
| 12.1 | INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH SELATAN | 228 |
| 12.2 | AKTIVITI PROMOSI WILAYAH SELATAN | 231 |

13**JPK WILAYAH UTARA**

| | | |
|------|--|-----|
| 13.1 | INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH UTARA | 234 |
| 13.2 | AKTIVITI PROMOSI WILAYAH UTARA | 235 |
| 13.3 | AKTIVITI SOSIAL & REKREASI WILAYAH UTARA | 237 |

14**JPK WILAYAH SABAH**

| | | |
|------|--|-----|
| 14.1 | INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH SABAH | 240 |
| 14.2 | AKTIVITI PROMOSI WILAYAH SABAH | 242 |
| 14.3 | AKTIVITI SOSIAL & REKREASI WILAYAH SABAH | 243 |

15**JPK WILAYAH SARAWAK**

| | | |
|------|--|-----|
| 15.1 | INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH SARAWAK | 246 |
| 15.2 | AKTIVITI PROMOSI WILAYAH SARAWAK | 249 |



JPK AT A GLANCE

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN



Assalamualaikum wbt, Salam Kemahiran dan Salam Keluarga Malaysia.

Melangkah ke tahun 2021, tidak ada yang menyangka hampir setahun dunia diuji dengan cabaran besar virus yang mengancam nyawa manusia. Pandemik Covid-19 yang melanda dunia secara tidak langsung turut mengancam kestabilan ekonomi serantau. Namun, di samping cabaran dan rintangan yang dilalui, ia juga telah diwarnai dengan pelbagai kejayaan dan pencapaian yang membanggakan. Syabas saya ucapan kepada seluruh warga Jabatan Pembangunan Kemahiran di atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan. Memandang ke hadapan, kita semua boleh menjangka cabaran dan lanskap persekitaran yang lebih getir bakal kita lalui pada tahun 2022 iaitu sekurang-kurangnya menyamai pencapaian sebelum pandemik Covid-19 melanda dunia.

Pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 dalam memastikan pembangunan modal insan yang dinamik mengikut keperluan dan perubahan lanskap TVET semasa. Kerangka *Blueprint* Pembangunan Modal Insan Berkemahiran 2021-2025 “Memperkasakan Modal Insan Melalui TVET Dipacu Industri” 2021-2025 yang telah dibangunkan pada tahun 2019 telah dikemaskini mengambil kira situasi semasa dan cabaran-cabarannya baharu. Kerangka *Blueprint* ini akan menjadi dokumen rujukan utama dalam pembangunan dasar dan polisi pelaksanaan TVET berteraskan konsep ‘TVET Dipacu Industri’ seiring dengan kepentingan latihan TVET dalam Revolusi Industri 4.0 dan

juga cadangan pindaan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] ke arah pelaksanaan program TVET melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) sehingga Tahap 8.

Selain itu, penggubalan semula Kerangka Pelan Strategik Jabatan Pembangunan Kemahiran 2021-2025 yang merupakan dokumen induk yang komprehensif menggariskan hala tuju, bidang fokus dan pelan tindakan JPK bagi tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2021 sehingga tahun 2025. Sasaran dan *outcome* akan menjadi pengukur kepada pencapaian keseluruhan Jabatan. Hala tuju strategik JPK 2021-2025 adalah berasaskan kepada enam (6) kluster Teras Strategik yang merangkumi Tadbir Urus TVET, Persijilan & Pengiktirafan, Pembiayaan Latihan, Kualiti Latihan, Kerjasama Strategik dan Promosi. Melalui Kerangka Pelan Strategik ini



juga, JPK komited dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan terbaik melalui pelaksanaan dasar dan program yang telah dikenal pasti. Usaha berterusan sentiasa dibuat dalam menambah baik prestasi dan mutu kerja serta pencapaian *Key Performance Indicators* (KPI) yang telah ditetapkan.

Dalam usaha memulih dan merancakkan semula pembangunan sosio-ekonomi negara, Kerajaan telah merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12) sebagai bukti komitmen Kerajaan dalam mengembalikan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat berkonsepkan Keluarga Malaysia. Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam menyelaras, merumus dan menggalak pembangunan tenaga kerja mahir negara, JPK memainkan peranan yang signifikan dalam memenuhi hasrat Kerajaan mencapai matlamat RMKe-12 melalui SPKM yang unggul. JPK telah dilantik sebagai agensi penyelaras bagi Penarafan Tunggal Program TVET melalui Majlis TVET Negara yang dipengerusikan oleh

YAB Perdana Menteri. Penarafan program TVET ini melibatkan semua penyedia TVET daripada pelbagai kementerian/agensi awam dan swasta. Keputusan Penarafan Tunggal Program TVET ini akan menjadi petunjuk kepada keberkesanan pelaksanaan program oleh sebuah institusi TVET dan seterusnya digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan sebagai rujukan. Pengagihan peruntukan berasaskan kepada sistem penarafan merupakan salah satu pemacu perubahan di bawah RMKe-12 yang akan dilaksanakan bermula tahun 2022.

Walaupun sebahagian besar aktiviti secara fizikal terpaksa ditangguhkan akibat pandemik Covid-19, ia bukanlah penghalang untuk JPK terus memperjuang usaha memartabatkan latihan kemahiran di Malaysia sejajar visi dan misi penubuhannya. Hakikatnya, pembangunan modal insan adalah penggerak dan penghubung dalam kerangka untuk membangunkan masyarakat yang proaktif dan berinovatif seterusnya menyumbang terbesar

dalam pembangunan ekonomi negara. Justeru, sebagai menyokong aspirasi tersebut, lakaran pencapaian Jabatan sepanjang tahun 2021 didokumenkan di dalam buku laporan ini bagi menilai prestasi Jabatan secara keseluruhan.

Akhir kata, setinggi penghargaan saya ucapan kepada semua warga JPK di atas sokongan yang berterusan dalam merealisasikan hasrat Jabatan sebagai peneraju latihan kemahiran di Malaysia. Saya juga berharap agar warga JPK terus komited memberikan khidmat bakti dan penuh berdedikasi dalam meningkatkan keupayaan perkhidmatan seterusnya mengekalkan kecemerlangan Jabatan untuk tahun-tahun berikutnya.

Sekian.

Dato' Ts. Hj. Zaihan bin Shukri
Ketua Pengarah
Pembangunan Kemahiran

PROFIL KORPORAT


CARTA ORGANISASI





PENGENALAN

VISI, MISI & OBJEKTIF




OBJEKTIF

- i. Menyelaras dan mengawal pelaksanaan latihan kemahiran bagi melahirkan k-Pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa.
- ii. Menyelidik dan membangunkan standard kekompetencah pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia mahir berterusan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

FUNGSI JABATAN



- i) Membimbing pembelajaran/penyelidikan berkenaan latihan kemahiran
- ii) Melaksanakan program persijilan latihan kebangsaan
- iii) Mempromosikan sistem latihan kemahiran
- iv) Membangunkan, meluluskan dan menyemak standard kemahiran kebangsaan
- v) Membantu dan meningkatkan keupayaan kemahiran individu
- vi) Menilai keperluan latihan



PIAGAM PELANGGAN



- i) Mentauliah program latihan kemahiran di Pusat Bertauliah Baharu dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses pentauliahan dalam tempoh dua (2) bulan bagi setiap permohonan lengkap yang diterima.
- ii) Membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) dan mencapai sekurang-kurangnya 90% bilangan SKPK siap dibangunkan dalam tempoh tujuh (7) bulan dari keseluruhan SKPK yang dibangunkan.
- iii) Mentauliah program latihan kemahiran di Pusat Bertauliah SLDN Baharu dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses pentauliahan dalam tempoh dua (2) bulan bagi setiap permohonan lengkap yang diterima
- iv) Memantau standard dan kualiti latihan berdasarkan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui lawatan pemeriksaan di bawah Akta 652 dan mencapai sekurang-kurangnya 85% bilangan lawatan pemeriksaan dan tindakan siap dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada keseluruhan lawatan pemeriksaan yang dilaksanakan.
- v) 90% aduan yang tidak melibatkan tindakan di bawah Akta 652 diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja.

JPK MENERUSI DASAR-DASAR UTAMA KERAJAAN

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKE-12)

JPK menyusun atur polisi, strategi dan pelan tindakan berpaksikan dasar Kerajaan melalui inisiatif yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Peranan JPK dalam menyokong kejayaan RMKe-12 adalah melalui:

Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan

Pemacu Perubahan X: Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan



Rajah A: Petunjuk Prestasi Utama Terpilih bagi Pemangkin Dasar 1

Mengapa TVET penting?

Ekosistem TVET yang kukuh merupakan teras utama kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia. Dengan adanya ekosistem TVET ini akan:

- Menangani isu kebergantungan kepada pekerja asing, pampasan pekerja (CE) yang rendah dan keciran pelajar.
- Mengurangkan jurang antara kualiti graduan dan keperluan industri.
- Meningkatkan kualiti institusi TVET dan menggalakkan lebih banyak kerjasama industri.
- Meningkatkan kemahiran komuniti di kawasan luar bandar.
- Menjadikan TVET pilihan utama pelajar.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Usaha mewujudkan ekosistem TVET tersedia masa hadapan melibatkan beberapa inisiatif yang menyeluruh seperti berikut:


- Menubuhkan Majlis TVET Kebangsaan.
- Mempromosikan jenama tunggal untuk mewakili semua institusi TVET awam dan swasta.
- Memanfaatkan teknologi baru muncul seperti realiti maya, realiti terimbuh dan kecerdasan buatan.
- Memperkenalkan sistem penarafan berdasarkan kebolehpasaran, kadar upah graduan, kerjasama industri dan pelaksanaan inisiatif sosial di kawasan luar bandar.
- Peruntukan akan berdasarkan kepada sistem penarafan.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Graduan TVET memenuhi permintaan industri.
- Lebih banyak kerjasama dengan industri utama.
- Peningkatan kemasukan pelajar lepasan SPM kepada 55% dan penawaran lebih banyak kursus berkaitan 4IR.
- Graduan TVET yang berkelayakan diiktiraf sebagai profesional oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).
- Lebih banyak pekerjaan baharu diwujudkan melalui keusahawanan.
- Pengurangan kebergantungan kepada buruh asing.
- Peratusan CE yang lebih tinggi

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 Membangunkan Bakat Masa Hadapan

Bidang Keutamaan B Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan



KERANGKA BLUEPRINT PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN “MEMPERKASAAN MODAL INSAN MELALUI TVET DIPACU INDUSTRI” 2021-2025

PEMERKASAAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN MELALUI TVET DIPACU INDUSTRI

| PETUNJUK PRESTASI UTAMA | Bilangan pelatih dipersijilkan sebagai mahir dan separuh mahir di bawah program latihan bersama industri | Kadar kebolehkerjaan graduan di bawah program latihan bersama industri dalam tempoh 6 bulan selepas tamat latihan | Bilangan pengajar TVET yang terlatih dan ditingkatkan kemahiran (upskilled & reskilled) | Jumlah graduan TVET yang dipersijilkan Tahap 4 dan ke atas | Jumlah pengeluaran sijil melalui kaedah Pembelajaran Sepanjang Hayat | Jumlah penyertaan industri dalam latihan TVET |
|-------------------------|--|---|---|--|--|---|
|-------------------------|--|---|---|--|--|---|

18

OBJEKTIF STRATEGIK

Hasil yang boleh dilihat, dirasai dan dinilai kesan daripada aktiviti pembangunan yang diadakan


| | | | | | | |
|--|--|---|---|---|---|--|
| PETUNJUK PRESTASI UTAMA Parameter utama yang akan diukur | BIDANG FOKUS TADBIR URUS TVET | OSG-01 Menubuhkan badan pentadbir TVET yang berpusat dan efektif. | | OSG-02 Meningkatkan kecekapan pengurusan dan kualiti latihan institusi TVET. | | |
| | BIDANG FOKUS PERSIJILAN & PENGIKTIRAFAN | OSC-01 Meningkatkan kelayakan graduan TVET kepada tahap yang lebih tinggi | OSC-02 Mempersijilkan pekerja industri melalui pendekatan persijilan yang fleksibel | | OSC-03 Meningkatkan pengiktirafan terhadap graduan/pekerja TVET | |
| | BIDANG FOKUS PEMBIAYAAN LATIHAN | OSF-01 Memantapkan mekanisme pengurusan dana latihan TVET | OSF-02 Meningkatkan penyertaan industri dalam latihan TVET | | OSF-03 Mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan | |
| | BIDANG FOKUS KUALITI LATIHAN | OSK-01 Merekabentuk kurikulum latihan yang berkualiti berdasarkan standard | OSK-02 Memperkasakan kualiti penyampaian latihan | OSK-03 Meningkatkan kualiti tenaga pengajar | OSK-04 Memperkuuh penilaian latihan | |
| | BIDANG FOKUS KERJASAMA STRATEGIK | OSI-01 Memperkuuhkan kerjasama industri ke arah industry-driven dalam pelaksanaan TVET bagi meningkatkan kebolehkerjaan | | OSI-02 Menggalakkan perkongsian training material dan equipment diantara kerajaan, industri dan penyedia latihan TVET bagi memaksimumkan sumber yang ada. | | |
| | BIDANG FOKUS PROMOSI | OSP-01 Menjadikan TVET sebagai pilihan utama dalam kalangan masyarakat. | OSP-02 Menjenamakan TVET | OSP-03 Melaksanakan aktiviti promosi yang lebih berstruktur dan berkesan | OSP-04 Mengarusperdana pertandingan dan aktiviti kemahiran. | |

| STRATEGIK UTAMA GENERIK | SINERGI DAN KOLABORASI | APLIKASI TEKNOLOGI | PEMANTAUAN & PENILAIAN BOLEH UKUR | PERLUASAN PROFILING & PENGKALAN DATA |
|--|------------------------|--------------------|-----------------------------------|--------------------------------------|
| Strategi yang terpakai kepada semua Objektif Strategik | | | | |



KERANGKA PELAN STRATEGIK JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN 2021-2025

Sebanyak enam (6) Teras Strategik telah digariskan sebagai asas kepada Kerangka Pelan Strategik JPK 2021-2025.



SASARAN PENCAPAIAN JPK MENJELANG TAHUN 2025

- 01 Mencapai **35% tenaga mahir** dalam pasaran pekerjaan
- 02 **15% penyertaan belia lepasan sekolah** dalam program TVET setiap tahun
- 03 **10,360 program TVET ditarafkan** melalui Penarafan Tunggal Program TVET
- 04 **20,000 pengajar dilatih semula** melalui upskilling/ reskilling/ profesional
- 05 Membangunkan **300 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)**
- 06 **30 kerjasama strategik baharu** bersama industri/ badan berkanun/ persatuan/ NGO/ badan persijilan/ badan profesional



BAHAGIAN PERANCANGAN, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (PPP)

1.1 DASAR DAN PERUNDANGAN

|||||||||


1.1.1 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]

Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] merupakan suatu Akta untuk menggalakkan, melalui latihan kemahiran, pembangunan dan perbaikan keupayaan seseorang, yang diperlukan untuk kerjaya; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya. Menyedari keperluan pembangunan pekerja mahir negara, semakan terhadap Akta 652 sedang dilaksanakan selaras dengan penambahbaikan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Sepanjang tahun 2021, beberapa aktiviti bagi merealisasikan cadangan pindaan Akta 652 telah dilaksanakan. Jadual 1.1 menyatakan aktiviti berkaitan Cadangan Pindaan Akta 652 yang dilaksanakan sepanjang tahun 2021.

Jadual 1.1: Aktiviti Cadangan Pindaan Akta 652 Tahun 2021

| BIL. | AKTIVITI | TARIKH |
|------|--|---|
| 1. | Mesyuarat Task Force Pindaan Akta 652 | 22 Januari 2021, 10 Februari 2021, 3 Jun 2021, dan 21 Jun 2021 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Pindaan Akta 652 | 3 Februari 2021 dan 3 Mac 2021 |
| 3. | Perbincangan bersama PUU, KSM dan Cawangan Dasar Sumber Manusia (CDSM) terhadap MJM Cadangan Pindaan Seksyen 34 (Penganugerahan Sijil) Akta 652 | 21 Mei 2021, 1 Jun 2021, 3 Jun 2021 dan 21 Jun 2021 |
| 4. | Perbincangan bersama PUU, KSM dan CDSM bagi penyediaan jawapan balas terhadap ulasan maklumbalas AGC dan Kementerian lain berkaitan MJM Cadangan Pindaan Akta 652 | 24 Jun 2021 |
| 5. | Sesi <i>pre-council</i> Pengurusan Jabatan bersama PUU, KSM dan CDSM bagi persediaan sesi libat urus bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terhadap maklumbalas MJM Cadangan Pindaan Akta 652 | 1 Julai 2021 |
| 6. | Sesi libat urus bersama KPT dan MQA berkaitan ulasan maklumbalas terhadap MJM Cadangan Pindaan Seksyen 34 Akta 652 | 2 Julai 2021 |

| BIL. | AKTIVITI | TARIKH |
|------|--|-------------------|
| 7. | Mesyuarat Kerja bersama kumpulan <i>Task Force</i> bagi perincian Seksyen 34 Akta 652 | 18 - 20 Ogos 2021 |
| 8. | Perbincangan bersama Pengurusan Jabatan bagi persediaan sesi pembentangan bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) berkenaan Cdangan Pindan Seksyen 34 Akta 652 | 9 September 2021 |
| 9. | Pembentangan Penambahbaikan Terhadap Cadangan Pindaan Seksyen 34 Akta 652 Bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) | 8 Oktober 2021 |



Rajah 1.1: Sesi pre-council Pengurusan Jabatan bersama PUU, KSM dan CDSM bagi persediaan sesi libat urus bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terhadap maklumbalas MJM Cadangan Pindaan Akta 652



Rajah 1.2: Sesi libat urus bersama KPT dan MQA berkaitan ulasan maklumbalas terhadap MJM Cadangan Pindaan Seksyen 34 Akta 652



Rajah 1.3: Perbincangan bersama Pengurusan Jabatan bagi persediaan sesi pembentangan bersama Datuk Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) berkenaan Cadangan Pindaan Seksyen 34 Akta 652

1.1.2. Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan di Bawah Akta 652

Bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM), beberapa peraturan di bawah Akta 652 telah digubal. Sepanjang tahun 2021, sebanyak dua (2) Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan telah diwartakan dan menjadikan jumlah keseluruhan Peraturan-peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan adalah 26 peraturan semenjak Akta 652 diwartakan pada 29 Jun 2006.

Jadual 1.2: Peraturan-peraturan yang telah diwartakan di bawah Akta 652 pada tahun 2021

Tarikh Pewartaan

**31 MEI
2021**


P.U. (A) 246

Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Penepian Fi Kepada Murid Berkeperluan Khas) 2021

**21 APRIL
2021**

P.U. (A) 191

Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Penepian Fi Kepada Pelatih di Montfort Youth Training Centre, Kota Kinabalu, Sabah) 2021




Rajah 1.4: Perbincangan di Peringkat Jabatan bagi Cadangan Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan di bawah Akta 652

1.1.3. Mesyuarat Penyelarasan Dasar (MPD)

Mesyuarat Penyelarasan Dasar (MPD) Jabatan merupakan platform bagi Pengurusan JPK membincangkan sesuatu dasar serta isu berkaitan latihan kemahiran sebelum suatu keputusan dasar diambil bagi tujuan pelaksanaan atau pemakluman. Sejak tahun 2019 sehingga tahun 2021 sebanyak 24 kertas pertimbangan dan 7 kertas pemakluman telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Dasar. Sepanjang tahun 2021, sebanyak empat (4) mesyuarat telah dilaksanakan secara hibrid (bersemuka dan dalam talian), yang melibatkan 13 kertas dibentangkan. Jadual 1.3 menunjukkan tarikh dan bilangan kertas pembentangan MPD pada tahun 2021.

Jadual 1.3: Jadual Pelaksanaan MPD

| Bil. Kertas Pembentangan | |
|---------------------------------|---|
| 30 MAC 2021 | 5 MESYUARAT PENYELARASAN DASAR BIL. 1/2021 |
| 22 JUN 2021 | 2 MESYUARAT PENYELARASAN DASAR BIL. 2/2021 |
| 02 OGOS 2021 | 4 MESYUARAT PENYELARASAN DASAR BIL. 3/2021 |
| 23 OGOS 2021 | 2 MESYUARAT PENYELARASAN DASAR KHAS 2021 |



Rajah 1.5: Mesyuarat Penyelarasan Dasar yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran

1.1.4. Kumpulan Perancang Strategik Jabatan

Kumpulan Perancang Strategik (KPS) telah diwujudkan oleh Jabatan sejak tahun 2019 yang berfungsi untuk mencetuskan idea baharu bagi melestari dan mencorak masa depan JPK dengan hala tuju yang lebih jelas, relevan dan berwawasan. Pada tahun ini, sebanyak dua (2) siri bengkel kerja telah dilaksanakan iaitu pada 15 Februari 2021 dan 7 – 9 April 2021. Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi membangunkan Kerangka Pelan Strategik JPK 2021-2025 yang merangkumi 6 kluster Teras Strategik Kerangka *Blueprint Pembangunan Modal Insan Berkemahiran ‘Memperkasakan Modal Insan Melalui TVET Dipacu Industri’* dengan menjadikan dokumen Kerangka *Blueprint* Pembangunan Modal Insan Berkemahiran sebagai rujukan. Selain itu, Pelan Strategik KSM 2021-2025 juga merupakan dokumen rujukan utama yang diambil kira dalam penyediaan Kerangka Pelan Strategik JPK 2021-2025 ini. Dengan adanya Pelan Strategik, Jabatan sentiasa dapat melaksanakan aktiviti dan program bagi melahirkan tenaga mahir negara seiring dengan dasar-dasar kerajaan yang telah ditetapkan.



Rajah 1.6: Bengkel KPS pada 7 hingga 9 April 2021

Kerangka Pelan Strategik JPK 2021 – 2025

Kerangka Pelan Strategik JPK 2021-2025 dibangunkan sebagai asas dalam menetapkan hala tuju Jabatan sebagai peneraju latihan kemahiran dalam pembangunan tenaga mahir negara untuk tempoh lima (5) tahun. Ia juga menjadi rujukan utama kepada Jabatan dalam merancang aktiviti agar terus relevan dengan peranan dan fungsi Jabatan sebagai badan penyelaras latihan kemahiran di peringkat nasional.

Kerangka Pelan Strategik JPK 2021-2025 ini mempunyai enam (6) Teras Strategik iaitu Pengukuhan Tadbir Urus TVET, Persijilan & Pengiktirafan, Pembiayaan Latihan, Kualiti Latihan, Kerjasama Strategik dan Promosi. Keseluruhan Kerangka Pelan Strategik JPK 2021-2025 ini mempunyai 42 strategi dan 145 projek yang akan dilaksanakan bagi tempoh 5 tahun. Kerangka Pelan Strategik JPK 2021-2025 ini telah dilancarkan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Hj. Awang bin Hashim pada 29 Oktober 2021 di Aloft Hotel, Kuala Lumpur.




Rajah 1.7: Majlis Pelancaran Kerangka Pelan Strategik JPK 2021-2025 pada 29 Oktober 2021

1.1.5. Kriteria Kecemerlangan (KC)

Kriteria Kecemerlangan (KC) merupakan indikator prestasi yang perlu dicapai oleh seseorang Pegawai Latihan Vokasional (PLV) / Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) untuk dipertimbangkan bagi tujuan kenaikan pangkat. Kriteria Kecemerlangan yang digubal telah mengambil kira penghuraian kerja PLV/PPLV yang merangkumi kumpulan pelaksana, pengurusan dan pelaksana/pengurusan untuk semua Gred Jawatan dari DV29/30 sehingga ke Gred DV53/54. Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan adalah merupakan Urusetia bagi Jawatankuasa Penilaian Kecemerlangan (JKPK). Mesyuarat JKPK akan bersidang sebanyak dua (2) kali setiap tahun.


Sepanjang tahun 2021, sebanyak dua (2) Iklan Urusan Pemangku Berasaskan Kriteria Kecemerlangan Bagi Skim Perkhidmatan PLV/PPLV Perkhidmatan Gunasama Persekutuan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, iaitu pada 27 Januari 2021 dan 1 Julai 2021. Sejak ia diperkenalkan, sejumlah 1,005 permohonan telah diterima merangkumi 407 PLV dan 598 PPLV. Rajah 1.8 menunjukkan statistik permohonan KC semenjak ianya mula diperkenalkan pada tahun 2019.

Statistik Permohonan KC Tahun 2019 - 2021



Rajah 1.8: Statistik Permohonan KC Tahun 2019 hingga 2021

Bagitahun 2021, sebanyak dua (2) Mesyuarat JKPK telah diadakan iaitu bagi Batch 5, Mesyuarat JKPK Bil. 1/2021 telah diadakan secara dalam talian pada 25 Mei 2021 dan Batch 6, Mesyuarat JKPK Bil.2/2021 telah diadakan secara hibrid pada 29 November 2021. Keseluruhan permohonan calon yang telah diproses bagi tahun 2021 adalah sebanyak 59 permohonan.



Rajah 1.9: Mesyuarat JKPK Bil. 1/2021 pada 25 Mei 2021 secara dalam talian

1.2 KOORDINASI PEMBANGUNAN DAN PEMANTAUAN PROJEK

||||||||||||||

1.2.1. Projek Pembangunan RMKe-12

Sebanyak tujuh (7) projek pembangunan di bawah RMKe-12 telah dilaksanakan oleh JPK pada tahun 2021 dengan peruntukan diluluskan sebanyak RM23.07 juta. Jadual 1.4 menunjukkan senarai tujuh (7) projek pembangunan yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 dengan merujuk kepada bahagian yang bertanggungjawab.

Jadual 1.4: Senarai Projek Pembangunan JPK pada Tahun 2021

| BIL | NAMA PROJEK | BAHAGIAN |
|-----|--|----------|
| 1 | <i>Intelligent & Dynamic TVET Standard and Curriculum Development</i> | NOSS |
| 2 | Penarafan Tunggal Program TVET | P&KS |
| 3 | Pengukuhan Pangkalan Data Dan Perluasan Akses TVET <i>Instructor eProfiling System (TiPS)</i> | CIAST |
| 4 | Pembangunan Kepakaran Dan Profesionalisma Pengajar TVET & Personel SPKM | CIAST |
| 5 | <i>TVET Instructor Technology Update (TITU)</i> | CIAST |
| 6 | Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Bangunan Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam, Selangor | CIAST |
| 7 | Penubuhan Institut Latihan Perladangan (ILPG) Di Segamat, Johor | CIAST |



1.2.2. Kajian Penilaian Outcome RMKe-11

Pencapaian program/projek pembangunan boleh diukur melalui kaedah penilaian outcome iaitu kajian formal mengenai keberkesanan program/projek pembangunan terhadap golongan sasar melalui proses pengumpulan dan analisis data secara empirikal dan sistematisik. Pada tahun 2021, projek Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula (*Reskilling*) Tenaga Pengajar TVET telah terpilih untuk dilaksanakan penilaian outcome. Maklumat perincian penilaian outcome tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.5.

Jadual 1.5: Maklumat perincian penilaian outcome projek Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula (*Reskilling*) Tenaga Pengajar TVET.

Wawasan 2020: Misi Nasional (2006-2020)

Rancangan Malaysia Ke-11

Teras: Bab 5, Memperkasa Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju,
5.1: Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri

Strategi: Memperkasa kualiti dan penyampaian program TVET untuk tambah baik kebolehpasaran graduan

Key Result Area (KRA):

Pengarusperdanaan latihan vokasional dan kemahiran (KRA11)

| | |
|---------------------------------------|--|
| Outcome RMKe-11: | Peningkatan kualiti Pendidikan dan latihan |
| Program RMKe-11 | Program Mengarusperdana Latihan Vokasional dan Kemahiran (PN13) |
| Projek Pembangunan JPK: | Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula (<i>Reskilling</i>) Tenaga Pengajar TVET |
| Petunjuk Prestasi Utama (KPI): | 100% peluang penyertaan latihan ditawarkan kepada pengajar TVET dan personel SLDN (<i>Coach & Trainer</i>) 42,000 peluang penyertaan latihan bagi pengajar TVET dan personel SLDN (<i>Coach & Trainer</i>) |

Objektif projek JPK:

1. Menyediakan peluang latihan kepada pengajar TVET dan personel SLDN (*Coach & Trainer*)
2. Meningkatkan kelayakan dan kepakaran pengajar TVET dan personel SLDN (*Coach & Trainer*)



1.2.3. Seminar Kajian Penilaian Outcome Projek Pembangunan RMKe-11

Seminar Kajian Penilaian Outcome Projek Pembangunan RMKe-11 telah diadakan pada 1 November 2021 bertempat di Putrajaya dan telah dirasmikan oleh YBrs. Ts. Dr Mohamad Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JPK. Sebanyak sepuluh (10) kajian telah dibentangkan oleh ahli pasukan kajian projek pembangunan RMKe-11. Seminar ini telah berjaya memberikan maklumat berkaitan pencapaian outcome projek pembangunan sepanjang tempoh 5 tahun di bawah RMKe-11.

Jadual 1.6: Tajuk Kajian Penilaian Outcome Projek Pembangunan RMKe-11

| BIL | TAJUK KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 |
|-----|---|
| 1 | Pembangunan <i>e-Profilng</i> Pengajar TVET (Pemantapan CIAST Sebagai Pusat Kecemerlangan Pembangunan Tenaga Pengajar Vokasional) |
| 2 | Pembangunan <i>e-Profilng</i> Pengajar TVET |
| 3 | Pembangunan Kepakaran Dan Latihan Semula (<i>Reskilling</i>) Tenaga Pengajar |
| 4 | Perkongsian Tenaga Pengajar TVET Melalui Latihan Sangkutan Industri (LSI) |
| 5 | Perkongsian Tenaga Pengajar ILKA/ILKS/Industri Melalui Latihan Sangkutan Industri (LSI) |
| 6 | Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran |
| 7 | Memperkasakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) - Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran SLDN |
| 8 | Pembangunan Kurikulum & Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan |
| 9 | Memperluaskan Jalinan Kerjasama Strategik Dengan Industri Melalui Pelantikan <i>Industry Lead Body</i> (ILB) |
| 10 | Program Penilaian <i>Star Rating</i> Pusat Bertauliah |



Rajah 1.10: Seminar Kajian Penilaian Outcome Projek Pembangunan RMKe-11 pada 1 November 2021

1.2.4. **Talent Development Programme (TADPRO)**

TADPRO diperkenalkan bertujuan untuk membangunkan kepakaran semua pegawai JPK di bawah skim PLV/PPLV berdasarkan kompetensi mengikut *niche* Bahagian di JPK. Ianya merupakan program bersifat jangka panjang dan akan dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2022.

Pembangunan kompetensi mengikut *niche* dilakukan secara berfasa iaitu fasa pertama bermula pada 27 Julai hingga 24 September dan fasa kedua pada 30 Ogos 2021 sehingga 19 November 2021. Sejumlah 65 kompetensi berdasarkan 25 *niche* telah dibangunkan daripada tujuh (7) bahagian terlibat. *Niche* yang telah dibangunkan akan dimasukkan dalam Sistem TiPS untuk digunakan semasa proses penilaian bagi mengenalpasti jurang kompetensi pegawai JPK.

Refined List of Niches for Functional Competencies

DIVISIONS' NICHES (AREAS OF EXPERTISE)

| | |
|-----------------|---|
| PPP | <ul style="list-style-type: none"> ● Perancangan pembangunan kemahiran (5) ● Pengurusan projek pembangunan (3) |
| BPK | <ul style="list-style-type: none"> ● Pengurusan Pendaftaran dan Persijilan Program SPKM (2) ● Pengurusan Pelaksanaan Jaminan Kualiti SPKM (5) ● Pengurusan NDT (4) |
| BPT | <ul style="list-style-type: none"> ● Koordinasi Pentaulahan (3) ● Pentaulahan Program (2) ● Pengurusan Penentusan (Verifikasi) Pentaulahan (2) |
| P&PK | <ul style="list-style-type: none"> ● Pengurusan Aktiviti Pemeriksaan di bawah Akta 652 (3) ● Kawal Selia Penarafan Tunggal Program TVET (3) ● Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan dan Penyiasatan di bawah Akta 652 (3) ● Khidmat Pelanggan & Perhubungan Awam Jabatan (2) |
| PMO | <ul style="list-style-type: none"> ● Pengurusan sistem maklumat (5) ● Pengurusan pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa (4) ● Jabatan Promosi & Publisiti Jabatan (4) |
| BKS | <ul style="list-style-type: none"> ● Pengurusan Perundingan dan Kolaborasi (4) |
| NOSS | <ul style="list-style-type: none"> ● Pembangunan Kerangka Pekerjaan (2) ● Pembangunan Standard Pekerjaan (5) ● Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran (2) ● Pembangunan Bahan Penilaian (2) |

**20
NICHES
65
COMPETENCIES**

Rajah 1.11: Senarai *Functional Competencies* Bahagian di JPK.

1.3 HAL EHWAL ANTARABANGSA

|||||||||

Bahagian PPP di JPK, merupakan bahagian yang merancang, menyelaras dan mengurus dasar serta polisi bagi penglibatan TVET di peringkat Antarabangsa. Pada tahun ini, sebanyak 63 penyertaan antarabangsa telah disertai oleh pegawai JPK di pelbagai platform antaranya International Labour Organisation (ILO), ASEAN Qualifications Reference Framework (AQRF), Asia-Pasific Economic Cooperation (APEC), ASEAN Development Bank (ADB), Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) dan Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT). Jadual 1.7 di bawah menunjukkan beberapa program yang telah disertai oleh pihak JPK pada tahun 2021.

Jadual 1.7: Penyertaan Program Antarabangsa


| BIL | PROGRAM | AKTIVITI |
|-----|--|--|
| 1. | ASEAN | <ul style="list-style-type: none"> a) <i>1st Meeting of the Task Force for ASEAN-ROK TVET Mobility Programme</i> b) <i>1st Meeting of The Asean TVET Council (ATC)</i> c) <i>Intersessional Meeting of AQRF Committee</i> d) <i>Regional Workshop on the Monitoring and Evaluation (M&E) Framework of the Roadmap of the ASEAN Declaration on Human Resource Development (HRD) for the Changing World of Work</i> e) <i>Mesyuarat Pembentangan Deraf Akhir ASEAN Guiding Principles (AGP) For Quality Assurance and Recognition of Competency Certification Systems</i> |
| 2. | <i>Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)</i> | <ul style="list-style-type: none"> a) <i>The BIMP-EAGA Entrepreneurship Camp</i> b) Mesyuarat Penyelarasan BIMP-EAGA 2021 c) <i>BIMP EAGA HRD WG Mini Strategic Planning Meeting</i> |




| BIL | PROGRAM | AKTIVITI |
|-----|--|---|
| 3. | International Labour Organisation (ILO) | <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Institutional Mapping Meeting in the TVET/Skills training related to construction and food processing industry in Kedah</i> b) <i>Core Group Discussion of Review of Institutional Mechanism for Industry Engagement in TVET/Skills Training - Online Seminar on The Interim Findings - Construction & Food Processing</i> c) <i>Workshop on Skills for Trade and Economic Diversification (STED) for Food Processing Industry</i> d) <i>Co Host Seminar on Quality Apprenticeship: Concept and Implementation</i> e) <i>Skills Demand and Mismatch in Food Processing and Construction Sectors</i> f) <i>The Representative of Government Agencies For SSTC-ILO-UK Partnership in Sabah Through "Skills for Prosperity Programme"</i> g) <i>Meeting: Update on Skills for Prosperity Project in Sabah (SFP) - A Joint Collaboration Between International Labour Organization (ILO), Sabah Skills & Technology Centre and British High Commission Kuala Lumpur</i> |
| 4. | Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) | <ul style="list-style-type: none"> a) <i>IMT-GT Regional Workshop for Implementation Blueprint (IB) 2022-2026</i> b) <i>IMT-GT WGHRDEC to the Special Session of the Preliminary Discussion on the Skills Recognition Processes for the Welding Manufacturing</i> c) <i>IMT-GT WGHRDEC to the Special Session of the Preliminary Discussion on the Skills Recognition Processes for the Welding Manufacturing</i> |
| 5. | Asia-Pasific Economic Cooperation (APEC) | <ul style="list-style-type: none"> a) <i>APEC Closing the Digital Skills Gap Report, Trends and Insights, HRD 05 2020A (Perspective on the supply and demand of digital skills and degree of digitalization)</i> b) <i>Outreach Programme with Malaysian Stakeholders on Submission of APEC Concept Notes for Project Session 2/2021</i> c) <i>APEC Closing the Digital Skills Gap Forum: Enabling Career Pathways for Economic Mobility</i> |
| 6. | ASEAN Development Bank (ADB) | <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Discussion on Symposia on Aged Care by World Bank bersama KSM</i> b) <i>Virtual Symposium on Human Resource for Aged Care The ADB's 14th Policy Actions for COVID-19 Economic Recovery (PACER) Dialogue On Future of Skills Development In the Time of COVID-19</i> |



Rajah 1.12: Mesyuarat Pembentangan Deraf Akhir ASEAN Guiding Principles (AGP) For Quality Assurance and Recognition of Competency Ceritification Systems bersama dengan Bahagian Nasional Sertifikasi Profesi (BNSP) Indonesia pada 23 Jun 2021



Rajah 1.13: Institutional Mapping Meeting in the TVET/Skills training related to construction and food processing industry in Kedah pada 18-19 Ogos 2021



Rajah 1.14: IMT-GT Regional Workshop for Implementation Blueprint (IB) 2022-2026 Meeting pada 3 September 2021



Rajah 1.15: YBhg. Dato' Ts. Haji Zaihan bin Shukri Co-Host bersama International Labour Organization (ILO) Seminar on Quality Apprenticeship: Concept and Implementation pada 20 Oktober 2021

1.4 PENGUKURAN PETUNJUK PRESTASI

=====

1.4.1. Kajian Separuh Penggal Business Plan (KSP BP) 2021 JPK

Sabtu tahun, selepas enam (6) bulan pelaksanaan *Business Plan* Jabatan bagi tahun 2021, Jabatan akan mengadakan Mesyuarat Kerja Kajian Separuh Penggal Business Plan Jabatan bagi mengkaji semula aktiviti-aktiviti Jabatan yang telah dirancang pada awal tahun sama ada ianya masih boleh diteruskan atau sebaliknya dan turut membincangkan inisiatif lain agar aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan. Di samping itu, mesyuarat kerja ini adalah amat penting kepada Jabatan dalam memastikan Jabatan dapat menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Bagi tahun 2021, aktiviti ini telah diadakan pada 22 hingga 23 Julai 2021 di Putrajaya. Hasil mesyuarat, Pengurusan Tertinggi Jabatan telah bersetuju untuk melaksanakan perancangan *Business Plan* Jabatan melibatkan 137 projek, 559 aktiviti, 732 sasaran dan 739 *output* sehingga 31 Disember 2021.



Rajah 1.16: Mesyuarat Kajian Separuh *Business Plan* 2021 pada 22-23 Julai 2021

1.4.2. *Business Plan* JPK 2022

Jabatan telah mengadakan Mesyuarat Kerja *Business Plan* 2022 pada 23 hingga 25 November 2021 bertempat di Putrajaya. Mesyuarat ini membincangkan cadangan-cadangan aktiviti berserta peruntukan yang diperlukan dan memuktamadkan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun 2022.

Business Plan Jabatan disediakan sebagai satu rujukan utama kepada Jabatan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi memastikan Jabatan terus kekal relevan dalam industri TVET terutamanya di Malaysia. Secara ringkasnya, *Business Plan* adalah dokumen tertulis yang mengandungi maklumat strategi-strategi, projek-projek, aktiviti-aktiviti, sasaran-sasaran yang hendak dicapai dan juga peruntukan-peruntukan yang akan digunakan bagi mencapai Visi dan Misi Jabatan. Mesyuarat telah memutuskan sebanyak 150 projek, 574 aktiviti, 983 sasaran dan 987 *output* akan dilaksanakan bagi tahun 2022.



Rajah 1.17: Mesyuarat Kerja *Business Plan JPK 2022* di Putrajaya pada 23 hingga 25 November 2021.


1.4.3. Key Performance Indicators (KPI)

Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI), merupakan pengukuran prestasi yang digunakan untuk mentakrif, menilai dan melapor kemajuan penyampaian perkhidmatan agensi/ organisasi yang berada di bawah tanggungjawab pegawai. Pengukuran KPI yang digunakan adalah berasaskan kepada pencapaian pegawai yang dinilai sejajar dengan perancangan KPI organisasi. Secara asasnya, tujuan penetapan KPI adalah untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan kepada pelanggan atau golongan sasar. Bagi tahun 2021, Jabatan telah menetapkan KPI seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.8.

Jadual 1.8: KPI Utama Jabatan Tahun 2021

| BIL | TAJUK KPI | SASARAN | PENCAPAIAN |
|-----|--|----------------------------|----------------------------|
| 1 | Bilangan penganugerahan persijilan kemahiran Malaysia kepada pelatih dan pekerja | 60,000 pelatih dan pekerja | 81,779 pelatih dan pekerja |
| 2 | Bilangan tenaga pengajar TVET yang dilatih semula (Re-Skilling, Up-Skilling & Profesional) | 1,400 tenaga pengajar | 2,828 tenaga pengajar |
| 3 | Penggiatan kerjasama strategik | 4 kerjasama | 5 kerjasama |
| 4 | Peratusan sumber manusia yang dikeluarkan dengan persijilan | 95 % dipersijilkhan | 100 % dipersijilkhan |

| BIL | TAJUK KPI | SASARAN | PENCAPAIAN |
|-----|--|----------------------------------|----------------------------------|
| 5 | Bilangan pelatih dan pekerja yang dikeluarkan dengan persijilan kemahiran | 60,000 pelatih dan pekerja | 81,779 pelatih dan pekerja |
| 6 | Pelaksanaan hubungan kerjasama strategik bersama organisasi awam dan swasta | 4 kerjasama strategik | 5 kerjasama strategik |
| 7 | Bilangan penyedia TVET bagi penilaian penarafan tunggal program TVET | 40 penyedia TVET | 57 penyedia TVET |
| 8 | Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) mengikut keperluan industri | 70 NOSS dibangunkan | 78 NOSS dibangunkan |
| 9 | Pentaulahan program baharu | 600 program | 736 program |
| 10 | Bilangan lawatan pemeriksaan di bawah Akta 652 Bilangan pemeriksaan bagi Penguatkuasaan di bawah Akta 652 | 30 lawatan | 32 lawatan |
| 11 | Penganugerahan persijilan kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT | 7,000 sijil | 8,465 sijil |
| 12 | Pembangunan Kerangka Pekerjaan (OF) berdasarkan MSIC | 7 kerangka pekerjaan dibangunkan | 7 kerangka pekerjaan dibangunkan |
| 13 | Penganjuran pertandingan kemahiran | 3 kategori pertandingan | 3 kategori pertandingan |
| 14 | Pengurusan pindaan Akta 652 | 30% proses pengurusan | 30% proses pengurusan |
| 15 | Bilangan penyertaan pengajar mengikuti Latihan Sangkutan Industri dan Perkongsian Kepakaran Industri | 220 tenaga pengajar | 700 tenaga pengajar |
| 16 | Bilangan penyertaan bagi Kursus Trainer, Coach dan Induksi SLDN | 1,500 peserta | 2,889 peserta |
| 17 | Bilangan penyertaan bagi kursus induksi pentaulahan | 2,500 peserta | 5,481 peserta |
| 18 | Bilangan pengambilan pelajar baharu kursus VTO | 800 pelajar | 877 pelajar |



1.5 PENGURUSAN PERANAN KETUA PROFESION

Dalam usaha memantapkan lagi kualiti Skim Perkhidmatan PLV/PPLV, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah melantik Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia sebagai Ketua Profesional bagi Perkhidmatan Skim PLV, PPLV dan Pembantu PLV, Perkhidmatan Gunasama Persekutuan. Ketua Profesional bertanggungjawab menjalankan fungsi-fungsi berikut, iaitu:



- Perancangan dan pelaksanaan pelan latihan; dan

- Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Kecemerlangan yang akan menjalankan fungsi yang terkandung dalam Garis Panduan Kenaikan Pangkat Berasaskan Kriteria Kecemerlangan bagi Skim Perkhidmatan PLV dan PPLV.

Pada tahun 2021, Mesyuarat Kerja Ketua Profession bersama agensi berkepentingan telah dilaksanakan pada 6 April 2021 bertempat di Putrajaya melibatkan seramai 21 orang pegawai daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Belia & Sukan, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Mesyuarat ini bertujuan untuk membangunkan Terma Rujukan dan mengenalpasti syor dan usul berkaitan penambahan skim PLV/PPLV untuk dipanjangkan ke Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).



Rajah 1.18: Mesyuarat Kerja Ketua Profession bersama Agensi Berkepentingan pada 6 April 2021

1.6 KOORDINASI BERSAMA PEMEGANG TARUH TVET

1.6.1. Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)

Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) merupakan suatu majlis yang ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]. Majlis ini bertanggungjawab meluluskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), menasihati Menteri Sumber Manusia tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta ini dan perkara yang dirujukkan kepadanya oleh Menteri serta melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan dalam Akta ini.

Keanggotaan MPKK ini terdiri daripada 21 anggota Majlis daripada pelbagai Kementerian dan agensi awam/swasta yang terlibat secara langsung dengan pembangunan kemahiran di Malaysia. YB Datuk Haji Awang Bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah dilantik sebagai Pengerusi MPKK oleh YB Menteri Sumber Manusia untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 1 Ogos 2020 sehingga 31 Julai 2023 bersama dengan anggota tetap lain.


1.6.1.1. Mesyuarat MPKK

Pada tahun 2021, mesyuarat MPKK yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia telah dilaksanakan bagi membincangkan isu dan cabaran pelaksanaan latihan TVET melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Sepanjang tahun ini juga, MPKK telah meluluskan 86 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang merangkumi 44 SKPK baharu dan 34 SKPK kaji semula.

Semua SKPK ini telah diperaku oleh Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS) sebelum dibentangkan dalam MPKK untuk kelulusan. Rajah 1.19, Rajah 1.20 dan Rajah 1.21 menunjukkan sesi mesyuarat Pengerusi bersama anggota tetap MPKK.



Rajah 1.19: Mesyuarat MPKK Bil 1/2021 di Bilik Mesyuarat YB Timbalan Menteri, Putrajaya secara dalam talian menggunakan aplikasi *zoom meeting*.



Rajah 1.20: Mesyuarat MPKK Bil 2/2021 di Putrajaya secara dalam talian menggunakan aplikasi *zoom meeting*.



Rajah 1.21: Mesyuarat MPKK Bil 3/2021 di Kuala Lumpur.

Selain itu juga, sebanyak tujuh (7) kertas telah dibentangkan dalam mesyuarat MPKK sepanjang tahun 2021 dan senarai kertas pembentangan adalah seperti Jadual 1.9.

Jadual 1.9: Senarai Kertas Pembentangan di MPKK

| BIL | MESYUARAT | TAJUK KERTAS |
|-----|--|--|
| 1. | MPKK BIL. 1/2021 (23 Februari 2021) | 1. Kertas Pemakluman: Pelaksanaan Penarafan Tunggal Program TVET |
| 2. | MPKK BIL. 2/2021 (24 Jun 2021) | 2. Kertas Pertimbangan: Modul NCS: Social Security Administration – PERKESO 3. Kertas Makluman 1: Pembentangan Pencapaian Quick Win JKK MPKK 2021 – JPK 4. Kertas Makluman 2: Penarafan Tunggal Program TVET – JPK |
| 3. | MPKK BIL. 3/2021 (29 Oktober 2021) | 5. Kertas Pertimbangan 1: Cadangan Pindaan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [AKTA 652] 6. Kertas Pertimbangan 2: Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Kerja (JKK) Pembangunan Tahfiz TVET |
| 4 | MPKK Khas (2 November 2021) | 7. Penarafan Tunggal Program TVET: Inisiatif ke Arah Penyeragaman Kualiti Program TVET |

1.6.1.2. **Jawatankuasa & Jawatankuasa Kerja di bawah MPKK**

Bagi memantapkan lagi fungsi MPKK, sebanyak dua (2) Jawatankuasa (JK) dan tujuh (7) Jawatankuasa Kerja (JKK) telah ditubuhkan. Jadual 1.10 menunjukkan senarai Jawatankuasa dan Jawatankuasa Kerja serta fungsi penubahannya. Sehingga kini, sejumlah 175 ahli yang terdiri daripada 117 ahli daripada agensi awam dan 58 ahli daripada agensi swasta telah dilantik sebagai ahli JKK untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 15 Februari 2021 sehingga 14 Februari 2024.

Sebanyak lima (5) mesyuarat telah diadakan pada tahun 2021 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.11. Mesyuarat tersebut telah membincangkan 117 cadangan yang telah dikenalpasti bagi menangani 59 isu dan cabaran pelaksanaan latihan TVET melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

Jadual 1.10: Senarai Jawatankuasa di bawah MPKK

| BIL. | JAWATANKUASA/ JAWATANKUASA KERJA DI BAWAH MPKK | FUNGSI |
|------|--|--|
| 1. | Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran (JPPKK) | Bertanggungjawab terhadap permohonan bagi penilaian penyetaraan program persijilan kemahiran Malaysia dengan kelayakan kemahiran lain yang dikeluarkan oleh mana-mana badan atau organisasi di dalam dan di luar Malaysia (kecuali bagi program atau kelayakan yang dikeluarkan oleh badan profesional seperti CIDB, Suruhanjaya Tenaga dan lain-lain) |
| 2. | Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS) | Bertanggungjawab mengesah dan memperaku Standard yang telah dibangunkan selaras dengan keperluan industri negara untuk kelulusan MPKK |
| 3. | Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus TVET | Bertanggungjawab untuk meningkatkan tadbir urus TVET yang lebih efektif |
| 4. | Jawatankuasa Kerja Persijilan & Pengiktirafan | Bertanggungjawab untuk mengharmoni hubungan di antara JPK dengan <i>regulatory body</i> yang lain untuk mengelakkan pertindihan kuasa serta mewujudkan laluan kerjaya yang lebih jelas |
| 5. | Jawatankuasa Kerja Pembiayaan Latihan | Bertanggungjawab merangka kaedah pembiayaan latihan yang lebih produktif |
| 6. | Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan TVET | Bertanggungjawab mencadangkan mekanisme pelaksanaan latihan yang lebih signifikan selaras dengan keperluan industri negara |
| 7. | Jawatankuasa Kerja Kerjasama Strategik | Bertanggungjawab membentuk kerjasama strategik di antara kerajaan, industri serta pusat latihan bagi merancakkan pelaksanaan TVET |
| 8. | Jawatankuasa Kerja Promosi | Bertanggungjawab penjenamaan semula serta meningkatkan penerimaan masyarakat berkaitan TVET |
| 9 | Jawatankuasa Kerja Pembangunan Tahfiz TVET | Bertanggungjawab menyelaras isu, cabaran dan memperkuuh serta memperkasakan latihan TVET melibatkan institusi dan pelajar tahfiz melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) |

Mesyuarat JKK MPKK Bil 3/2021 juga telah mengesyorkan cadangan Penambahbaikan Kerangka *Blueprint* Pembangunan Modal Insan Berkemahiran ‘Memperkasakan Modal Insan Melalui TVET Dipacu Industri’ 2021 – 2025. Rajah 1.22, Rajah 1.23, Rajah 1.24 dan Rajah 1.25 menunjukkan sesi panyampaian amanat, mesyuarat penyelarasan dalam dan mesyuarat JKK MPKK bagi tahun ini.


Jadual 1.11: Mesyuarat Penyelarasana Dalaman dan JKK MPKK bagi Tahun 2021




Rajah 1.22: Sesi Penyampaian Amanat Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia Bersama Ahli JKK MPKK



Rajah 1.23: Mesyuarat JKK MPKK Bil. 1/2021 Dipengerusikan Oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia di Putrajaya Pada 1 April 2021



Rajah 1.24: YBhg. Dato' Ts. Haji Zaihan bin Shukri, KPPK Mempengerusikan Mesyuarat JKK MPKK Bil. 2/2021 di JPK Putrajaya secara dalam talian pada 14 Jun 2021



Rajah 1.25: Mesyuarat JKK MPKK Bil. 3/2021 di JPK, Putrajaya secara dalam talian pada 23 September 2021

1.6.2. Majlis TVET Negara

Pada 18 Disember 2020, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) melalui Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bernombor rujukan M555/2020.

MTVET merupakan badan tertinggi dalam membuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara hasil daripada pertimbangan isu dan cabaran secara menyeluruh. Penubuhan MTVET adalah manifestasi kerajaan dalam menambahbaik penyelarasan ekosistem TVET. Secara keseluruhan, struktur tadbir urus MTVET terdiri daripada tiga (3) peringkat, iaitu Majlis TVET Negara (MTVET) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan diikuti dengan Jawatankuasa Eksekutif (JKE) yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Sumber Manusia dan YB Menteri Pengajian Tinggi. Peringkat terakhir adalah Kumpulan Fokus (FG) yang terdiri daripada FG Governan, FG Industri, FG Kualiti, FG Pembentukan dan FG Penjenamaan. MTVET diurussetiakan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej

Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Bagi menyokong penubuhan MTVET, barisan tertinggi KSM yang diketuai oleh YB Menteri Sumber Manusia, YB Timbalan Menteri Sumber Manusia (Pengerusi MPKK), Ketua Setiausaha KSM, Ketua Pengarah JPK, Ketua Pengarah JTM, dua (2) wakil industri (anggota MPKK), pegawai-pegawai kanan daripada KSM, JTM, JPK dan PSMB telah dilantik menganggotai MTVET serta JK di bawahnya.

KSM juga telah membentangkan satu (1) kertas bertajuk **Penarafan Tunggal Program TVET: Inisiatif ke Arah Penyeragaman Kualiti Program TVET** di dalam Mesyuarat JKE **MTVET Bil 1/2022** yang telah di adakan pada **29 Jun 2021**. Penarafan Tunggal program TVET merupakan suatu sistem penarafan yang akan mengukur tahap kualiti dan standard sesuatu program TVET di institusi TVET awam dan swasta di dalam Majlis TVET Negara yang telah diakreditasi oleh JPK dan MQA.

1.6.3. Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee, JTC*) Jaminan Kualiti Tunggal TVET

Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee, JTC*) antara JPK dan MQA telah diwujudkan bagi menyelaras pelaksanaan Sistem Akreditasi Tunggal berdasarkan COPTPA. Terdapat empat (4) Jawatankuasa Kecil ditubuhkan di bawah JTC, iaitu:



- a. Jawatankuasa Kecil Hebahan;
- b. Jawatankuasa Kecil Pembangunan Daftar *Occupational/Industry Standard and Practices* (OISP);
- c. Jawatankuasa Kecil Pembangunan Panel Penilai TVET; dan
- d. Jawatankuasa Kecil Proses Kerja Akreditasi Tunggal TVET.

Seramai 21 ahli menganggotai JTC ini yang terdiri daripada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan serta wakil-wakil industri yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan jaminan kualiti tunggal TVET. Mesyuarat dijalankan secara bergilir di antara JPK dan MQA. Sepanjang tahun 2021, sebanyak tujuh (7) Kertas pembentangan berkaitan proses akreditasi tunggal berdasarkan COPTPA telah di luluskan di dalam tiga (3) siri Mesyuarat JTC yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan Ketua Pegawai Eksekutif MQA. Antara perkara lain yang dibincangkan adalah berkaitan pelaporan aktiviti setiap Jawatankuasa Kecil serta perkara-perkara lain berkaitan proses akreditasi tunggal berdasarkan COPTPA. Jadual 1.12 menunjukkan senarai tajuk kertas pembentangan di Mesyuarat JTC yang telah diluluskan.

Jadual 1.12: Senarai Kertas Pembentangan di Mesyuarat JTC Tahun 2021

| BIL. | MESYUARAT & TARikh | KERTAS PEMBENTANGAN |
|------|--|---|
| 1. | JTC Bil. 1/2021 23 Mac 2021 | <ul style="list-style-type: none"> 1. Kertas Cadangan Penyenaraian Dokumen Rujukan Industri oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam Daftar OISP TVET dari JPPKK. |
| 2. | JTC Bil. 2/2021 29 Julai 2021 | <ul style="list-style-type: none"> 2. Kertas Pertimbangan Penerangan Terma “Pengalaman Industri” dan “Latihan Sangkutan Industri” bagi Standard Tenaga Pengajar dalam <i>Code of Practice for TVET Programme (COPTPA) Second Edition</i>. 3. Kertas Pertimbangan <i>Guidelines: Graduate Certificate in Technical and Vocational Education and Training (TVET) Teaching Competency</i>. |
| 3. | JTC Bil. 3/2021 9 November 2021 | <ul style="list-style-type: none"> 4. Semakan Semula Keahlian, Terma Dan Syarat Pelantikan Serta Prosiding Mesyuarat JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET Bagi Sesi 2022-2025. 5. Semakan Semula Keahlian Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kecil JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET 2022. 6. Kertas Cadangan Memperakulkan Pelantikan Panel Penilai TVET. 7. Kertas Cadangan Penambahbaikan Kriteria Pelantikan Panel Penilai TVET. |



BAHAGIAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (NOSS)

2.1 PEMBANGUNAN OCCUPATIONAL FRAMEWORK (OF), NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARDS (NOSS), WRITTEN INSTRUCTIONAL MATERIAL (WIM) DAN SOALAN LATIHAN KEMAHIRAN

||||||||||||||

2.1.1 Pembangunan Kerangka Pekerjaan/ Occupational Framework (OF)

Kerangka Pekerjaan atau *Occupational Framework* adalah dokumen yang menggariskan struktur pekerjaan melalui proses analisis pekerjaan yang merangkumi bidang kerja (*Job Area*) dan tajuk pekerjaan (*Job Title*) mengikut tahap bagi sesuatu industri di Malaysia. Selain itu, tajuk pekerjaan yang kritikal ditentukan oleh industri melibatkan penawaran dan permintaan (*supply and demand*) seiring keperluan industri semasa. OF yang telah diluluskan akan menjadi rujukan pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) di mana

senarai deskripsi tugas yang dibangunkan boleh dijadikan asas bagi pembangunan unit kompetensi.

Sepanjang 2021, sebanyak tujuh (7) pakej OF yang merangkumi sembilan (9) dokumen OF telah dibangunkan. Pengelasan sesuatu OF dihasilkan berpandukan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (*Malaysian Standard Industrial Classification, MSIC*) yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM). Senarai tajuk OF yang dibangunkan adalah seperti di Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Dokumen Kerangka Pekerjaan tahun 2021.

| BIL. | SEKSYEN | BAHAGIAN | TAJUK OF |
|------|---------|----------|--|
| 1. | B | 06 | Pengekstrakan Petroleum Mentah dan Gas Asli |
| 2. | C | 10 | Pembuatan Produk Makanan |
| 3. | F | 42 | Kejuruteraan Awam |
| 4. | I | 55 | Penginapan |
| 5. | J | 58 | Aktiviti Penerbitan |
| 6. | J | 60 | Aktiviti Pemprograman dan Penyiaran |
| | | 90 | Aktiviti Kesenian, Hiburan dan Kreatif |
| 7. | R | 91 | Aktiviti Perpustakaan, Arkib, Muzium dan Kebudayaan Lain |
| | | 93 | Aktiviti Sukan dan Aktiviti Hiburan dan Rekreasi |

Sesi lawatan kualiti ke industri secara webinar (*virtual visit*) juga diadakan pada tahun 2021 mengikut bidang OF yang dibangunkan untuk pendedahan kepada struktur pekerjaan yang berkaitan.

2.1.2. Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan, SKPK (National Occupational Skills Standards, NOSS)

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan, SKPK (*National Occupational Skills Standards* atau akronimnya dikenali sebagai *NOSS*) adalah dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan kerjaya untuk mencapai keterampilan tersebut. Pembangunan *NOSS* ini adalah mengikut keperluan semasa bidang pekerjaan tertentu, selaras dengan struktur pekerjaan (*Occupational Structure*) dan struktur bidang pekerjaan (*Occupational Area Structure*) yang terdapat di dalam sektor industri berkenaan.

Sehingga Disember 2021, bilangan *NOSS* yang aktif adalah sebanyak 1,987 tajuk dan bilangan Standard Kompetensi Kebangsaan (NCS) yang aktif adalah sebanyak 33 tajuk. Bilangan Kurikulum Sistem Latihan Dual (K-SLDN) yang diiktiraf sebagai *NOSS* adalah sebanyak 29 tajuk. Manakala bilangan *NOSS* dan NCS yang telah dikaji semula atau dijumlahkan

adalah sebanyak 1,463 tajuk. Data *NOSS* mengikut Seksyen MSIC 2008 dan tahap boleh merujuk kepada Daftar Standard iaitu dokumen senarai yang diluluskan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) bagi kegunaan industri dan latihan di laman web www.dsd.gov.my.

Jadual 2.2 menunjukkan bilangan dokumen Standard iaitu *NOSS* dan NCS yang telah dibangunkan atau dikaji semula pada tahun 2021. Manakala pembangunan *NOSS* melalui kerjasama *Industry Lead Body* (ILB) kerajaan adalah ILB Bahagian Pembangunan Kemahiran Latihan Pertanian (BPKLP) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; ILB badan berkanun adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta ILB swasta adalah *Material Handling Logistics and Technology Association* (MHLTA). Jumlah keseluruhan Standard (*NOSS*/NCS) yang telah dibangunkan bagi tahun 2021 adalah sebanyak 38 pakej atau 63 tajuk.

Jadual 2.2: Bilangan *NOSS/NCS* berstatus baharu atau kaji semula yang telah dibangunkan pada tahun 2021, dinilai pada indikator pakej dan tajuk.

| BIL. | KAEDAH PEMBANGUNAN | STATUS | BIL. PAKEJ | BIL. TAJUK |
|------|-----------------------|-------------|------------|------------|
| 1. | NOSS (secara dalaman) | Baharu | 13 | 19 |
| 2. | NOSS (secara dalaman) | Kaji Semula | 3 | 7 |

| BIL. | KAEDAH PEMBANGUNAN | STATUS | BIL. PAKEJ | BIL. TAJUK |
|---------------------------|--|-------------|------------|------------|
| 3. | NOSS (secara luaran - (khidmat runding)) | Baharu | 6 | 10 |
| 4. | NOSS (secara luaran - (khidmat runding)) | Kaji Semula | 8 | 14 |
| 5. | NOSS (secara luaran - agensi/ILB) | Baharu | 1 | 2 |
| 6. | NOSS (secara luaran - agensi/ILB) | Kaji Semula | 6 | 10 |
| 7. | NCS (secara dalaman) | Kaji Semula | 1 | 1 |
| Jumlah Keseluruhan | | | 38 | 63 |




Rajah 2.1:
Mesyuarat Kerja Pembangunan Standard secara dalaman bagi *Bidang Digital Marketing* Tahap 3 - Tahap 5 yang dirasmikan oleh Pengarah NOSS di Sepang, Selangor pada 16 - 20 April 2021.



Rajah 2.2:
Mesyuarat Kerja Pembangunan Standard secara luaran bagi Bidang *Heating, Ventilation, Air-Conditioning and Refrigeration (HVAC&R) Three Phase Installation and Maintenance Level 3* pada 7 Ogos 2021 - 11 September 2021.

Kandungan Standard yang telah dibangunkan akan disemak, dinilai dan disahkan oleh Panel Penilai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard supaya memenuhi keperluan industri serta mengikut format yang telah ditetapkan. Penilaian bagi setiap tajuk Standard telah dilakukan dalam dua peringkat.



Rajah 2.3: Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard (JTPS) bagi bidang *Telecommunications System and Network Security* pada 14 Julai 2021.

2.1.3. Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bertulis

Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bertulis atau lebih dikenali sebagai *Written Instructional Material* (WIM) adalah dokumen yang dibangunkan sebagai panduan kepada tenaga pengajar dan pelatih bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Pembangunan WIM ini adalah berpandukan kepada kurikulum unit kompetensi atau *Curriculum of Competency Unit* (CoCU) di dalam dokumen *Standard* yang terkini. Semua pembangunan WIM pada tahun 2021 adalah mengikut Panduan Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bertulis yang terkini berdasarkan kepada *Code of Practice for TVET Program Accreditation* (COPTPA). Pada tahun 2021, empat belas (14) dokumen WIM telah dibangunkan adalah seperti di Jadual 2.3.

Jadual 2.3: Dokumen WIM mengikut kod dan tajuk *Standard* pada 2021.

| BIL. | KOD | TAJUK WIM |
|------|-----------------|--|
| 1. | S960-002-2:2020 | Perkhidmatan Terapi Kecantikan |
| 2. | C259-006-2:2020 | <i>Machining Operation</i> |
| 3. | C259-007-4:2020 | Pembangunan Penekanan Dai |
| 4. | F432-007-3:2020 | Pemasangan dan Penyelenggaraan Satu Fasa Penyamanan Udara, Pengudaraan, Pemanasan (HVAC) |
| 5. | MC-112-1/2:2014 | Pakej Bidang NDT |
| 6. | MC-113-1/2:2015 | Pakej Bidang NDT |

| BIL. | KOD | TAJUK WIM |
|------|-------------------|------------------|
| 7. | MC-110-1/2:2015 | Pakej Bidang NDT |
| 8. | MC-114-1/2:2014 | Pakej Bidang NDT |
| 9. | M712-004-2/3:2017 | Pakej Bidang NDT |




Rajah 2.4: Sesi Pembangunan WIM bersama Akademi Maritim Malaysia pada 22 - 26 Mac 2021 bertempat di Kuantan, Pahang.

Selaras dengan hasrat Jabatan agar setiap Pusat Bertauliah (PB) berkeupayaan untuk menghasilkan WIM yang berkualiti dan menepati kehendak COPTPA di institusi masing-masing, sebanyak lima (5) siri program bimbingan dan khidmat nasihat yang melibatkan 300 peserta keseluruhannya telah dilaksanakan seperti di Jadual 2.4. Di samping itu, Jabatan juga menerima jemputan daripada PB untuk memberi taklimat dan khidmat nasihat di institusi mereka. Secara khasnya program ini bertujuan untuk membantu Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta di seluruh Malaysia memperolehi kefahaman yang jelas berkaitan tatacara pembangunan WIM berdasarkan COPTPA.

Jadual 2.4: Program Khidmat Nasihat WIM dan Soalan berdasarkan COPTPA.

| BIL. | KOD | TAJUK WIM |
|------|------------------------|-----------------|
| 1. | 5 – 9 Julai 2021 | Wilayah Selatan |
| 2. | 2 – 6 Ogos 2021 | Wilayah Tengah |
| 3. | 23 – 27 Ogos 2021 | Wilayah Timur |
| 4. | 20 – 24 September 2021 | Malaysia Timur |
| 5. | 25 – 29 Oktober 2021 | Wilayah Utara |



Rajah 2.5: Program Khidmat Nasihat Pembangunan WIM bersama IKTBN Pagoh pada 4 & 5 Oktober 2021 secara atas talian.

2.1.4. Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan bagi menilai keterampilan pelatih di institusi kemahiran. Soalan penilaian latihan kemahiran dibangunkan bertujuan menilai tahap pengetahuan dan kemahiran yang mencakupi keterampilan yang terdiri daripada fakta, teori, prosedur serta sikap, amalan keselamatan dan alam sekitar seseorang pelatih yang mengikuti program latihan kemahiran di Pusat Bertauliah. Secara teorinya, penilaian merupakan suatu proses membuat keputusan yang sistematik melibatkan pengenalpastian, pemerolehan dan pentafsiran maklumat yang berguna bagi pertimbangan pilihan-pilihan keputusan berdasarkan kepada sesuatu objektif pendidikan. Dari segi pengajaran dan pembelajaran, penilaian boleh didefinisikan sebagai satu proses menilai tahap kekompetenan yang merangkumi kemahiran, pengetahuan dan sikap seseorang pelatih semasa melaksanakan tugas yang ditetapkan. Jabatan telah mengambil inisiatif untuk membangunkan soalan penilaian latihan kemahiran bagi kegunaan di Pusat Bertauliah. Pembangunan soalan penilaian latihan kemahiran ini adalah merujuk kepada Panduan Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran yang terkini. Pada tahun 2021, set soalan penilaian telah dibangunkan bagi lima (5) tajuk Standard seperti di Jadual 2.5.

Jadual 2.5: Soalan Penilaian Latihan Kemahiran yang telah dibangunkan pada tahun 2021 mengikut kod dan tajuk Standard.

| BIL. | KOD | TAJUK WIM |
|------|-----------------|---|
| 1. | S960-002-2:2020 | Perkhidmatan Terapi Kecantikan |
| 2. | C259-006-4:2020 | Pembangunan Rekabentuk & Pengeluaran Pemesinan |
| 3. | G452-002-4:2017 | Selepas Jualan – Operasi Servis |
| 4. | F432-007-3:2020 | Pemasangan dan Penyelenggaraan Satu Fasa Penyamanan Udara, Pengudaraan, Pemanasan |
| 5. | F432-005-3:2019 | Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik Tiga Fasa |



Rajah 2.6: Bengkel Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran bersama Bahagian Pembangunan Kemahiran Latihan Pertanian (BPKLP) di Putrajaya.



Rajah 2.7: Bengkel Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran yang dilaksanakan secara dalam talian.

2.1.5. Panduan-Panduan Pembangunan OF/SKPK/WIM/Soalan

Bahagian NOSS telah menghasilkan buku panduan pembangunan bagi Kerangka Pekerjaan (*Occupational Framework, OF*), Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standards, NOSS*), Bahan Pengajaran Bertulis (*Written Instructional Materials, WIM*) dan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran. Buku panduan ini dijadikan rujukan dalam mesyuarat pembangunan NOSS, OF, WIM dan soalan penilaian latihan kemahiran; dan dapat memberi manfaat dalam meningkatkan keupayaan industri latihan kemahiran di Malaysia. Di samping itu, buku panduan ini menjadi rujukan oleh pihak-pihak tertentu contohnya pusat bertauliah awam dan swasta.



Rajah 2.8: Buku-buku panduan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021.

2.2 PENDAFTARAN NOSS DENGAN MyIPO



Standard yang diperaku oleh Mesyuarat MPKK perlu dilindungi hakcipta dengan membuat pendaftaran hakcipta dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Dengan itu, kandungan NOSS akan terpelihara daripada sebarang aktiviti yang tidak diingini sebagai contoh ciplak hasil karya. Selain itu, pendaftaran ini adalah usaha Jabatan dalam mengiktirafkan komitmen ahli panel pembangun dan fasilitator pembangunan standard.

Pada tahun 2021, pendaftaran hakcipta MyIPO telah melibatkan 99 tajuk NOSS dan satu (1) tajuk NCS yang telah diluluskan oleh Mesyuarat MPKK yang lepas. Jumlah terkini tajuk-tajuk NOSS dan NCS yang telah didaftarkan untuk perlindungan hakcipta di bawah MyIPO adalah 1,611 seperti di Jadual 2.6.

Jadual 2.6: Statistik pendaftaran hakcipta dokumen standard dengan MyIPO sehingga tahun 2021.


| BIL. | TAHUN DAFTAR | BILANGAN NOSS |
|---------------|--------------|---------------|
| 1 | 2012 | 0 |
| 2 | 2013 | 0 |
| 3 | 2014 | 301 |
| 4 | 2015 | 444 |
| 5 | 2016 | 0 |
| 6 | 2017 | 532 |
| 7 | 2018 | 109 |
| 8 | 2019 | 0 |
| 9 | 2020 | 125 |
| 10 | 2021 | 100 |
| JUMLAH | | 1611 |

2.3 PENGEMASKINIAN NOSS/ WIM (eWIM)/ SOALAN (eQB) DALAM MYSPIKE



2.3.1. Pengemaskinian NOSS dalam MySPIKE

Bengkel pengemaskinian maklumat NOSS di dalam MySPIKE 2021 yang melibatkan 20 orang pegawai JPK telah berlangsung melibatkan dua (2) fasa iaitu pada 30 September 2021 sehingga 14 Oktober 2021 dan 15 Oktober 2021 sehingga 30 Oktober 2021 yang melibatkan 1500 tajuk NOSS. Data-data NOSS di dalam sistem MySPIKE perlu diselenggara



secara berkala bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan oleh Jabatan kepada pengguna berada pada tahap terbaik.



Rajah 2.9: Taklimat pengemaskinian maklumat NOSS di dalam MySPIKE 2021 yang dirasmikan oleh Pengarah NOSS pada 15 September 2021.

2.3.2. Pengemaskinian WIM dalam MySPIKE (eWIM)

Bengkel pengemaskinian WIM ke dalam MySPIKE (e-WIM) telah diadakan dalam dua (2) fasa iaitu pada 16 Jun 2021 dan 20 Ogos 2021 yang melibatkan seramai 15 pegawai. Peserta bengkel telah diberi penerangan tentang kaedah untuk memuatnaik Jadual Penetapan Masa Bersemuka Teori dan Amali, Jadual Pembahagian WIM Teori dan Amali serta Pelan Mengajar Teori, Pelan Mengajar Amali, Kertas Penerangan, Kertas Tugasan dan Kertas Kerja ke dalam MySPIKE. Sebanyak 16 WIM telah berjaya dikemaskini di dalam MySPIKE iaitu bagi Kod NOSS A014-004-2:2018, A014-003-3:2018, HT-090-2:2012, HT-013-2:2011, C331-006-3:2019, N791-004-2:2019, G452-002-2:2018, A014-004-3:2018, PR-028-5:2016, J620-001-5:2019, ME-020-2:2012, MC-024-3:2012, HT-013-3:2011, PR-028-4:2016, H522-001-3:2016 dan I561-002-2:2019.

2.3.3. Pengemaskinian Soalan dalam MySPIKE (eQB)

Pengemaskinian *Electronic Question Bank* (eQB) ke dalam MySPIKE telah dijalankan untuk memuatnaik soalan pengetahuan yang terdiri daripada soalan objektif dan soalan prestasi beserta skema pemarkahan bagi bidang-bidang NOSS tertentu. Bagi tahun 2021 ini, sebanyak 30 bidang NOSS yang merangkumi 12,448 soalan pengetahuan telah dimuatnaik ke dalam MySPIKE (eQB).

2.4 PEMBANGUNAN FASILITATOR

=====

Di bawah skop Membangun dan memantapkan fasilitator bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian, Bahagian NOSS telah menganjurkan Kursus *Research Methodology* bagi tahun 2021. Kursus ini merupakan aspek penting bagi kesiapsiagaan dalam memantapkan kemahiran penyelidik dalam menganalisis dan mensintesis literatur berkaitan dengan pernyataan masalah dan topik penyelidikan; membina pernyataan masalah penyelidikan kualitatif, kuantitatif dan percampuran berdasarkan literatur; rekabentuk kajian dan instrumentasi menggunakan konsep dan proses penyelidikan dengan beretika; serta meningkatkan kualiti sistem penyampaian Bahagian NOSS yang berkesan

dengan memudahcara, menyelidik, dan mendapatkan maklumat semasa sesi mesyuarat kerja pembangunan untuk menghasilkan dokumen Kerangka Pekerjaan.

Seramai 30 pegawai Jabatan dan Pegawai Penyelidik yang dilantik telah diberi pendedahan berkaitan metodologi yang bersesuaian dengan pembangunan kajian yang dilakukan dalam pembangunan Kerangka Pekerjaan (OF). Penceramah kursus ini adalah pegawai CIAST iaitu Ts. Dr. Nurul Amin bin Badrul dan pegawai daripada INTAN Bukit Kiara iaitu Dr. Suzianah Nhazzla binti Ismail.



Rajah 2.10: Kursus *Research Methodology* di Selangor pada 23 - 27 April 2021.



Rajah 2.11: Kursus *Research Methodology* telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) di Bangi, Selangor pada 23 - 27 April 2021.

2.5 TAKLIMAT/WEBINAR

2.5.1. Dialog Awam (*Townhall*) Kerangka Pekerjaan (OF)

Program Dialog Awam (*Townhall*) Kerangka Pekerjaan (OF) secara webinar bersama pemegang taruh (*stakeholder*) telah diadakan bagi memperkenalkan OF yang dibangunkan pada tahun 2021 seterusnya keperluan OF kepada industri. Selain itu, program ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas terhadap dokumen OF bagi tujuan penambahbaikan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Unit Pengurusan Kerangka Pekerjaan (OF) telah mengadakan sembilan (9) sesi Program Dialog Awam OF yang melibatkan penyertaan seramai 50 orang bagi tujuan pemantapan kualiti pembangunan sembilan (9) dokumen OF pada 21 hingga 24 September 2021.



Rajah 2.12:
Program Dialog
Awam (*Townhall*)
OF bagi Seksyen
dan Bahagian F42:
Kejuruteraan Awam
pada 23 September
2021.

2.5.2. Webinar NOSS 2021 “OF dan NOSS: Keperluan Dalam Peningkatan Kemahiran dan Kerjaya”

Bahagian NOSS dengan kerjasama Bahagian Pemantauan Projek (PMO) dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) telah menganjurkan satu webinar bertajuk “OF dan NOSS: Keperluan dalam Peningkatan Kemahiran dan Kerjaya”. Webinar ini telah disiarkan secara lansung dari Studio CIAST pada 8 Disember 2021 dan ditayangkan secara dalam talian *Zoom* dan *Live Facebook*. Webinar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Ts. Haji Zaihan Bin Shukri, Ketua Pengarah Pembangunan

Kemahiran dengan jumlah penyertaan berdaftar seramai 886 orang peserta.

Webinar ini bertujuan memberi hebahan mengenai peranan NOSS dan Kerangka Pekerjaan (OF) sebagai mekanisma utama penyediaan tenaga mahir dan bakat negara. Kumpulan sasar bagi webinar ini adalah semua pemegang taruh industri dan latihan kemahiran termasuklah pemain industri, penyedia latihan dan agensi kerajaan dan swasta dari pelbagai bidang industri. Dua

(2) fasilitator pakar Bahagian NOSS yang terlibat adalah Dr Zool Hilmi bin Mohamed Ashari dan En. Ahmad Azran bin Ranaai dengan bantuan moderator Tn Hj Mohd Aidil Fitri bin Ab. Razak telah menjayakan sesi webinar kali ini dalam usaha Bahagian NOSS untuk mewujudkan Organisasi Pembelajaran (*Learning Organisation*) di JPK dan keseluruhan komuniti latihan kemahiran TVET.



Rajah 2.13: Moderator bersama Fasilitator Pakar yang dijemput semasa Webinar NOSS pada 8 Disember 2021.



Rajah 2.14: Webinar NOSS 2021 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di Studio CIAST.

2.6 JAWATANKUASA TEKNIKAL STANDARD (JTS)/ JAWATANKUASA TEKNIKAL DALAMAN (JTD)/ JAWATANKUASA PENGESAHAN KURIKULUM & PENILAIAN (JKPKP)

|||||||||||||||

2.6.1. Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS)

Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS) merupakan Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) untuk melaksanakan fungsi MPKK yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(a) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] bagi memperakui Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) untuk tujuan kelulusan di peringkat MPKK.

Ahli-ahli JTS dilantik oleh Pengerusi MPKK yang terdiri daripada pengerusi, timbalan pengerusi, empat (4) ahli daripada pemegang taruh (stakeholder), dua (2) ahli yang berpengalaman dalam bidang latihan kemahiran, 21 orang wakil industri mengikut bidang industri dalam Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008, serta Pengarah Bahagian NOSS selaku setiausaha.

Sepanjang tahun 2021 sebanyak sebelas (11) mesyuarat secara dalam talian telah dianjurkan oleh Unit Pengurusan dan Kawalan Kualiti bagi memperakui 103 Standard yang dibangunkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Standard (JPS) seperti di Jadual 2.7 berikut:

Jadual 2.7: Mesyuarat JTS bagi tahun 2021.

| MESYUARAT | TARIKH | BILANGAN NOSS/NCS DIPERAKU |
|------------------|-------------|----------------------------|
| JTS Bil. 01/2021 | 4 Februari | 23 |
| JTS Bil. 02/2021 | 20 Mei | 14 |
| JTS Bil. 03/2021 | 12 Ogos | 0 |
| JTS Bil. 04/2021 | 6 Oktober | 14 |
| JTS Bil. 05/2021 | 7 Oktober | 12 |
| JTS Bil. 06/2021 | 14 Oktober | 15 |
| JTS Bil. 07/2021 | 15 Oktober | 0 |
| JTS Bil. 08/2021 | 22 November | 8 |
| JTS Bil. 09/2021 | 26 November | 5 |
| JTS Bil. 10/2021 | 29 November | 6 |
| JTS Bil. 11/2021 | 30 November | 6 |

Mesyuarat JTS adalah aktiviti tahunan bagi memastikan penyelarasan dan kualiti dokumen Standard yang dibangunkan memenuhi kriteria dan keperluan industri yang ditetapkan sebelum diangkat ke Mesyuarat MPKK untuk kelulusan.



Rajah 2.15: Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS) Bil. 5/2021 bagi NOSS kaji semula bidang *Aerospace Metal Sheet Structure Repair Operation and Inspection* Tahap 3 pada 7 Oktober 2021.

2.6.2. Jawatankuasa Teknikal Dalaman (JTD)

Jawatankuasa Teknikal Dalaman (JTD) diwujudkan bagi tujuan untuk menyemak, menilai dan mengesahkan laporan awal dan laporan akhir pembangunan OF supaya perancangan dan pendekatan pembangunan OF memenuhi keperluan kajian pembangunan dan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan.


Mesyuarat JTD dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian NOSS dan ahli mesyuarat adalah terdiri daripada empat (4) orang wakil Jabatan yang berkelayakan akademik Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD) serta pasukan pembentang iaitu Pegawai Penyelidik dan Pembantu Penyelidik.

Sepanjang tahun 2021, mesyuarat JTD telah dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Kerangka Pekerjaan secara dalam talian dalam dua (2) peringkat iaitu peringkat

pertama (Bil. 1/2021) adalah menilai perancangan awal pembangunan OF manakala peringkat kedua (Bil. 2/2021) adalah menilai laporan akhir merangkumi keseluruhan deraf akhir OF. Tarikh mesyuarat adalah seperti di Jadual 2.8.

Jadual 2.8: Tarikh Mesyuarat JTD bagi tahun 2021.






Rajah 2.16: Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dalaman (JTD) Pembangunan Kerangka Pekerjaan (OF) Bil. 1/2021 pada 31 Mei 2021.

2.6.3. Jawatankuasa Pengesahan Kurikulum & Penilaian (JKPKP)

Jawatankuasa Pengesahan Kurikulum & Penilaian (JKPKP) bertujuan untuk mengesahkan kandungan WIM dan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran (SPLK) yang telah dibangunkan. Ahli JKPKP yang dilantik adalah di kalangan ahli yang pakar di dalam bidang pengkhususan yang terdiri daripada seorang pengurus, dua (2) orang wakil pembangun WIM/ SPLK serta dua (2) orang panel penilai iaitu seorang panel pakar industri di dalam bidang yang khusus dan seorang panel pengajar pakar juga dalam bidang yang dilantik.

Sepanjang tahun 2021 sebanyak dua (2) mesyuarat teknikal dan dua (2) mesyuarat JKPKP telah dijalankan secara dalam talian bagi mengesahkan 165 set WIM teori dan 171 set WIM amali yang telah dibangunkan meliputi empat belas (14) bidang NOSS. Bagi SPLK pula, sebanyak lima (5) bidang NOSS yang mencakupi 1900 soalan objektif, 42 soalan subjektif dan 62 soalan amali telah disahkan.



Rajah 2.17:
Mesyuarat
Jawatankuasa
Pengesahan
Kurikulum &
Penilaian (JKPKP)
bagi soalan latihan
kemahiran pada
13 - 17 September
2021.



Rajah 2.18: Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Kurikulum & Penilaian (JKPKP) bagi WIM Machining Operation pada 22 - 23 September 2021.

2.7 JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN DAFTAR OISP JTC

Daftar *Occupational/Industry Standard and Practices* (OISP) merupakan satu depositori senarai OISP yang mendapat kelulusan dan pengesahan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET. Daftar ini diselenggarakan secara bersama oleh MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan boleh dirujuk pada Portal TVET di laman sesawang MQA. Sebarang program yang ingin diklasifikasikan sebagai program TVET perlu merujuk kepada standard/amalan industri yang disenaraikan dalam Daftar OISP dan mematuhi Standard TVET dalam Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program TVET (*Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA*).

Daftar OISP merupakan sebahagian daripada komponen penting dalam Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang dijangka dapat membuka ruang yang lebih luas kepada penglibatan signifikan dan sistematisik daripada pihak industri dalam melahirkan pelatih dan tenaga kerja berkemahiran

dalam industri di Malaysia. Selain itu, ia juga dapat menyumbang kepada peningkatkan produktiviti serta kualiti produk dan perkhidmatan.

Dalam tahun 2021, Unit Pengurusan Standard telah menganjurkan dan mengurusetia Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembangunan Daftar OISP di bawah Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET Bersama MQA seperti di Jadual 2.9.

Jadual 2.9: Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembangunan Daftar OISP bagi tahun 2021.

| TARIKH | PERKARA |
|------------------|---|
| 10 Februari 2021 | Mesyuarat Penyelarasan OISP bersama pemegang taruh Bil. 1/2021. |
| 17 Februari 2021 | Program Pre-council taklimat ILB bagi Jawatankuasa Kecil Sistem Daftar OISP - JPK & MQA. |
| 24 Februari 2021 | Taklimat ILB bagi Sistem Daftar OISP - JPK & MQA. |
| 9 Mac 2021 | Taklimat Kepada <i>Industry Lead Body</i> (ILB) - Pendaftaran <i>Occupational/Industry Standard and Practices</i> (OISP) antara JPK & MQA. |
| 31 Mac 2021 | Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan NOSS Berasaskan Standard Industri di dalam Daftar OISP bersama MQA, ILB MOGSC & IMM Bil. 1/2021. |
| 12 April 2021 | Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan NOSS Berasaskan Standard Industri di dalam Daftar OISP bersama MQA, JPDC & OPITO Asia Pacific Bil. 1/2021. |
| 5 Mei 2021 | Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan NOSS Berasaskan Standard Industri di dalam Daftar OISP bersama MQA, ILB MOGSC & IMM Bil. 2/2021. |

Unit Pengurusan Standard juga telah menganjurkan sebanyak dua (2) siri bengkel pembangunan Garis Panduan Pembangunan NOSS (Transformasi Standard Industri) pada 5 Mei 2021 dan 9 Jun 2021.

2.8 JAWATANKUASA KERJA PENINGKATAN KUALITI LATIHAN (JKKPKL) TVET MPKK


|||||

Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan (JKKPKL) TVET ditubuhkan bagi melaksanakan fungsi Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(b) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] iaitu menasihati Menteri tentang perkara-perkara berhubungan dengan Akta ini. JKKPKL TVET juga berperanan dalam mencadangkan mekanisma pelaksanaan latihan yang lebih signifikan selaras dengan keperluan industri negara, mencadangkan mekanisma pembangunan kurikulum latihan, mengkaji proses penyampaian latihan kemahiran di institusi latihan dan meningkatkan kualiti tenaga pengajar untuk menambahbaik kualiti latihan TVET.

Ahli JKKPKL TVET telah dilantik oleh Pengerusi MPKK bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 1 Februari 2021 hingga 31 Januari 2024. Keanggotaan terkini JKKPKL TVET ini dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Kalaivani Chellapan yang memegang jawatan sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta 16 orang ahli dari pelbagai agensi TVET kerajaan dan swasta. Manakala setiausaha tetap JKKPKL TVET ialah Pengarah Bahagian NOSS. Pada tahun 2021, JKKPKL TVET telah bersidang sebanyak empat (4) kali seperti di Jadual 2.10.

Jadual 2.10: Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan TVET bagi tahun 2021.

| TARIKH | PERKARA |
|------------------|--|
| 26 Mac 2021 | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan TVET Bil. 1/2021. |
| 3 Jun 2021 | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan TVET Bil. 2/2021. |
| 7 September 2021 | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan TVET Bil. 3/2021. |
| 26 Oktober 2021 | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan TVET Bil. 4/2021. |





BAHAGIAN PERSIJILAN KOMPETENSI (BPK)

3.1 SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)



Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang mula diperkenalkan pada tahun 1993 merupakan sistem latihan yang berteraskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standards – NOSS*) sebagai asas untuk petaulahan, pelaksanaan latihan, penilaian dan persijilan. Ianya adalah polisi, mekanisme dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan Sijil oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran. Terdapat lima (5) tahap persijilan iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5. Manakala Penyata Pencapaian (PC) dianugerahkan kepada mereka yang mencapai keterampilan bagi sebahagian latihan kemahiran yang diikuti.

3.1.1. Pensijilan

Sijil dianugerahkan kepada pelatih yang berjaya menamatkan latihan dengan jayanya dalam pelbagai program berdasarkan NOSS oleh JPK melalui kaedah Sistem Latihan Progam Bertaualiah (SLaPB) (termasuk Ujian Tanpa Musnah (NDT – *Non-Destructive Testing*), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

Pusat bertaualiah (melalui SLaPB & SLDN) adalah merupakan penyedia latihan kemahiran yang telah ditauliah oleh JPK untuk melaksanakan latihan kemahiran dan menawarkan persijilan bagi bidang dan tahap kemahiran tertentu berdasarkan NOSS. Manakala Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) merupakan suatu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam NOSS berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki. SKM akan dianugerahkan kepada individu yang berjaya membuktikan keterampilan mereka.

Sepanjang tahun 2021 sejumlah 79,025 Sijil (SKM / DKM / DLKM) dan 2,978 Penyata Pencapaian (PC) telah dianugerahkan kepada pelatih yang berjaya menamatkan latihan dalam pelbagai program melalui kaedah SLaPB, SLDN serta PPT dan perinciannya ditunjukkan di Jadual 3.1



Jadual 3.1: Statistik Pengeluaran Sijil Tahun 2021 melalui SLaPB, SLDN dan PPT

| Sijil | Kaedah Persijilan | | | | | | | | | |
|---------------|-------------------|------------|------------|----------|--------------|--------------|--------------|-----------|---------------|--------------|
| | SLaPB | | | | SLDN | | PPT | | Jumlah | |
| | Biasa | | NDT | | | | | | | |
| | SKM | PC | SKM | PC | SKM | PC | SKM | PC | SKM | PC |
| SKM 1 | 541 | - | 115 | - | 499 | - | 236 | - | 1,391 | - |
| SKM 2 | 17,123 | - | 61 | - | 3,052 | - | 2,038 | - | 22,274 | - |
| SKM 3 | 31,087 | - | 1 | - | 1,549 | - | 4,895 | - | 37,532 | - |
| DKM | 15,894 | - | - | - | 105 | - | 1,343 | - | 17,342 | - |
| DLKM | 142 | - | - | - | 74 | - | 275 | - | 491 | - |
| PC | - | - | - | - | - | 218 | - | 57 | - | 275 |
| PC-NCS | - | 511 | - | - | - | - | - | - | - | 511 |
| PC-MODULAR | - | 355 | - | - | - | 1,837 | - | 0 | - | 2,192 |
| Jumlah | 64,787 | 866 | 177 | - | 5,279 | 2,055 | 8,787 | 57 | 79,030 | 2,978 |

3.2 PENILAIAN BERASASKAN COPTPA

|||||

Selaras dengan keperluan semasa dan sebagai persediaan serta pematuhan kepada *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* susulan kelulusan Jemaah Menteri bagi pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET pada 30 Januari 2019, JPK telah menambahbaik pelaksanaan SPKM melalui penggubalan polisi dan dasar berkaitan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) berdasarkan kredit bagi menyediakan kelayakan kemahiran yang lebih baik kepada graduan SPKM supaya kelayakan yang dianugerahkan lebih diterima dan diiktiraf.


3.2.1. Pelaksanaan Latihan Dan Penilaian Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (COPTPA)

Dalam memastikan Pegawai Pengesah Luaran SLaPB (PPL-SLaPB) memahami pelaksanaan COPTPA dalam SPKM, sebanyak enam (6) sesi taklimat berkaitan pelaksanaan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program


TVET (COPTPA) Kepada PPL-SLaPB secara dalam talian telah diadakan sepanjang tahun 2021 seperti di Jadual 3.2. Sesi taklimat ini adalah bertujuan untuk memberi bimbingan berkaitan pelaksanaan latihan SLaPB berdasarkan COPTPA kepada semua PPL-SLaPB, menerangkan penggunaan sistem MySPIKE bagi skop pelaksanaan latihan dan penilaian serta memberikan pemahaman yang seragam kepada PPL. Rajah 3.1 hingga Rajah 3.4 merupakan sesi taklimat pelaksanaan SLaPB berdasarkan COPTPA bagi setiap zon.

Jadual 3.2: Taklimat Pelaksanaan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berdasarkan Kod Amalan Pentaulahan Program TVET (COPTPA) Kepada PPL-SLaPB


| SIRI | WILAYAH | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|------|------------------------------|--------------|------------------|
| 1 | Zon Tengah | 22 Sept 2021 | 159 |
| 2 | Zon Selatan | 30 Sept 2021 | 105 |
| 3 | Zon Timur | 7 Okt 2021 | 60 |
| 4 | Zon Utara | 14 Okt. 2021 | 154 |
| 5 | Zon Sabah / Sarawak / Labuan | 21 Okt 2021 | 120 |
| 6 | Terbuka | 28 Okt 2021 | 120 |




Rajah 3.1: Taklimat Pelaksanaan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berdasarkan COPTPA bagi Peserta Zon Tengah



Rajah 3.2: Taklimat Pelaksanaan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berdasarkan COPTPA bagi Peserta Zon Selatan



Rajah 3.3: Taklimat Pelaksanaan Sistem Latihan Program Bertauliahan (SLaPB) Berasaskan COPTPA bagi Peserta Zon Timur



Rajah 3.4: Taklimat Pelaksanaan Sistem Latihan Program Bertauliahan (SLaPB) Berasaskan COPTPA bagi Peserta Zon Utara

3.2.2. Pelaksanaan Latihan Dan Penilaian Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (COPTPA)

Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (COPTPA) turut dilaksanakan dalam Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Justeru, sesi taklimat berkaitan COPTPA dalam pelaksanaan latihan dan penilaian kepada personel Pusat Bertauliahan dan Pegawai Pengesah Luaran SLDN (PPL-SLDN) turut diadakan secara dalam talian sepanjang tahun 2021 seperti di Jadual 3.3 dan Jadual 3.4. Taklimat adalah bertujuan memberi pendedahan, kefahaman dan pengetahuan kepada personel pusat bertauliahan dan Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN) dalam pelaksanaan latihan, penilaian dan verifikasi SLDN berdasarkan COPTPA. Rajah 3.5 dan 3.6 merupakan sesi taklimat pelaksanaan SLDN berdasarkan COPTPA.


Jadual 3.3: Taklimat Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (COPTPA) Kepada Personel Pusat Bertauliahan SLDN



Jadual 3.4: Taklimat Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (COPTPA) Kepada PPL-SLDN



Rajah 3.5: Taklimat Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (COPTPA) Kepada Personel Pusat Bertauliahan SLDN



Rajah 3.6: Taklimat Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (COPTPA) Kepada PPL-SLDN

3.3 SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) PLUS



Sehingga Disember 2021, seramai 7,787 perantis berdaftar sudah mengikuti latihan di bawah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Plus untuk tempoh masa selama dua hingga lapan bulan, membabitkan 254 pusat latihan dan 496 syarikat. SLDN Plus adalah inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak pembabitan industri melaksanakan program berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). SLDN Plus yang dilaksanakan bermula 1 April 2021 adalah program latihan berorientasikan industri menggabungkan latihan di tempat kerja dan pembelajaran di institusi mensasarkan belia lepasan sekolah atau pekerja kurang mahir sedia ada.


Di dalam Bajet 2021, sebanyak RM60 juta telah diperuntukkan sebagai inisiatif kewangan untuk melatih perantis melalui SLDN Plus dengan kadar insentif RM1,000 setiap bulan. Insentif ini bagi membantu kumpulan sasar khasnya belia menyertai program *Reskilling* dan *Upskilling* secara SLDN dengan kerjasama majikan dan industri bagi memberi nilai tambah, sekaligus meningkatkan kadar kebolehkerjaan. Selepas tamat latihan, perantis menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) (Tahap 1-3), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau Penyata Pencapaian (PC) yang juga sebahagian kelayakan dalam *Malaysian Qualifications Framework* (MQF).

3.4 PROGRAM PEMERKASAAN PERSIJILAN




3.4.1. Program Klinik Bimbingan Pusat Bertauliah (PB) SLDN

Program Klinik Bimbingan Pusat Bertauliah (PB) SLDN dilaksanakan bagi memberi bimbingan kepada PB berkaitan pelaksanaan latihan melalui SLDN. Ia juga adalah bagi menerangkan penggunaan sistem eSLDN bagi skop pelaksanaan latihan dan penilaian serta memberikan pemahaman yang seragam kepada PB SLDN berkaitan pelaksanaan latihan dan penggunaan sistem dalam talian. Sepanjang tahun 2021, beberapa siri klinik dilaksanakan secara individu (1 PB bagi setiap sesi) serta dilaksanakan secara kelompok mengikut negeri atau wilayah secara dalam talian seperti di Jadual 3.5. Rajah 3.7 merupakan sesi Klinik Bimbingan Pusat Bertauliah (PB) SLDN yang diadakan bagi PB Wilayah Sarawak pada 4 Ogos 2021.



Jadual 3.5: Program Klinik Bimbingan Pusat Bertauliah (PB) SLDN Secara Kelompok

| TARIKH | NEGERI PB | BILANGAN PB |
|---------------|-----------------|-------------|
| 1 Julai 2021 | Pulau Pinang | 12 |
| | Putrajaya | 1 |
| 28 Julai 2021 | Kuala Lumpur | 9 |
| | Sabah | 23 |
| 4 Ogos 2021 | Sarawak | 23 |
| | Johor | 11 |
| 11 Ogos 2021 | Melaka | 7 |
| | Negeri Sembilan | 5 |
| 12 Ogos 2021 | Selangor | 31 |
| | Pahang | 5 |
| 16 Ogos 2021 | Kelantan | 19 |
| | Terengganu | 17 |
| | Perak | 20 |
| 25 Ogos 2021 | Kedah | 17 |
| | Perlis | 1 |



Rajah 3.7: Klinik Bimbingan Pusat Bertauliah (PB) SLDN yang diadakan bagi PB Wilayah Sarawak pada 4 Ogos 2021

3.4.2. Pelaksanaan TVET *Integrated Assessment (TIA) Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)*

TVET *Integrated Assessment (TIA)* dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) merupakan inisiatif terkini JPK yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Dalam usaha untuk merealisasikan pelaksanaan TIA ini, JPK sedang menyediakan kerangka dan garis panduan pelaksanaan TVET *Integrated Assessment*. Merujuk kepada pelaksanaan sedia ada yang telah diaplikasikan dalam SPKM, Jabatan telah membangunkan modul eQB dan eWIM dalam MySPIKE. Bagaimanapun bagi menambahbaik pelaksanaan latihan dan penilaian ditambah pula dengan tercetusnya pelaksanaan penilaian melalui mekanisme dalam talian berikutan kesan daripada pandemik Covid-19, JPK telah melaksanakan pelbagai kaedah untuk memastikan penilaian akhir dapat dilaksanakan meskipun dalam keadaan pandemik Covid-19. Solusi terbaik modul PdP yang lebih efektif bagi ILKA & ILKS adalah seiring dengan teknologi terkini serta dapat dimanfaatkan oleh pelajar dalam keadaan norma baharu.

Bahagian Persijilan Kompetensi telah diberikan tanggungjawab sebagai *Projek Manager* bagi projek TIA dengan

pelaksanaan skop/komponen berkaitan pembangunan soalan dilaksanakan oleh Bahagian NOSS. Bagi merealisasikan pelaksanaan TIA ini, beberapa siri bengkel seperti di Jadual 3.6 telah dilaksanakan bagi membangunkan kerangka dan garis panduan TIA. Rajah 3.8 merupakan sesi Bengkel Pembangunan Kerangka dan Garis Panduan TVET *Integrated Assessment (TIA)* di CIAST, Shah Alam pada 11 - 12 Oktober 2021.

Jadual 3.6: Sesi bengkel pembangunan Kerangka dan Garis Panduan TVET *Integrated Assessment (TIA)*



Rajah 3.8:
Bengkel
Pembangunan
Kerangka dan
Garis Panduan
TVET *Integrated
Assessment (TIA)*
di CIAST, Shah
Alam Pada 11-12
Oktoper 2021

3.4.3. Program Micro Credential

Program *Micro Credential* merupakan inisiatif terkini Jabatan dalam menambahbaik pelaksanaan program modular sedia ada, selaras dengan perkembangan terkini.

Micro Credential merupakan kelayakan mikro yang dianugerahkan bagi program latihan yang dilaksanakan secara modular dalam tempoh yang lebih singkat. Ia dibangunkan berdasarkan kepada *Competency Unit* (CU) atau *Work Activities* (WA) atau gabungan CU atau gabungan WA tersebut bagi kompetensi spesifik sesuatu NOSS.

Individu yang layak akan dianugerahkan Penyata Pencapaian seperti mana dinyatakan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]

yang akan diuruskan dalam bentuk *Digital Badge*. *Digital Badge* yang dikumpulkan boleh membawa kepada penganugerahan sijil penuh SKM/DKM/DLKM yang akan diuruskan dalam bentuk *Digital Certificate*.

Program *Micro Credential* merupakan program jangka pendek yang boleh dilaksanakan secara sepenuh masa atau separuh masa di Pusat Bertauliah (PB) mengikut tempoh latihan yang diluluskan oleh JPK.

Dalam merealisasikan pelaksanaan program *Micro Credential* ini, beberapa siri bengkel seperti di Jadual 3.7 telah dilaksanakan bagi membangunkan kerangka dan garis panduan program *Micro Credential*.

Jadual 3.7: Sesi Perbincangan dan Mesyuarat Pembangunan Kerangka dan Garis Panduan *Micro Credential*

| SIRI | TARIKH | HASIL PERBINCANGAN |
|------|---------------|--|
| 1. | 25 Mei 2021 | Deraf Carta Alir |
| 2. | 4 Jun 2021 | Deraf Carta Alir (Tahap 1-5) dan Jadual Perbandingan Panduan Modular dan <i>Micro Credential</i> |
| 3. | 2 Julai 2021 | Pemurnian Deraf Carta Alir Tahap 1-3 |
| 4. | 5 Julai 2021 | Pemurnian Deraf Carta Alir Tahap 1-3 dan Tahap 4-5 |
| 5. | 13 Julai 2021 | Perbincangan Bersama Pengarah- Pembentangan Deraf Carta Alir Tahap 1-3 dan Tahap 4-5, Slaid Penganugerahan Sijil, Slaid PPT Versi Baharu |
| 6. | 15 Julai 2021 | Pembentangan Pelaksanaan <i>Micro Credential</i> , Persijilan dan PPT. |
| 7. | 2 Ogos 2021 | |

| SIRI | TARIKH | HASIL PERBINCANGAN |
|------|-------------------|--|
| 8. | 9 September 2021 | Perbincangan Bersama Pengarah – Pemurnian Deraf Carta Alir Tahap 1-3 dan Tahap 4-5, Slaid Penganugerahan Sijil, Slaid PPT Versi Baharu |
| 9. | 21 September 2021 | Perbincangan pelaksanaan <i>micro credential</i> merangkumi tempoh jam Latihan, CA, had umur, penilaian dalaman di PB dan peranan PPD. |
| 10. | 15 Oktober 2021 | Perbincangan pelaksanaan <i>Micro Credential</i> Versi Baharu |
| 11. | 21 Oktober 2021 | Perbincangan pembentangan |
| 12. | 19 Oktober 2021 | Memurnikan pelaksanaan <i>Micro Credential</i> Versi Baharu |

3.4.4. Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Data Persijilan

Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian data persijilan telah diadakan bagi tujuan melengkapkan data-data persijilan terdahulu iaitu data persijilan bermula tahun 2000 hingga 2019 bagi menambahbaik pangkalan data persijilan serta dapat menyediakan data yang bersih, lengkap dan boleh dicapai secara dalam talian melalui Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM). Satu (1) siri bengkel penyelarasan telah diadakan seperti di Jadual 3.8 dan Rajah 3.9 serta telah berjaya mengemaskini sebanyak 10,166 data persijilan.

Jadual 3.8: Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Data Persijilan bagi tahun 2021




Rajah 3.9: Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Data Persijilan bagi tahun 2021

3.5 PENGURUSAN PERSONEL SPKM

3.5.1. Taklimat Pemantapan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT kepada PB-PPT & Personel PPT

Pada tahun 2021, Unit PPT BPK telah melaksanakan Taklimat Pemantapan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT kepada PB-PPT dan Personel PPT secara dalam talian bagi memberi penerangan mengenai penggunaan Panduan Pelaksanaan PPT Edisi 2 Tahun 2021.


Peserta terdiri daripada Personel PPT (PP-PPT, PPL-PPT, Penyelaras PB-PPT dan Penyelaras PPA) dan melibatkan 562 peserta iaitu melebihi sasaran 250 peserta yang ditetapkan sebelum ini. Butiran program yang diadakan adalah seperti di Jadual 3.9. dan Rajah 3.10 hingga 3.12.



Rajah 3.10: Taklimat Pemantapan Personel PPT Dalam Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi Peserta Zon Selatan

Jadual 3.9 : Sesi Taklimat Pemantapan Personel PPT Dalam Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia






Rajah 3.11: Taklimat Pemantapan Personel PPT Dalam Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi Peserta Zon Sarawak



Rajah 3.12: Taklimat Pemantapan Personel PPT Dalam Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi Peserta Zon Tengah

3.5.2. Program Pemantapan Pegawai JPK - Taklimat Pendaftaran SKM

Taklimat pendaftaran SKM telah dilaksanakan pada 24 Ogos 2021 secara dalam talian melibatkan 98 pegawai JPK seperti di Rajah 3.13. Taklimat ini bertujuan memberi penerangan dan meningkatkan kefahaman pegawai JPK tentang garis panduan pendaftaran SKM melalui tiga kaedah persijilan iaitu SLaPB, SLDN dan PPT yang telah dikemaskini dan prosedur pendaftaran melalui Sistem MySPIKE.



Rajah 3.13: Taklimat pendaftaran SKM pada 24 Ogos 2021

3.5.3. Kursus Pemantapan Personel NDT *Radiographic Testing-Digital*

JPK dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia telah berjaya menganjurkan Kursus pemantapan Personel NDT *Radiographic Testing-Digital* secara dalam talian pada 16-18 Ogos 2021. Kursus ini telah dihadiri oleh 11 peserta yang terdiri daripada pemeriksa peperiksaan dan pegawai JPK bagi memberi pendedahan kepada persijilan MS ISO/IEC 17024 & 9712 dan bidang *Radiographic Testing-Digital*.



Rajah 3.14: Kursus pemantapan personel NDT RT-D Pada 16-18 Ogos 2021


3.6 TAKLIMAT/WEBINAR

Program *Townhall* Bersama Pengamal Ujian Tanpa Musnah (NDT)

JPK dengan kerjasama *Malaysia Society for Non-Destructive Testing* (MSNT) dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah mengadakan Program *Townhall* Bersama Pengamal NDT secara atas talian pada 2 September 2021 seperti di Rajah 3.15.

Program ini julung kali diadakan bertujuan untuk mempromosi dan menghebahkan aktiviti dan pencapaian Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia NDT serta memberi pemahaman kepada pengamal NDT terhadap sistem kawalan kualiti persijilan SKM NDT yang berpandukan standard antarabangsa.

Seramai 100 pengamal NDT telah menyertai program ini yang terdiri daripada pegawai dari Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA), Pegawai Perlindungan Sinaran (RPO), pengamal industri, Pusat Bertauliah NDT, panel NDT dan Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP).



Rajah 3.15: Penglibatan peserta dari industri NDT Semasa Program *Townhall* Bersama Pengamal Ujian Tanpa Musnah (NDT) Pada 2 September 2021 Secara Dalam Talian

3.7 JKK PERSIJILAN & PENGIKTIRAFAN MPKK

|||||

Penubuhan Jawatankuasa Kerja Persijilan dan Pengiktirafan (JKKPP) adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) Bil. 3/2018 bertarikh 8 Oktober 2018 bagi melaksanakan fungsi Majlis yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(b) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) iaitu menasihati Menteri tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta ini. Bahagian Persijilan Kompetensi dilantik sebagai urusetia Jawatankuasa Kerja Persijilan dan Pengiktirafan (JKKPP).

JKKPP telah melaksanakan tiga (3) siri mesyuarat bagi tahun 2021 seperti di Jadual 3.10. Mesyuarat JKKPP, MPKK Bil. 1 (Rajah 3.16) dan Mesyuarat JKKPP, MPKK Bil. 3 (Rajah 3.18) diadakan secara bersemuka manakala Mesyuarat JKKPP, MPKK Bil. 2 (Rajah 3.17) diadakan secara dalam talian.

Jadual 3.10 : Siri Mesyuarat JKKPP, MPKK 2021

| | |
|--|--|
| 19 MAC 2021 (JUMAAT) | Siri 1  |
| Bilik Mesyuarat Aras 1, Blok D4, Kompleks D, Putrajaya | |
| 23 OGOS 2021 (ISNIN) | Siri 2  |
| Mesyuarat secara online menggunakan aplikasi Zoom. | |
| 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS) | Siri 3  |
| The Everly Hotel, Putrajaya | |



Rajah 3.16: Mesyuarat JKKPP, MPKK Bil. 1/2021



Rajah 3.17: Mesyuarat JKKPP, MPKK Bil. 2/2021



Rajah 3.18: Mesyuarat JKKPP, MPKK Bil. 3/2021

BAHAGIAN PENTAULIAHAN (BPT)



4.1 PENTAULIAHAN



Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) komited dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing melalui pengarusperdanaan dan peluang akses kepada program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkualiti dengan lebih meluas. Pelbagai strategi telah dirangka dan dilaksanakan bagi mentauliah lebih banyak penyedia latihan kemahiran awam dan swasta dalam pelbagai bidang seiring dengan permintaan industri.

4.1.1. Pentaulahan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB)

Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 4,621 program latihan kemahiran berasaskan NOSS telah ditauliahkan kepada 1,234 Pusat Bertauliah (PB) di seluruh negara. Jadual 4.1 dan Jadual 4.2 menunjukkan bilangan Pusat Bertauliah SLaPB dan Program Bertauliah SLaPB bagi tahun 2021.

Jadual 4.1: Bilangan Pusat Bertauliah SLaPB Mengikut Negeri Bagi Tahun 2021

| NEGERI | AWAM | SWASTA | JUMLAH PB |
|-------------------------|------------|------------|--------------|
| Johor | 94 | 35 | 129 |
| Kedah | 57 | 15 | 72 |
| Kelantan | 59 | 5 | 64 |
| Melaka | 40 | 15 | 55 |
| Negeri Sembilan | 53 | 24 | 77 |
| Pahang | 59 | 9 | 68 |
| Perak | 82 | 35 | 117 |
| Perlis | 16 | 0 | 16 |
| Pulau Pinang | 41 | 34 | 75 |
| Selangor | 86 | 131 | 217 |
| Terengganu | 55 | 13 | 68 |
| Sabah | 60 | 24 | 84 |
| Sarawak | 65 | 21 | 86 |
| W.P Kuala Lumpur | 37 | 61 | 98 |
| W.P Labuan | 6 | 0 | 6 |
| W.P Putrajaya | 2 | 0 | 2 |
| JUMLAH PB | 812 | 422 | 1,234 |

Jadual 4.2: Bilangan Program Mengikut Kategori Pentauliahan Di Pusat Bertauliah SLaPB

| | AWAM | SWASTA | JUMLAH PROGRAM |
|-----------------------------------|---------|--------------|----------------|
| Program Sah Tempoh Tauliah | Tahap 1 | 18 | 37 |
| | Tahap 2 | 977 | 455 |
| | Tahap 3 | 1,417 | 701 |
| | Tahap 4 | 405 | 246 |
| | Tahap 5 | 28 | 4 |
| | Modular | 178 | 155 |
| JUMLAH | | 3,023 | 1,598 |
| | | | 4,621 |

Rajah 4.1 hingga 4.3 merupakan gambar-gambar sekitar lawatan pentauliahan SLaPB yang telah diadakan pada tahun 2021.



Rajah 4.2: Lawatan pentauliahan program SLaPB di Crew Skill Academy Seremban pada 24 November 2021



Rajah 4.2: Lawatan pentauliahan program SLaPB di International Skills College, Cheras pada 22 November 2021



Rajah 4.3: Lawatan Pentauliahan Program SLaPB di PB Telecommunication Engineering College Puchong bagi Pentauliahan Program (COPTPA) PB Rintis

4.1.2. Pentauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 3,413 program latihan kemahiran berasaskan NOSS telah ditauliahkan kepada 1,544 Pusat Bertauliah (PB) SLDN di seluruh negara. Jadual 4.3 dan Jadual 4.4 menunjukkan bilangan Pusat Bertauliah SLDN dan Program Bertauliah SLDN bagi tahun 2021. Rajah 4.4 merupakan salah satu gambar sekitar lawatan pentauliahan SLDN yang telah diadakan pada tahun 2021.

Jadual 4.3: Bilangan Pusat Bertauliah SLDN Mengikut Negeri Bagi Tahun 2021

| NEGERI | AWAM | SWASTA | SYARIKAT | JUMLAH PB |
|-------------------------|-----------|------------|--------------|--------------|
| Johor | 7 | 18 | 224 | 249 |
| Kedah | 5 | 6 | 61 | 72 |
| Kelantan | 3 | 3 | 71 | 77 |
| Melaka | 8 | 9 | 46 | 63 |
| Negeri Sembilan | 6 | 5 | 59 | 70 |
| Pahang | 7 | 3 | 48 | 58 |
| Perak | 7 | 11 | 71 | 89 |
| Perlis | 1 | 0 | 9 | 10 |
| Pulau Pinang | 4 | 8 | 50 | 62 |
| Selangor | 24 | 42 | 289 | 355 |
| Terengganu | 5 | 7 | 52 | 64 |
| Sabah | 2 | 20 | 107 | 129 |
| Sarawak | 1 | 17 | 79 | 97 |
| W.P Kuala Lumpur | 8 | 14 | 117 | 139 |
| W.P Labuan | 0 | 0 | 2 | 2 |
| W.P Putrajaya | 0 | 1 | 7 | 8 |
| JUMLAH PB | 88 | 164 | 1,292 | 1,544 |

Jadual 4.4: Bilangan Program Mengikut Kategori Pentauliahan Di Pusat Bertauliahan SLDN

| KATEGORI PENTAULIAHAN | PUSAT LATIHAN | | SYARIKAT | JUMLAH PROGRAM |
|-----------------------|---------------|------------|--------------|----------------|
| | AWAM | SWASTA | | |
| Program Penuh | 213 | 510 | 2,617 | 3,340 |
| Modular | 17 | 12 | 44 | 73 |
| NCS | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 230 | 522 | 2,661 | 3,413 |



Rajah 4.4: Lawatan Penentusan Syarikat SLDN - Sabah Softwood Sdn Bhd (SSSB) pada 24 November 2021

4.2 PROGRAM PEMERKASAAN PENTAULIAHAN BERASASKAN KOD AMALAN AKREDITASI PROGRAM TVET (COPTPA)

Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah mewujudkan Kod Amalan Akreditasi Program TVET (COPTPA) yang digunakan dalam pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Sistem yang dibangunkan telah menjadi rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi yang terdiri daripada penyedia TVET, panel penilai MQA dan JPK, pegawai MQA dan JPK, penggubal dasar dan lain-lain pihak berkepentingan yang berkaitan.

COPTPA menggariskan skop program TVET dan standard minimum pelbagai keperluan khusus program TVET sebagai rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi dalam penawaran dan jaminan kualiti program pengajian di Malaysia. Ia menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Frameworks*, MQF). Kandungan COPTPA tersebut antara lainnya meliputi skop program dan keperluan khusus program TVET serta menyenaraikan tujuh bidang penilaian iaitu pembangunan dan penyampaian program, penilaian pelajar, pemilihan dan khidmat sokongan pelajar, staf pengajar, sumber pendidikan, pengurusan program, pemantauan, semakan dan penambahbaikan kualiti berterusan program.

Dokumen COPTPA akan digunakan oleh panel penilai pegawai MQA dan JPK dalam penilaian akreditasi program TVET. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan dokumen ini akan dapat menghasilkan graduan TVET yang berkualiti. COPTPA adalah rujukan utama bagi akreditasi program TVET. Skop Standard TVET dalam COPTPA meliputi kelayakan dari Tahap 1 hingga Tahap 5 MQF. COPTPA berfungsi mencapai kepentingan bersama dalam menjamin kualiti program TVET.

Sepanjang tahun 2021, pelbagai program telah diatur dan dilaksanakan ke arah memperkasakan Sistem Pentaulihan dan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) seperti di Rajah 4.5 dan 4.6.



Rajah 4.5: Bengkel Pemurnian Panduan Pentaulihan Berdasarkan Kod Amalan Akreditasi Program (COPTPA) telah diadakan di Zenith Hotel, Putrajaya pada 8 – 9 April 2021.



Rajah 4.6: Taklimat Pelaksanaan Pentaulihan Program Latihan Kemahiran Dan Pelaksanaan Sistem Latihan Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Kod Amalan Pentaulihan Program TVET (COPTPA) bagi Siri 1 hingga Siri 4.


4.2.1. Mesyuarat Penyelaras bersama Agensi-agensi yang Melaksanakan SPKM

Bagi memastikan pelaksanaan SPKM berjalan lancar serta mencapai objektif dan halatuju seperti yang telah ditetapkan, JPK sebagai agensi penyelaras telah mengadakan mesyuarat penyelaras bersama agensi berkaitan. Mesyuarat Penyelaras ini bertujuan membincangkan isu-isu pelaksanaan, menyelaras halatuju pelaksanaan serta memastikan semua agensi sentiasa mendapat maklumat terkini dari segi peraturan dan kaedah pelaksanaan SPKM. Mesyuarat ini diadakan secara berkala setiap tahun. Senarai agensi yang terlibat adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.5 manakala Rajah 4.7 dan 4.8 merupakan sesi mesyuarat penyelaras bersama agensi yang diadakan secara dalam talian.

Jadual 4.5: Mesyuarat Penyelaras Agensi 2021

| BIL. | AGENSI | TARIKH | TEMPAT |
|------|--|-----------------|---------------------|
| 1. | Mesyuarat Penyelaras JPK bersama JTM Bil. 1/2021 | 5 Februari 2021 | Secara dalam talian |
| 2. | Mesyuarat Penyelaras JPK bersama KBS | 11 Mac 2021 | Secara dalam talian |

| BIL. | AGENSI | TARIKH | TEMPAT |
|------|--|----------------|---------------------|
| 3. | Mesyuarat Penyelarasan JPK bersama BPLTV | 15 April 2021 | Secara dalam talian |
| 4. | Mesyuarat Penyelarasan JPK bersama GIATMARA | 6 Julai 2021 | Secara dalam talian |
| 5. | Mesyuarat Penyelarasan JPK bersama MARA | 11 Ogos 2021 | Secara dalam talian |
| 6. | Mesyuarat Penyelarasan JPK bersama JTM Bil. 2/2021 | 6 Oktober 2021 | Secara dalam talian |



Rajah 4.7: Mesyuarat Penyelarasan bersama GIATMARA pada 6 Julai 2021



Rajah 4.8: Mesyuarat Penyelarasan bersama JTM pada 6 Oktober 2021

4.3 BIMBINGAN DAN PENYELARASAN PENTAUILAHAN

4.3.1. Program Bimbingan Pentauliah

Program Bimbingan Pentauliah telah mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan diteruskan pelaksanaannya sehingga kini. Pelaksanaan program bimbingan ini adalah bertujuan memberi penerangan berhubung tatacara dan prosedur permohonan pentauliah seterusnya membimbang personel daripada Pusat Latihan Kemahiran (PLK) yang berminat untuk mendapatkan pentauliah program daripada JPK. Sepanjang tahun 2021, sebanyak sepuluh (10) siri program bimbingan pentauliah telah diadakan bermula bulan Januari - Ogos 2021 dan sebahagiannya ditunjukkan di Rajah 4.9 dan 4.10.



Rajah 4.9: Program Bimbingan Pentauliahan SLaPB dan SLDN pada 23 April 2021



Rajah 4.10: Program Bimbingan Pentauliahan SLaPB dan SLDN pada 30 April 2021

Jadual 4.6: Program Bimbingan Pentauliahan (SLaPB) Tahun 2021

| PROGRAM BIMBINGAN PENTAULIAHAN SLaPB | | |
|---|---|------------------|
| BIL | AKTIVITI | TARIKH |
| 1 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Berjaya TVET | 22 Januari 2021 |
| 2 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada IPG Secara Dalam Talian (Online) Bagi Program Penuh | 4 Februari 2021 |
| 3 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada INSTEP Secara Dalam Talian (Online) Bagi Program Penuh | 22 Februari 2021 |
| 4 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Institut Baitulamal | 9 Mac 2021 |
| 5 | Sesi Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLaPB Bagi Program Modular Secara Dalam Talian (Online) Siri 1 | 23 April 2021 |
| 6 | Sesi Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLaPB Bagi Program Modular Secara Dalam Talian (Online) Siri 2 | 30 April 2021 |
| 7 | Sesi Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLaPB Bagi Program Modular Secara Dalam Talian (Online) Siri 3 | 3 Mei 2021 |
| 8 | Sesi Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLaPB Bagi Program Modular Secara Dalam Talian (Online) Siri 4 | 19 Mei 2021 |
| 9 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada GIATMARA Secara Dalam Talian (Online) Bagi Program Penuh | 12 Jun 2021 |
| 10 | Sesi Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLaPB Bagi Program Modular Secara Dalam Talian (Online) Siri 5 | 28 Jun 2021 |
| 11 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada JAKIM | 5 Ogos 2021 |

Jadual 4.7: Program Bimbingan Pentauliahan (SLDN) Tahun 2021

| PROGRAM BIMBINGAN PENTAULIAHAN SLDN | | |
|--|---|-----------------|
| BIL | AKTIVITI | TARIKH |
| 1 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Syarikat GPC Network Sdn. Bhd. | 11 Januari 2021 |
| 2 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Syarikat Sainuka Habib Sdn. Bhd. | 9 Februari 2021 |

| PROGRAM BIMBINGAN PENTAUILAHAN SLDN | | |
|-------------------------------------|---|------------------|
| BIL | AKTIVITI | TARIKH |
| 3 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Syarikat Lestari Group Sdn. Bhd. | 10 Februari 2021 |
| 4 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Syarikat NOCAPS Sdn. Bhd. | 10 Februari 2021 |
| 5 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Rapid Academy (Prasarana) | 24 Mac 2021 |
| 6 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Syarikat Prima Merdu Sdn. Bhd. (Mazda) | 2 April 2021 |
| 7 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Persatuan Sindrom Down Malaysia IKBN Tanah Merah | 14 April 2021 |
| 8 | Sesi Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLDN Secara Dalam Talian (Online) Siri 1 | 23 April 2021 |
| 9 | Sesi Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLDN Secara Dalam Talian (Online) Siri 2 | 30 April 2021 |
| 10 | Sesi Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLDN Secara Dalam Talian (Online) Siri 3 | 19 Mei 2021 |
| 11 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada Syarikat Indkom Engineering Sdn. Bhd. | 10 Jun 2021 |
| 12 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada JAKIM | 5 Ogos 2021 |

4.3.2. **Taklimat kepada Panel Pentauliahan bagi program SLaPB dan SLDN (COPTPA)**

Taklimat mengenai COPTPA kepada panel pentauliahan bagi program SLaPB dan SLDN mula dilaksanakan pada tahun 2021 yang mengumpulkan semua panel-panel pentauliahan SLaPB dan SLDN bertujuan memberi pendedahan tentang kaedah penilaian pentauliahan yang akan dijalankan berdasarkan COPTPA. Program ini melibatkan sesi perjumpaan di antara pegawai JPK dengan panel-panel pentauliahan bagi program SLaPB dan SLDN yang masih sah tempoh pentauliahan.

Pemilihan panel pentauliahan ini berdasarkan kepada personel yang masih aktif. Platform ini memberi peluang kepada panel pentauliahan untuk menyampaikan persoalan, maklumbalas, menyumbang pandangan dan cadangan berkaitan pentauliahan program. Panel pentauliahan juga berpeluang mengemukakan soalan berkaitan COPTPA untuk penjelasan dan pencerahan. Sebanyak tiga (3) siri taklimat kepada panel pentauliahan

bagi program SLaPB dan SLDN (COPTPA) telah diadakan seperti yang ditunjukkan di Rajah 4.11 hingga Rajah 4.13.



Rajah 4.11: Taklimat Siri 1 kepada panel pentaulahan bagi program SLaPB (COPTPA) di Putrajaya pada 1 Disember 2021



Rajah 4.12: Taklimat Siri 2 kepada panel pentaulahan bagi program SLDN (COPTPA) di Putrajaya pada 2 Disember 2021




Rajah 4.13: Taklimat Siri 3 panel pentaulahan bagi program SLaPB di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Kod Amalan Pentaulahan Program TVET (COPTPA) – Secara dalam talian

4.3.3. Bengkel Penilaian Pemetaan Program Induk

Bengkel Penilaian Pemetaan berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) telah dilaksanakan bersama Majlis Amanah Rakyat (MARA), GIATMARA Sdn. Bhd. (GIATMARA) dan Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional (BPLTV), Kementerian Pendidikan Malaysia. Bengkel ini bertujuan bagi menyemak dan menilai setiap kurikulum yang telah dibangunkan oleh agensi tersebut dibandingkan dengan keperluan NOSS.

Jadual 4.8: Bilangan program agensi yang telah diberikan pemetaan dengan NOSS



Rajah 4.14: Bengkel Pemetaan Kurikulum Standard GIATMARA Malaysia Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Bagi Penyeragaman Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia



Rajah 4.15: Bengkel Pemetaan Program SPKM dengan Kurikulum MARA di Putrajaya pada 25-26 Oktober 2021



Rajah 4.16: Bengkel Pemetaan Program SPKM dengan Kurikulum MARA di IKM TSYA, Pekan pada 18 November 2021

4.3.4. Prosedur Kualiti Pentaulahan Berdasarkan MS ISO 9001:2015

Pelaksanaan Persijilan MS ISO 9001:2015 bagi Pentaulahan Program Latihan Kemahiran Bagi Pusat Bertauliah Baharu dan Pentaulahan Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Baharu telah bermula pada tahun 2018. Bahagian Pentaulahan (BPT) akan memastikan Jabatan terus mendapat persijilan ini selaras dengan piagam pelanggan Jabatan yang pertama iaitu bagi melahirkan pekerja mahir bagi menampung keperluan industri negara melalui pentaulahan program latihan kemahiran di pusat bertauliah dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses pentaulahan dalam tempoh tiga (3) bulan bagi setiap permohonan. Sehubungan dengan itu, Bahagian BPT telah mengadakan Bengkel Pemurnian Prosedur Kualiti Pentaulahan Berdasarkan MS ISO 9001:2015 bagi tujuan untuk memurnikan prosedur sedia ada bagi urusan pengendalian proses pentaulahan program latihan kemahiran bagi pusat bertauliah baharu dan urusan pengendalian proses kelulusan Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (PB SLDN) Baharu dilaksanakan mengikut peraturan dan dasar jabatan serta memenuhi objektif kualiti yang ditetapkan selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) seperti di Rajah 4.17.



Rajah 4.17: Bengkel Pemurnian Prosedur Kualiti Pentaulahan Berdasarkan MS ISO 9001:2015 pada 3 – 5 November 2021

4.4 SESI PERBINCANGAN / MESYUARAT KERJA / LAWATAN PENTAUILAHAN / TAKLIMAT

Sebagai suatu usaha di dalam memantapkan hubungan jalinan kerjasama di antara pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan agensi luar (Awam dan Swasta), yang sedang terlibat serta yang berminat dengan Program SPKM (SLaPB dan SLDN), maka Bahagian Pentaualahan (BPT) turut mengambil inisiatif mengadakan pelbagai aktiviti berbentuk sesi perbincangan, mesyuarat kerja, lawatan pentaualahan dan taklimat.

Menerusi aktiviti yang dilaksanakan ini maka pelbagai isu dan masalah berkaitan SPKM dapat diketengahkan serta dibincangkan untuk tujuan proses penambahbaikan secara berterusan daripada semasa ke semasa. Selain itu pelbagai informasi terkini daripada pihak jabatan secara langsung berkaitan dengan SPKM khususnya berkenaan aspek pentaualahan SLaPB dan SLDN turut dapat disampaikan.

Rajah 4.18 hingga 4.21 merupakan antara sesi perbincangan, mesyuarat kerja, lawatan pentaualahan dan taklimat yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021.



Rajah 4.18: Perbincangan persediaan pentaualahan program dan pemurnian SLaPB berasaskan COPTPA bagi PB di bawah MAFI



Rajah 4.19: Mesyuarat Kerjasama Bersama UniKL (Alumni & Career Services) bagi Pentaualahan SLDN pada 19 November 2021






Rajah 4.20: Lawatan Pentauliahan SLDN di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor pada 18 November 2021




Rajah 4.21: Taklimat SLDN kepada agensi & syarikat dibawah MAFI

4.5 JAWATANKUASA KECIL PROSES KERJA AKREDITASI TUNGGAL TVET JTC

Jawatankuasa Kecil Proses Kerja Akreditasi Tunggal TVET JTC ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Sistem Akreditasi Tunggal berdasarkan COPTPA. Jawatankuasa kecil ini bertanggungjawab untuk:



Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Proses Kerja Akreditasi Tunggal TVET JTC ini terdiri daripada pihak JPK dan MQA. Keanggotaan ahli jawatankuasa kecil bagi tahun 2021 adalah seperti yang berikut:



KEAHLIAN MQA:

Pn. Mazlinawati Binti Mohamed (Ketua)
En. Abdul Razak Bin Mohamed
Pn. Rosmaliza Binti Mohaidin
Pn. Chek Rahimah Binti Ibrahim
Pn. Norhana Binti Sanot
Pn. Nenney Shahriza Binti Samsuddin
Pn. Asnita Binti Isam



KEAHLIAN JPK:

Ts. Dr. Aruna Binti Ismail @
Abd Wahab (Ketua)
Dr. Alina Binti A. Rahman
Pn. Suhaila Binti Abdul Samad
Tn. Hj Mohd Nor bin Dollah
Pn. Markhuza Binti Mokhtar
Pn. Roslinda Binti Mohd Khalid
Dr. Nor Salwa Binti Hamdan
En. Mohamad Aizuddin Bin Saedon
Pn. Norsakinah Binti Mohd Amin
Pn. Sherinatasha Binti Jeonmani



Sepanjang tahun 2021, beberapa aktiviti dan program telah dilaksanakan selaras dengan peranan dan tanggungjawab yang digalas oleh Jawatankuasa Kecil Proses Kerja Akreditasi Tunggal TVET JTC ini. Program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti Jadual 4.9.

Jadual 4.9: Program/Aktiviti Jawatankuasa Kecil Proses Kerja Akreditasi Tunggal TVET JTC
Tahun 2021

| BIL | AKTIVITI / PROGRAM / MESYUARAT | TARIKH & LOKASI | URUSETIA / ANJURAN |
|-----|--|--|--------------------|
| 1 | Mesyuarat Penyelarasan JKK Akreditasi Tunggal TVET Bil. 1/2021 | 15 Mac 2021 / Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya | JPK |
| 2 | Bengkel JKK Proses JPK Bil. 1/2021 | 8 – 9 April 2021 / Putrajaya | JPK |
| 3 | Taklimat Bimbingan Pentauliahan Kepada INSTEP Secara Dalam Talian (Online) Bagi Program Penuh | 28 Mei 2021 / (Dikendalikan secara dalam talian) | JPK |
| 4 | Bengkel JKK Proses JPK Bil. 2/2021 | 8,9,10 Februari 2021 / 15,16,17 Februari 2021 / 31 Mei 2021 / 4 Jun 2021 / 8 Jun 2021 & 15 Jun 2021 (Dikendalikan secara dalam talian - Dalaman JPK) | JPK |
| 5 | Sesi Taklimat Bimbingan Pentauliahan SLaPB Bagi Program Modular Secara Dalam Talian (Online) Siri 1 | 11 Jun 2021 & 20 Oktober 2021 (Dikendalikan secara dalam talian) | JPK |
| 6 | Bengkel Pemurnian Penjajaran Instrumen Penilaian COPTPA dan pemurnian format laporan/ borang penilaian APV | 16-17 November 2021 Putrajaya | MQA |



Rajah 4.22: Bengkel Penjajaran Instrumen COPTPA JPK & MQA di Park Inn Putrajaya pada 16-17 November 2021

4.6 JAWATANKUASA KERJA PEMBIAYAAN LATIHAN MPKK

Penubuhan Jawatankuasa Kerja Pembiayaan Latihan adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) Bil. 3/2018 bertarikh 8 Oktober, 2018 bagi melaksanakan fungsi Majlis yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(b) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] iaitu menasihati Menteri tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta ini.

Fungsi Jawatankuasa Kerja Pembiayaan Latihan adalah seperti berikut:

- i) Merangka kaedah pembiayaan latihan yang lebih produktif;
- ii) Membangunkan matriks berdasarkan pembiayaan yang telah diberikan untuk mengukur prestasi pembelanjaan serta kualiti pelatih yang dihasilkan;
- iii) Memperluas pembiayaan latihan kepada program-program jangka pendek dan memberi impak tinggi kepada negara;
- iv) Mengkaji semula polisi pembiayaan serta yuran latihan mengikut keperluan semasa; dan
- v) Apa-apa perkara bertujuan menambahbaik Pembiayaan Latihan.

JKK Pembiayaan Latihan MPKK telah bersidang sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2021 seperti yang ditunjukkan di Rajah 4.23 hingga 4.25.



Rajah 4.23: Mesyuarat JKK Pembiayaan MPKK Bil. 1/2021 pada 22 Mac 2021



Rajah 4.24: Mesyuarat JKK Pembiayaan MPKK Bil. 2/2021 pada 9 Jun 2021




Rajah 4.25: Mesyuarat JKK Pembiayaan MPKK Bil. 3/2021 pada 20 Ogos 2021

BAHAGIAN KERJASAMA STRATEGIK (BKS)


5.1 HUBUNGAN DAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN AGENSI DAN INDUSTRI

5.1.1 Jalinan kerjasama melalui Pemeteraihan Nota Persefahaman/Kolaborasi (NoU) dan Memorandum Persefahaman (MoU).

Jabatan menjalin kerjasama melalui pemeteraihan Nota Persefahaman (NoU) dan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan agensi berkepentingan. Secara umumnya skop kerjasama meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- 
- i. Mempromosi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) di dalam dan di luar negara;
 - ii. Pelaksanaan SPKM melalui PPT dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN);
 - iii. Pembangunan dan peningkatan kerjaya pegawai JPK bagi program pengajian Master dan PhD;
 - iv. Perkongsian kepakaran dalam pembangunan NOSS dan OF;
 - v. Perkongsian kepakaran dan pembiayaan untuk pertandingan kemahiran; dan
 - vi. Pelaksanaan *Dual Certification*.

Agenzi yang masih aktif bersama Jabatan sehingga tahun 2021 seperti di Rajah 5.1.



Rajah 5.1 : Senarai Agenzi dengan MoU dan NoU yang masih aktif

Satu majlis menandatangani MoU bersama tujuh (7) agensi iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tun Abdul Razak (UniRAZAK), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), *Malaysia Research and Education Foundation* (MyREF), Port of Tanjung Pelepas (PTP), *The Welding Institute* (TWI) dan Handy Engineering Sdn Bhd. (HESB) telah diadakan secara dalam talian pada 2 September 2021 seperti di Rajah 5.2. Majlis ini dihadiri wakil-wakil industri, agensi dan pegawai JPK dan telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Ts. Haji Zaihan Bin Shukri, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).



Rajah 5.2: Majlis Menandatangani MoU secara dalam talian bersama tujuh (7) agensi pada 2 September 2021



5.1.2 Khidmat Runding dengan Agensi/Industri


Sebanyak 43 siri perbincangan dan khidmat runding bersama agensi/industri telah diadakan sepanjang tahun 2021, yang bertujuan untuk memberi penerangan berkenaan fungsi jabatan dan pelaksanaan SPKM seperti yang ditunjukkan di Rajah 5.3. Aktiviti ini juga turut mempromosi dan menggalakkan agensi/industri bagi pelaksanaan aktiviti SPKM serta permohonan bagi pelantikan ILB.

Hasil daripada khidmat rundingan dan perbincangan yang diadakan, *Forward School* telah berjaya ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah Sistem Latihan Program Bertauliah (PB SLaPB) bagi menjalankan program berdasarkan NOSS di peringkat Diploma Kemahiran Malaysia. *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH) pula telah berjaya

ditauliahkan sebagai PB SLaPB bagi menjalankan Program Modular.

Sesi penerangan dan perbincangan juga telah diadakan dengan beberapa agensi dan hasilnya tiga (3) agensi telah dilantik sebagai *Industry Lead Body* (ILB) baharu pada tahun 2021 iaitu:

- i. Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi Bidang Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan;
- ii. *The Chartered Institute of Logistics and Transport Malaysia* (CILTM) bagi Bidang Logistik; dan
- iii. Majlis Ekuin Malaysia (MEM) bagi Bidang Ekuin.



Rajah 5.3: Beberapa sesi perbincangan dan khidmat runding bersama agensi yang dilaksanakan secara dalam talian pada sepanjang tahun 2021

5.1.3. Kerjasama dengan Badan Profesional

Kerjasama strategik bersama badan profesional adalah salah satu pendekatan yang diambil oleh Jabatan supaya pembangunan program latihan kemahiran dapat diperkuatkkan bagi meningkatkan kualiti sumber manusia dan melahirkan tenaga kerja mahir yang bertaraf dunia. Sepanjang tahun 2021, dua (2) kerjasama antara Jabatan dengan badan profesional telah terjalin iaitu jalinan kerjasama bersama Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Antara skop kerjasama ini adalah:

- i. Menjalinkan kerjasama strategik sebagai ahli atau panel bagi Technology Expert Panel yang melibatkan perkhidmatan teknologi dan perkhidmatan teknikal serta perkara yang berkaitan; dan
- ii. Perkongsian dan pertukaran kepakaran, pengetahuan, perkhidmatan, perundingan serta apa-apa yang berkaitan dengan Bidang Teknologi

Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan dan MBOT telah ditandatangani pada 2 September 2021. Dengan termeterainya MoU ini, ianya dilihat akan merancakkan lagi kerjasama dalam perkongsian kepakaran dan pengetahuan dalam bidang teknologi serta dapat memberi nilai tambah kepada graduan SPKM dalam mendepani arus IR 4.0.

5.2 PENYELARASAN AKTIVITI KERJASAMA ILB

5.2.1. *Industry Lead Body (ILB)*

Badan Peneraju industri (ILB) merupakan agensi yang dilantik oleh KSM untuk menerajui sesuatu sektor industri bertujuan memangkin pembangunan sumber manusia mahir melalui SPKM. Sehingga tahun 2021, sebanyak 36 ILB telah dilantik seperti di Rajah 5.4.

Peranan ILB termasuk:

- i. Memberi nasihat dan maklumat terkini berkaitan industri kepada JPK terutamanya bagi perkara yang melibatkan hal ehwal latihan kemahiran;
- ii. Sebagai jurucakap mewakili majikan dan pekerja bagi bidang industri yang diwakili;
- iii. Bekerjasama dengan pihak JPK membangunkan sumber manusia dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan bilangan pekerja mahir;
- iv. Menjadi penghubung dalam memberi maklumbalas secara terus kepada JPK berkaitan keperluan pihak industri supaya pembangunan standard dan kerangka pekerjaan berdasarkan kepada keperluan sebenar; dan
- v. Mempromosikan SPKM kepada industri.

| | | |
|--|---|--|
| Association of Marine Industry of Malaysia Bidang Pembuatan dan Pembalakan Kapal | National Aerospace Industry Coordinating Office Bidang Aeroangkasa | CyberSecurity Malaysia Bidang Keselamatan Siber |
| Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian Bidang Pertanian dan Asas Tan | Perbadanan Kemajuan Fikir Nasional Malaysia Bidang Perfileman | Persatuan Industri Keselamatan Malaysia Bidang Kawalan Keselamatan |
| Construction Industry Board Malaysia Bidang Pembinaan | The Malaysian Technical Standards Forum Bhd Bidang Telekomunikasi | Jabatan Laut Malaysia Bidang Maritim |
| Federation of Malaysian Freight Forwarders Bidang Perkhidmatan Logistik | Malaysian Green Technology and Climate Change Centre Bidang Teknologi Hijau | Malaysian Society for NDT Bidang Teknologi Hijau |
| Malaysia Automotive Robotics & IOT Institute Bidang Automotif | Malaysian Organisation of Pharmaceuticals Industries Bidang Farmaseutikal | Finance Accreditation Agency Bidang Kewangan |
| Malaysia Digital Economy Corporation Bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi | Institut Perdagangan dan Komoditi Malaysia Bidang Perdagangan dan Komoditi | Jabatan Pengangkutan Jalan Bidang Pengangkutan Jalan |
| Machinery & Equipment Manufacturers Association Bidang Pemesinan & Peralatan | Halal Industry Development Corporation Bidang Halal | Malaysia Retailers Association Bidang Peruncitan |
| Malaysia Steel Institute Bidang Besi & Keluli | Jabatan Kebajikan Masyarakat Bidang Penjagaan Kanak' dan Khidmat Komuniti | Majlis Ekuin Malaysia Bidang Ekuin |
| Malaysian Association of Hotel Bidang Hospitaliti | Malaysia Institute of Human Resource Management Bidang Perniagaan | Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Bidang Bidang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam |
| Malaysian Bioeconomy Corporation Bidang Bioteknologi | Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Bidang Kebudayaan dan Kesenian | The Chartered Institute of Logistics & Transport Malaysia Bidang Logistik |
| Malaysian Plastics Manufacturers Association Bidang Plastik | Malaysian Association of Tour and Travel Agents Bidang Pelancongan dan Pengembangaran | Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| The Malaysian Oil & Gas Services Council Bidang Minyak & Gas | Malaysian Textile and Apparel Centre Bidang Pakaian & Tekstil Matac Malaysia | |

Rajah 5.4: Senarai 36 ILB bagi tahun 2021

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tempoh dua belas (12) tahun penglibatan ILB membantu JPK memperkasa dan mempromosi SPKM di kalangan industri. Rajah 5.5 menunjukkan rangkuman aktiviti dan pencapaian ILB dari tahun 2010 hingga 2021.



Rajah 5.5: Pencapaian ILB dalam Program SPKM dari tahun 2010 hingga 2021

5.2.2 Seminar Tripartite Dengan Kerjasama *Industry Lead Body* (ILB)

Jabatan telah melaksanakan enam (6) siri seminar tripartite secara dalam talian sehingga Oktober 2021 seperti di Jadual 5.1. Seminar ini merupakan platform pertemuan dan perkongsian maklumat di antara pihak kerajaan, industri dan pusat latihan bertujuan mengetengahkan inisiatif pembangunan kemahiran dan *future skills* sebagai persediaan graduan, pencari kerja dan pekerja sedia ada meningkatkan kemahiran (*upskilling*) atau mendapatkan kemahiran baharu (*reskilling*) terutama dalam mendepani situasi pandemik COVID-19. Rajah 5.6 dan 5.7 merupakan rangkuman poster seminar yang telah diadakan sepanjang tahun 2021.

Jadual 5.1: Seminar Tripartite Tahun 2021

| BIL. | SEMINAR | TARIKH | PESERTA (ORANG) |
|------|---|---------------|-----------------|
| 1 | <i>Supply and Demand of TVET Workforce Aerospace Industry In The Wave Of Pandemic</i> | 9 Mac 2021 | 200 |
| 2 | <i>Smart Energy Technology Reskilling The Nation</i> | 12 April 2021 | 200 |

| BIL. | SEMINAR | TARIKH | PESERTA (ORANG) |
|------|--|--------------|-----------------|
| 3 | <i>Industry 4.0 In The Automotive Sector-Creating Future Skilled Workforce</i> | 7 Julai 2021 | 400 |
| 4 | <i>Webinar Industri Teknologi Digital: Kuasai Kemahiran Kuasai Masa Depan</i> | 19 Ogos 2021 | 993 |
| 5 | <i>Nurturing Shipping Industry Global Workforce for IR4.0</i> | 26 Ogos 2021 | 119 |
| 6. | <i>Development Of Skilled Human Resources Of The Hospitality And Tourism Industry In Overcoming The Impact Of Covid-19</i> | 28 Okt 2021 | 500 |



Rajah 5.6: Seminar secara dalam talian yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ts. Hj. Zaihan bin Shukri, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran



Rajah 5.7: Seminar secara dalam talian yang dirasmikan oleh YB. Datuk Awang Bin Hashim, Timbalan Menteri KSM

5.2.3 Webinar Jana- Usaha Inovasi Muda (JUM! TVET): Pemacu Inovasi Muda dan IR4.0

Rentetan daripada jalinan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman bersama dengan UNIRAZAK pada 2 September 2021 lalu, salah satu aktiviti yang telah dimulakan adalah Program Jana-Usaha Inovasi Muda (JUM! TVET) 2022. Program ini adalah suatu kerjasama strategik di antara JPK dan UNIRAZAK yang berinspirasikan konsep Keluarga Malaysia bagi membentuk dan memperkasa generasi belia dan muda Malaysia agar mempunyai ciri-ciri dan keupayaan untuk menyumbang kepada pembangunan mampan, kesejahteraan rakyat, tahap dan aktiviti inovasi serta keusahawanan negara.

Oleh itu bagi mewar-warkan dan memakmurkan Program JUM! TVET 2022 ini, satu webinar JUM! TVET: Pemacu Inovasi dan IR4.0 telah diadakan pada 22 Disember 2021 secara dalam talian dan telah diurussetiakan oleh Bahagian Kerjasama Strategik (KS) bersama dengan Centre for Continuing Education (CCE), UNIRAZAK seperti di Rajah 5.8. Webinar ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dan seramai 300 peserta telah mengikuti program ini yang membincangkan dan mengupas isu-isu berkaitan dengan ekonomi digital, Industry4WRD dan inovasi dalam perspektif TVET.



Rajah 5.8: Webinar JUM! TVET: Pemacu Inovasi dan IR4.0 yang telah dirasmikan oleh Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman, TKP (P), JPK

5.2.4 Koridor Ekonomi

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) lima (5) koridor wilayah pembangunan ekonomi telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi bagi merancakkan lagi pembangunan ekonomi negara. Selaku duta JPK, BKS dengan kerjasama Pejabat-pejabat JPK Wilayah telah mengaturkan perbincangan dengan kelima-lima koridor wilayah pembangunan ekonomi tersebut yang bertujuan:

- i. Mendapatkan maklumat terkini berkenaan industri utama di setiap wilayah ekonomi;
- ii. Menggalakkan pekerja industri di wilayah koridor ekonomi dipersijilkan dengan SPKM;
- iii. Memperkenalkan dan menghubungkan ILB dengan industri di wilayah koridor ekonomi;
- iv. Menjadi penghubung antara penguasa wilayah koridor ekonomi, industri, dan Pusat Bertauliah (PB) JPK;
- v. Mengumpul maklumat penawaran pekerjaan mengikut wilayah ekonomi berdasarkan kepada industri; dan
- vi. Menggalakkan penyertaan pihak penguasa koridor ekonomi dan industri dalam pembangunan SPKM; dan
- vii. Memperluaskan skop kerjasama dan hubungan baik antara JPK, penguasa koridor ekonomi dan industri.



[YOUTUBE](#) [FACEBOOK](#) [TWITTER](#)

**BIDANG
JOINERY**
10 Pggi • 29 JULI 2021 (DAMAS)

EN SAIFOL AZRI BIN MOHAMAD
Prodjek Ujian Industri
WSDG

alih-alih Beroperasi, Jawatankuasa Komuniti
Produksi Khas

DATTAH SEKARANG DI
<https://tinyurl.com/yd6mzq2d>

**PROGRAM
WEBINAR**
WORLDSKILLS MALAYSIA

PERKONGSIAN DARI
PAKAR
WORLDSKILLS
COMPETITION

IKUTI KAMI DI SALURAN
[YOUTUBE](#) [FACEBOOK](#) [TWITTER](#)

**BIDANG
 ELECTRONICS**
10 Pggi • 14 JULI 2021 (SELAJA)

TL. DR JEMAL BIN ADAM

SELEKSI KAHANU SBSB

alih-alih Beroperasi, Jawatankuasa Komuniti
Produksi Khas

DATTAH SEKARANG DI
<https://tinyurl.com/yd6mzq2d>

**PROGRAM
WEBINAR**
WORLDSKILLS MALAYSIA

PERKONGSIAN DARI
PAKAR
WORLDSKILLS
COMPETITION

IKUTI KAMI DI SALURAN
[YOUTUBE](#) [FACEBOOK](#) [TWITTER](#)

**BIDANG
CAR PAINTING**
2.30 Pggi • 14 JULI 2021 (DAMAS)

MR. LOI LING CHUNG (JOHN LOI)

Master in Auto Technic Sdn Bhd

alih-alih Beroperasi, Jawatankuasa Komuniti
Produksi Khas

DATTAH SEKARANG DI
<https://tinyurl.com/yd6mzq2d>

**PROGRAM
WEBINAR**
WORLDSKILLS MALAYSIA

PERKONGSIAN DARI
PAKAR
WORLDSKILLS
COMPETITION

IKUTI KAMI DI SALURAN
[YOUTUBE](#) [FACEBOOK](#) [TWITTER](#)

**BIDANG
 BRICKLAYING**
10 Pggi • 29 JULI 2021 (SELAJA)

NIS AFZAL BIN MOHD LAZIM
TEKNIK

alih-alih Beroperasi, Jawatankuasa Komuniti
Produksi Khas

DATTAH SEKARANG DI
<https://tinyurl.com/yd6mzq2d>

6.2 PROMOSI

=====

6.2.1 Jom Pilih Kemahiran 2021 – Karnival Masuk Institut Latihan Kemahiran Secara Maya “Jom Pilih Kemahiran”

Karnival Jom Pilih Kemahiran ini merupakan karnival masuk institut latihan kemahiran secara maya yang julung kalinya dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran, YBhg. Dato' Ts. Hj. Zaihan bin Shukri. Ianya berlangsung antara 22 hingga 28 September 2021 dengan melibatkan 17 agensi TVET dan institut latihan kemahiran iaitu Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Federation of JPK Accredited Centers Malaysia (FeMAC), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), GIATMARA, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Pertubuhan Keselamatan



Sosial (PERKESO), Human Resource Development Corporation (HRDCorp), Gabungan Pusat Bertauliah Kemahiran Terengganu (GAKEMT), PLKS-SLDN Sabah & W.P Labuan, Sarawak Skills Development Centre, PKPB, GILKS, and Alumni Worldskills Malaysia. Seramai 26,992 pengunjung maya dan 324,740 capaian media sosial berjaya dicapai sepanjang 7 hari karnival ini berlangsung. Pengisian karnival ini adalah empat slot webinar dan dua slot bual bicara, *TikTok Challenge: Show Your Skills*, kuiz dan cabutan bertuah.

Objektif pelaksanaan karnival ini adalah mempromosi program pengajian latihan kemahiran yang ditawarkan oleh Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta seluruh negara bagi sesi 2021/2022. Selain itu, ia juga merupakan satu program *outreach* tahunan dan menjadi pusat sehenti maklumat kepada kumpulan sasar seperti lepasan sekolah, ibu bapa, guru dan orang awam untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini mengenai peluang pengajian latihan kemahiran di Malaysia. Karnival ini juga memberi pencerahan berkenaan hala tuju serta pelaksanaan TVET dan latihan kemahiran di Malaysia.



Rajah 6.15: Poster Karnival Jom Pilih Kemahiran 2021


6.2.2 Kuiz Jelajah SkillsMalaysia Ke Sekolah

Kuiz Jelajah SkillsMalaysia ke Sekolah telah diadakan bermula 1hb Julai sehingga 30hb November 2021 secara dalam talian dengan kerjasama Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV), Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah menengah (Tingkatan 4 dan 5) berkenaan latihan kemahiran dan TVET di Malaysia.

Program ini telah melibatkan 16 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) iaitu JPN Wilayah Persekutuan Putrajaya, JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JPN Wilayah Persekutuan



Labuan, JPN Negeri Johor, JPN Negeri Perlis JPN Negeri Kedah, JPN Negeri Kelantan, JPN Negeri Melaka, JPN Negeri Sembilan, JPN Negeri Pahang, JPN Negeri Pulau Pinang, JPN Negeri Perak, JPN Negeri Selangor, JPN Negeri Terengganu, JPN Negeri Sabah dan JPN Negeri Sarawak. Jumlah peserta yang telah menyertai kuiz ini adalah seramai 5,029 peserta dan melibatkan semua sekolah di Malaysia dan setiap peserta telah menerima pengiktirafan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum (PAJSK) di peringkat Kebangsaan.



Rajah 6.16: Mesyuarat Jabatan bersama Wakil PPD dan BPLTV

6.3 PENCAPAIAN JABATAN MELALUI PENYERTAAN PERTANDINGAN INOVASI

6.3.1 *International Innovation Arsvot Malaysia 2021 (IAM2021)*

Jabatan Pembangunan Kemahiran dengan Kerjasama Persatuan Penyelidik Latihan Kemahiran & Vokasional (ARSVOT) telah menganjurkan program *International Innovation ARSVOT* Malaysia (IAM) 2021 pada 10 April 2021. Seramai 18 penyertaan terdiri daripada pegawai Jabatan Pembangunan Kemahiran dan CIAST dihantar mewakili Jabatan sebagai



langkah mempromosi dan memartabatkan latihan kemahiran dan nama baik Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Projek inovasi Jabatan Pembangunan Kemahiran telah diwakili oleh kumpulan inovasi Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MySPIKE). MySPIKE merupakan aplikasi dalam talian yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk meningkatkan penyampaian dan pengurusan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

Objektif penganjuran dan penyertaan pertandingan inovasi ini adalah untuk mempromosi sistem MySPIKE sekaligus meningkatkan jenama latihan kemahiran; meningkatkan nama baik dan kualiti produk Jabatan Pembangunan Kemahiran; meningkatkan potensi pegawai Jabatan bagi melazimkan kaedah semasa dengan norma baharu pertandingan secara dalam talian; memberi pengalaman penyertaan pertandingan di peringkat antarabangsa; serta perkongsian bestari inovasi ilmu dan kemahiran secara menyeluruh.

Pencapaian peserta inovasi Jabatan untuk program ini sangat membanggakan seperti di Jadual 6.18.

Jadual 6.18: Senarai Tajuk Inovasi dan Pencapaian Pasukan Inovasi Jabatan sempena IAM2021

| BIL. | TAJUK INOVASI | NAMA PEGAWAI | PENCAPAIAN |
|------|--|---------------------------------------|--|
| 1. | <i>Integration of Malaysian Skills Training Data Through MySPIKE (JPK)</i> | Norhisyam bin Dasuki | Anugerah <i>Best of the Best (Accredited Center Category), Best Award, Gold Award dan Best Visual Award.</i> |
| | | Norazreen binti Othman | |
| | | Norshymah binti Osman | |
| | | Maziah binti Borhanuddin | |
| | | Nur Aini Syakimah binti Ahmad Shuyuti | |
| 2. | Sistem Pengurusan Pembelajaran Dalam Talian Secara Terbuka (CIAST) | Fazlinda binti Dahalan | Anugerah <i>Best of the Best (Vocational College Teacher Category), Best Award dan Gold Award</i> |
| | | Nozie Mazzuana binti Md Arof | |
| | | Semai Azura binti Seman | |
| | | Rosilawati binti Mohd Ghazin | |
| | | Suzana Hani binti Tajuddin | |

| BIL. | TAJUK INOVASI | NAMA PEGAWAI | PENCAPAIAN |
|------|--|--------------------------------|---------------------------|
| 3. | Analisa Keperluan Latihan Pengajar TVET Atas Talian Secara Sistematik Menggunakan TiPs (CIAST) | Azian bin Hussain | |
| | | Sharida binti Mohd Sharif | |
| | | Wan Ahmad Jailani bin Wan Ngah | |
| | | Roshaniza binti Md Hashim | |
| | | Hairul Nizzat bin Bahrin | |
| | | Ahmad Jefri bin Sabri | Best Award dan Gold Award |
| | | Azhar bin Abidin | |
| | | Mohd Zamri bin Abdul Hamid | |
| | | Yogeswaran Seleappan | |
| | | Muhammad Salman bin Sahak | |
| 4. | Aplikasi PEM (CIAST) | Siti Nuraihan binti Mohd Husin | |
| | | Fazlinda binti Dahalan | |
| | | Nozie Mazzuana binti Md Arof | Bronze Award |
| | | Rosilawati binti Mohd Ghazin | |
| | | Suzana Hani binti Tajuddin | |

6.3.2 *Innovation And Invention Competition Through Exhibition (iCompEx2021)*

Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx2021) telah dianjurkan oleh Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) dengan Kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Kerajaan Negeri Kedah.

Tema pada tahun ini ialah *Innovation, Innovative Ideas vs COVID-19 And Beyond* selaras dengan era Revolusi Perindustrian Ke- 4 (IR4.0) serta cabaran mendepani pandemik COVID-19. Pandemik COVID-19 memberi kesan perubahan gaya hidup dan penyesuaian diri dengan norma baharu. Dari sudut positif, pemahaman dan penerokaan IR4.0 semakin meningkat akibat kekangan pandemik. Dalam dunia yang semakin mencabar dengan kecanggihan teknologi ini, platform iCompEx dijadikan batu loncatan menyuntik inspirasi kepada Jabatan untuk menghasilkan ciptaan inovasi.

Lanjutan itu, penglibatan Jabatan dalam pertandingan inovasi ini telah membawa pencapaian yang membanggakan seperti di Jadual 6.19.

Jadual 6.19: Senarai Tajuk Inovasi dan Pencapaian Pasukan Inovasi Jabatan sempena iCompEx2021

| BIL. | TAJUK INOVASI | NAMA PEGAWAI | PENCAPAIAN |
|------|--|--|-------------|
| 1. | <i>Integration of Malaysian Skills Training Data Through MySPIKE (JKP)</i> | Norhisyam bin Dasuki Norazreen binti Othman Norshymah binti Osman Maziah binti Borhanuddin Nur Aini Syakimah binti Ahmad Shuyuti | Pingat Emas |
| 2. | Projek <i>Compact Hydraulic Plate and Bar Bender</i> (CIAST) | Suhana binti Naziran Mohd Azlinshah bin Mohd Salleh Zuraini binti Ismail Mohd Salahuddin bin Mokhtar Muhammad Shafiq bin Abdullah Noor Adlina binti Ibrahim | Pingat Emas |



Keputusan ICompEx21 menerusi **"Projek Compact Hydraulic Plate and Bar Bender"** yang dipertandingkan pada 17 Mei-7 Jun 2021 lalu telah berjaya meraih pingat **EMAS**.

Perkandungan ini telah disertai oleh Team TVETiers yang terdiri Pn. Suhana Naziran (ketua), En. Mohd Norazlinshah Mohd Salleh, Pn. Zuraini Ismail, En. Mohd Shalahuddin Mokhtar, En. Muhammad Shafiq Abdullah dan Pn. Noor Adlina Ibrahim berjaya mengekalkan pingat **EMAS** bagi **DUA tahun berturut-turut**.



Rajah 6.17: Pencapaian pasukan inovasi Jabatan sempena iCompEx2021

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWAL SELIA (P&KS)

7.1 PENGUATKUASAAN

7.1.1 Pemeriksaan Di Bawah Seksyen 38 Akta 652

Pemeriksaan di bawah Seksyen 38 Akta 652 dijalankan bagi tujuan memeriksa Penyedia Latihan Kemahiran untuk memastikan pelaksanaan SPKM telah dan sedang mematuhi Akta 652 serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini. Semakan dibuat berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan latihan kemahiran yang dijalankan oleh penyedia latihan kemahiran.

Aktiviti pemeriksaan ini dijalankan dari semasa ke semasa oleh Inspektor yang dilantik di bawah Seksyen 37 Akta 652. Kaedah pemeriksaan adalah secara bersemuka atau secara dalam talian. Sepanjang tahun 2021 sebanyak 36 pusat berauliah yang melibatkan 115 program telah terlibat dalam pemeriksaan. Rajah 7.1 menunjukkan bilangan pemeriksaan terhadap program yang dilaksanakan mengikut negeri.

Melalui aktiviti pemeriksaan di bawah Seksyen 38 Akta 652 yang dilaksanakan, penyampaian latihan TVET sentiasa diperiksa dan dikawal selia berdasarkan perundungan untuk memastikan pematuhan kepada Standard dan seterusnya memenuhi sasaran membangunkan 35% tenaga mahir dalam pasaran pekerjaan. Dalam masa yang sama, sebarang ketidakpatuhan Penyedia Latihan Kemahiran dalam melaksanakan SPKM dapat dikenal pasti dan tindakan pemuliharaan / penguatkuasaan dapat dilakukan.



Rajah 7.1: Statistik Program Berauliah yang Terlibat dalam Pemeriksaan Mengikut Negeri Tahun 2021

7.1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Di Bawah Akta 652 (JKTA 652)

Jawatankuasa Tindakan Di Bawah Akta 652 atau JKTA 652 dianggotai 11 orang anggota tetap dan berperanan membuat keputusan dan meluluskan tindakan yang diambil di bawah Akta 652 atau tindakan secara pentadbiran bagi pelanggaran kepada Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652). MJKTA 652 juga bertanggungjawab untuk membuat keputusan dan meluluskan tindakan berkaitan ketidakpatuhan berkaitan pengambilan pelatih dan pendaftaran, pelaksanaan personel pentaulahan dan pakar pentaulahan.

Sepanjang tahun 2021 sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan iaitu pada 14 Januari 2021, 8 April 2021, 13 Julai 2021 dan 12 November 2021. Pelaksanaan mesyuarat adalah secara bersemuka dan dalam talian. Melalui Mesyuarat JKTA 652 ini, sebanyak 35 Pusat Bertauliah

telah dikenakan tindakan melibatkan 115 program bertauliah dengan 256 kesalahan. Statistik kesalahan dan ketidakpatuhan Pusat Bertauliah Mengikut Program sebagaimana di Rajah 7.2. Jenis tindakan yang telah diambil boleh dirujuk di Jadual 7.1 dan Rajah 7.3. Selain daripada itu, satu (1) Pusat Bertauliah diluluskan pelepasan tindakan pembekuan dan seorang Pegawai Pengesah Luaran diluluskan rayuan pelepasan daripada penggantungan penugasan personel.

Tindakan penguatkuasaan yang dilakukan Jabatan adalah bagi memastikan dasar dan perundangan latihan kemahiran diperkasakan serta pelaksanaan latihan TVET di sesebuah Pusat Bertauliah mematuhi standard dan jaminan kualiti yang ditetapkan dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

| | | | | | |
|------------|----------------------------|-----------|-------------------------|------------|----------------------------|
| 164 | PENILAIAN PELATIH | 17 | TIDAK BEROPERASI | 103 | PENDAFTARAN PELATIH |
| 150 | PELAKSANAAN PELATIH | 05 | DOKUMEN PALSU | 02 | PENGAMBILAN PELATIH |
| 138 | WIM | 19 | PERALATAN | 02 | TAMAT TAULIAH |
| 136 | PERSONEL | 18 | PENGIKLANAN | 02 | PREMIS LATIHAN |

Rajah 7.2: Statistik Kesalahan dan Ketidakpatuhan Pusat Bertauliah Mengikut Program Tahun 2021

Jadual 7.1: Statistik Jenis Tindakan, Bil Pusat Bertauliah dan Bilangan Program yang telah Diambil Tindakan Tahun 2021

| BIL | JENIS TINDAKAN | BILANGAN PB/PERSONEL | BILANGAN PROGRAM |
|------------------|----------------------------------|----------------------|------------------|
| 1. | NOTIS PENJELASAN | 14 | 53 |
| 2. | TINDAKAN PENTADBIRAN – PEMBEKUAN | 9 | 27 |
| 3. | AMARAN | 4 | 17 |
| 4. | PEMBATALAN | 5 | 13 |
| 5. | PENGGANTUNGAN PERSONEL | 4 | 5 |
| JUMLAH PB | | 36 | 115 |



Rajah 7.3: Statistik Jenis Tindakan Mengikut Program Tahun 2021

7.1.3 Permohonan Kelulusan Pengiklanan di Bawah Akta 652

Permohonan kelulusan pengiklanan dipertimbangkan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dalam Tatacara Permohonan Pengiklanan Bagi Pematuhan Akta 652 dan ketetapan lain yang berkaitan.

Jabatan melaksanakan kawalan terhadap pelbagai medium hebahan iklan termasuklah media sosial, laman sesawang, media cetak dan lain-lain. Jenis-jenis iklan termasuk *banner*, *flyers*, *crawler*, bunting, pamphlet, *brochure*, *leaflet*, papan tanda, *billboard*, poster dan lain-lain. Sepanjang tahun 2021 sebanyak 61 permohonan pengiklanan telah diproses seperti di Rajah 7.4.



Rajah 7.4: Statistik Permohonan Pengiklanan Mengikut Bulan Tahun 2021

7.1.4 Bengkel Pemurnian Panduan Pemeriksaan Di Bawah Seksyen 38 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] Tahun 2021

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memperhalusi dan memurnikan Panduan Pemeriksaan di bawah Seksyen 38 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] yang telah dibangunkan bagi lawatan pemeriksaan di bawah Akta 652. Bengkel pemurnian ini mengambil kira keperluan semasa di mana pindaan dan penambahbaikan perlu dilakukan. Bengkel ini diadakan pada 26 Ogos 2021 secara dalam talian dihadiri oleh 17 orang peserta melibatkan wakil Bahagian, Pejabat Wilayah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Penasihat Undang-Undang Jabatan dan Urusetia.

Panduan ini akan digunakan oleh Inspektor yang dilantik di bawah Seksyen 37 Akta 652 untuk pelaksanaan tugas pemeriksaan. Selain itu, ianya juga akan dijadikan panduan oleh semua pihak yang terlibat dengan aktiviti pemeriksaan pusat bertauliah agar aktiviti pemeriksaan yang dijalankan adalah seragam serta memenuhi piawaian yang ditetapkan. Rajah 7.5 menunjukkan sesi Bengkel Pemurnian Panduan Pemeriksaan di bawah Seksyen 38 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] Tahun 2021 yang telah diadakan pada 26 Ogos 2021.



Rajah 7.5: Bengkel Pemurnian Panduan Pemeriksaan di bawah Seksyen 38 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] Tahun 2021 secara dalam talian yang dipengerusikan oleh YBrs. Dr Mohd Faizal bin Tokeran

7.2 PENARAFAN TUNGGAL PROGRAM TVET




Sistem Penarafan Tunggal Program TVET merupakan satu sistem penarafan yang akan mengukur tahap kualiti dan standard sesuatu program TVET di institusi TVET awam dan swasta. Sistem penarafan ini dibangunkan sejajar dengan strategi memperkuuh tadbir urus TVET untuk pengurusan yang lebih baik seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Menerusi strategi ini, Kerajaan menekankan keperluan untuk mengharmonikan sistem penarafan merentasi institusi TVET awam dan swasta kepada sistem penarafan tunggal. Pelaksanaan penarafan tunggal program TVET ini juga bertepatan dengan salah satu inisiatif untuk menambahbaik ekosistem TVET yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu sistem penarafan akan diperkenalkan dengan agihan peruntukan akan berdasarkan kepada beberapa komponen termasuk kebolehpasaran, kadar upah graduan, kerjasama industri dan pelaksanaan inisiatif sosial di luar bandar.


Pembangunan instrumen bagi Penarafan Tunggal Program TVET ini telah melalui beberapa siri perbincangan kumpulan fokus bagi mendapatkan kesepakatan dalam proses pemetaan, penstrukturkan dan pembentukan kriteria. Proses ini melibatkan pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), agensi akreditasi iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta wakil-wakil agensi penyedia TVET. Pembangunan instrumen ini turut merujuk kepada tujuh (7) bidang Standard

Akreditasi TVET yang digariskan dalam *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA). Instrumen yang dibangunkan telah dilaksanakan semakan melalui kaedah *expert validation* dan projek rintis yang melibatkan institusi TVET awam dan swasta. Status penarafan Tunggal Program TVET adalah seperti di Rajah 7.6.


Instrumen Penarafan Tunggal Program TVET akan menilai 100 kriteria yang dikategorikan kepada enam (6) komponen, iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Kerjasama dan Penglibatan Industri, Tenaga Pengajar, Pengurusan Sumber, Kebolehkerjaan serta Pengiktirafan dan Pencapaian. Rajah 7.7 menunjukkan komponen penilaian penarafan Tunggal Program TVET.

Keputusan Penarafan Tunggal Program TVET ini akan menjadi petunjuk kepada keberkesanan pelaksanaan program oleh sesbuah Institusi TVET seterusnya digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan sebagai rujukan.





Rajah 7.6: Status Penarafan Tunggal Program TVET 2021



Rajah 7.7: Komponen Penilaian Penarafan Tunggal Program TVET

7.3 KHIDMAT PELANGGAN

|||||

Unit Khidmat Pelanggan Jabatan menjalankan fungsi memantau dan merekod aktiviti pengurusan khidmat pelanggan Jabatan, maklumbalas pelanggan (SMILEY) serta Kajian Kepuasan Pelanggan Jabatan, pembelian NOSS Jabatan, hasil kutipan Wang Amanah menerusi Kaunter Khidmat Pelanggan Jabatan serta aktiviti pengendalian dan penyelesaian aduan pelanggan berdasarkan MS ISO 9001:2015. Urusan khidmat pelanggan adalah melalui kaunter khidmat pelanggan, SISPAA, telefon, emel, borang kajian kepuasan pelanggan dan maklumbalas SMILEY.

Pengendalian khidmat pelanggan Jabatan adalah secara fizikal dan maya. Sebanyak 537 pelanggan telah berurusan secara fizikal dengan 2,804 urusan direkodkan sebagaimana Rajah 7.8 sepanjang tahun 2021. Butiran jenis urusan adalah sebagaimana Jadual 7.2.

Aduan yang dikendalikan oleh Unit Khidmat Pelanggan Jabatan yang diterima melalui SISPAA (Sistem Pengurusan Aduan Awam) adalah sebanyak 181 aduan yang mana telah direkod, dikendali dan diselesaikan sepanjang tahun 2021 seperti di Jadual 7.3. Kajian Kepuasan Pelanggan juga merupakan aktiviti yang dilaksanakan. Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan bagi perkhidmatan kaunter dan panggilan telefon Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sebagaimana Jadual 7.4 dan Jadual 7.5. Maklumbalas pelanggan (SMILEY) direkodkan melibatkan 249 pelanggan. Unit Khidmat Pelanggan Jabatan juga mengendalikan perkhidmatan jualan

NOSS. Sebanyak 344 NOSS Jabatan telah dijual secara pos atau pelanggan hadir secara fizikal melalui Kaunter Khidmat Pelanggan Jabatan.

Unit Khidmat Pelanggan Jabatan sentiasa memastikan khidmat yang diberikan adalah cekap, mesra, telus, berkualiti, efisen, professional, berkesan, mesra pelanggan dan memenuhi keperluan pelanggan berasaskan pengurusan budaya korporat sama ada dalam sektor awam maupun swasta.



Rajah 7.8: Statistik Jumlah Pelanggan Yang Berurusan Secara Fizikal Di Kaunter Khidmat Pelanggan JPK Bagi Tahun 2021

Jadual 7.2: Statistik Jenis Urusan Pelanggan Yang Dikendalikan Oleh Kaunter Khidmat Pelanggan JPK Secara Fizikal Bagi Tahun 2021

| URUSAN | JUMLAH |
|---------------------------------|---------------|
| Persijilan (SLaPB/PPT/SLDN) | 452 |
| Pendaftaran (SLaPB/PPT/SLDN) | 530 |
| Verifikasi PPL (SLaPB/PPT/SLDN) | 213 |
| PPT | 250 |
| NDT | 28 |
| Tauliah SLaPB | 284 |
| Tauliah SLDN | 38 |
| Kursus Induksi | 105 |
| Pengiktirafan Personel | 95 |
| Penguatkuasaan | 40 |
| Tuntutan Kewangan | 194 |
| Lain lain | 575 |

Jadual 7.3: Jumlah Aduan Yang Diterima Oleh Jabatan Menerusi SISPAA (Sistem Pengurusan Aduan Awam) Bagi Tahun 2021

| BULAN | JUMLAH ADUAN |
|--------------|---------------------|
| Januari | 18 |
| Februari | 9 |
| Mac | 20 |
| April | 18 |
| Mei | 15 |
| Jun | 17 |
| Julai | 11 |
| Ogos | 19 |
| September | 19 |
| Oktober | 5 |

| BULAN | JUMLAH ADUAN |
|---------------|--------------|
| November | 15 |
| Disember | 15 |
| JUMLAH | 181 |

Jadual 7.4: Statistik Kajian Kepuasan Pelanggan JPK Bagi Tahun 2021 Kategori Perkhidmatan Kaunter (KPI – 25 Borang Sebulan)

| KATEGORI | LAYANAN MESRA | RUANG MENUNGGU YANG SELESA | MAKLUMAT TEPAT & JELAS |
|------------------------|---------------|----------------------------|------------------------|
| SANGAT BAIK | 89.6% | 88.0% | 84.0% |
| BAIK | 10.4% | 12.0% | 15.2% |
| MEMUASKAN | 0 | 0 | 0.8% |
| TIDAK MEMUASKAN | 0 | 0 | 0 |

Jadual 7.5: Statistik Kajian Kepuasan Pelanggan JPK Bagi Tahun 2021 Kategori Panggilan Telefon (KPI – 25 Borang)

| KATEGORI | LAYANAN CEPAT | LAYANAN MESRA | MAKLUMAT TEPAT & JELAS |
|------------------------|---------------|---------------|------------------------|
| SANGAT BAIK | 77.6% | 84.8% | 80.8% |
| BAIK | 18.4% | 14.4% | 17.6% |
| MEMUASKAN | 4.0% | 0.8 | 1.6% |
| TIDAK MEMUASKAN | 0 | 0 | 0 |

7.4 TAKLIMAT/WEBINAR


|||||

7.4.1 Bengkel Penambahaikan Pelaksanaan Program Bertauliah bagi Pematuhan Akta 652

Bahagian Penguatkuasaan dan Kawal Selia telah mengadakan Sesi Bengkel Penambahaikan Pelaksanaan Program Bertauliah bagi Pematuhan Akta 652. Objektif pelaksanaannya adalah untuk mengadakan sesi bertemu muka dengan pihak Pusat Bertauliah yang telah dikenal pasti bagi membantu memahami keperluan Akta 652 serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta. Selain itu ianya juga bagi membantu Pusat Bertauliah mengenalpasti punca ketidakpatuhan dan peluang penambahbaikan serta membantu Pusat Bertauliah membuat penambahbaikan terhadap penyampaian latihan bagi pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

Bengkel ini telah dibuat secara dalam talian (*Zoom Meeting*) yang dibahagikan kepada 12 sesi dan dilaksanakan pada 20 hingga 23 September 2021 dan 30 September 2021 melibatkan 12 buah Pusat Bertauliah dan 76 program bertauliah seperti di Rajah 7.9.

Ianya memberi peluang kepada pusat bertauliah memahami Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) secara lebih mendalam dan secara tidak langsung mengurangkan ketidakpatuhan Akta 652 dan memastikan pusat bertauliah membuat penambahbaikan bagi memastikan kualiti dan standard dapat dikekalkan.



Rajah 7.9: Sesi Bengkel Penambahaikan Pelaksanaan Program Bertauliah bagi Pematuhan Akta 652 Secara Dalam Talian (*Zoom Meeting*) pada 22 September 2021

7.4.2 Taklimat Pelaksanaan Penarafan Tunggal Program TVET

Taklimat Pelaksanaan Penarafan Tunggal Program TVET dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran kepada Penyedia Latihan TVET awam dan swasta seluruh negara yang mempunyai program pentauliahan penuh. Ianya bertujuan memberi taklimat dan latihan kepada Penyedia TVET (PTVET) berkaitan mekanisma pelaksanaan, modul penarafan dalam MySPIKE dan kriteria penilaian bagi Penarafan Tunggal Program TVET.

Lima (5) siri taklimat kepada Penyedia TVET dilaksanakan secara dalam talian sebagaimana Rajah 7.10. Seramai 1,338 peserta hadir mewakili 746 Penyedia TVET seperti butiran dalam Jadual 7.6.



Siri 01

1 Julai 2021
PTVET WP
KL, Melaka &
Negeri
Sembilan

Siri 02

1 Julai 2021
PTVET Pulau
Pinang, Perlis
& Perak

Siri 03

2 Julai 2021
PTVET
Selangor &
WP Putrajaya

Siri 04

2 Julai 2021
PTVET Sabah,
Sarawak, WP
Labuan &
Pahang

Siri 05

14 Julai 2021
PTVET
Kedah,
Kelantan,
Terengganu
& Johor

Rajah 7.10: Siri Taklimat Pelaksanaan Penarafan Tunggal Program TVET Yang Telah Diadakan Secara Atas Talian pada 1, 2 dan 14 Julai 2021

Jadual 7.6: Kehadiran Peserta Taklimat Pelaksanaan Penarafan Tunggal Program TVET Mengikut Siri Yang Telah Diadakan Secara Atas Talian pada 1, 2 dan 14 Julai 2021

| BIL | SIRI | TARIKH | JUMLAH PTVET LAYAK | KEHADIRAN | | | |
|---------------|------------|---------------|--------------------------|----------------------------|--------------------------|--------------------------------|-------------------------------|
| | | | | JUMLAH PESERTA HADIR | JUMLAH PTVET HADIR | JUMLAH PTVET TIDAK HADIR | PERATUS KEHADIRAN PTVET |
| 1 | Siri 1 | 1 Julai 2021 | 198 | 234 | 134 | 64 | 67.68% |
| 2 | Siri 2 | | 174 | 259 | 136 | 38 | 78.16% |
| 3 | Siri 3 | 2 Julai 2021 | 197 | 219 | 116 | 81 | 58.88% |
| 4 | Siri 4 | | 183 | 243 | 149 | 34 | 81.42% |
| 5 | Siri 5 & 6 | 14 Julai 2021 | 268 | 383 | 211 | 57 | 78.73% |
| JUMLAH | | | 1020 | 1338 | 746 | 274 | 73.14% |


Pemahaman dan penilaian yang dilaksanakan secara berkesan akan membolehkan Penyedia TVET mengenalpasti kekuatan dan kelemahan program yang dilaksanakan serta merancang penambahbaikan yang perlu dilakukan. Hasil penarafan akan dapat dijadikan rujukan bagi merangka polisi dan dasar TVET yang lebih holistik.

7.4.3 Kursus Pembangunan dan Semakan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bertulis (*Written Instructional Material – WIM*) dan Soalan Latihan Kemahiran Khas Untuk Bahagian Penguatkuasaan dan Kawal Selia

Kursus Pembangunan dan Semakan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bertulis (*Written Instructional Material – WIM*) dan Soalan Latihan Kemahiran bertujuan memberi pendedahan dan pemahaman kepada pemeriksa berkaitan proses pembangunan dan kaedah semakan bahan pengajaran dan pembelajaran (WIM) serta soalan latihan kemahiran. Ianya bagi membantu pemeriksa dalam proses menjalankan tugas pemeriksaan dengan mengenalpasti kaedah semakan berkaitan bahan pengajaran dan pembelajaran bertulis serta soalan yang digunakan oleh pusat bertauliahan.

Taklimat ini dianjurkan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Kawal Selia dengan kerjasama CIAST pada 13 - 15 September 2021 secara dalam talian dan melibatkan 19 orang pegawai pemeriksa yang telah dilantik sebagai Inspektor di bawah Seskyen 37 Akta 652 seperti di Rajah 7.11. Peserta terdiri dari Inspektor daripada ibu pejabat JPK dan pejabat Wilayah JPK.

Pemeriksaan yang dilaksanakan secara berkesan dan tepat dapat mengurangkan ketidakpatuhan terhadap Akta 652 dan dapat memastikan keperluan yang digariskan Standard dapat dipenuhi.




Rajah 7.11: Kursus Pembangunan dan Semakan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bertulis (*Written Instructional Material – WIM*) dan Soalan Latihan Kemahiran Khas Untuk Bahagian Penguatkuasaan dan Kawal Selia Secara Atas Talian Pada 13 – 15 September 2021

7.4.4 Taklimat Penarafan Tunggal Program TVET Kepada Panel Penilai

Taklimat Penarafan Tunggal Program TVET kepada panel penilai dianjurkan dengan objektif untuk memberi pendedahan dan pemahaman berkaitan proses, kriteria yang digunakan, kaedah penilaian dan penggunaan sistem MySPIKE bagi Projek Rintis Kedua Penarafan Tunggal Program TVET. Taklimat ini dianjurkan oleh bahagian Penguatkuasaan dan Kawal Selia pada 22 Oktober 2021 secara fizikal dan secara dalam talian seperti di Rajah 7.12.

Seramai 17 orang panel penilai terdiri daripada pegawai Jabatan Pembangunan Kemahiran, MARA, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Tenaga Manusia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia hadir pada sesi taklimat ini. Penilaian yang dilaksanakan oleh panel penilai melalui pemahaman yang seragam dapat menghasilkan penarafan program TVET yang lebih berkesan, tepat dan telus.



Rajah 7.12: Taklimat Penarafan Tunggal Program TVET Kepada Panel Penilai Pada 22 Oktober 2021 Secara Dalam Talian.

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)

8.1 KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN

=====

Pada tahun 2021, CIAST telah menganjurkan sebanyak 665 kursus peningkatan kemahiran dan seramai 18,877 peserta telah menyertai kursus-kursus ini yang mana para peserta adalah terdiri daripada tenaga pengajar awam, swasta dan juga pihak industri. Kursus-kursus yang dilaksanakan turut merangkumi kursus-kursus teknikal yang berkaitan bidang Automotif, Kimpalan, Mekatronik, Elektronik, Komputer, Pengeluaran, Multimedia, Audio Visual, Grafik dan Kursus Teknik Mengajar. Butiran pelaksanaan kursus adalah seperti di Jadual 8.1.

Jadual 8.1: Kursus Peningkatan Kemahiran Anjuran CIAST

| BIL | JENIS PROGRAM/KURSUS | BILANGAN | |
|----------------|--|------------|---------------|
| | | KURSUS | PESERTA |
| 1 | <i>Modular</i> | 17 | 134 |
| 2 | <i>Customize</i> | 211 | 6,118 |
| 3 | <i>Reskilling</i> | 6 | 82 |
| 4 | SIP PERKESO | 14 | 34 |
| 5 | <i>Industry4wd</i> | 23 | 226 |
| 6 | PENJANA | 14 | 133 |
| 7 | Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) (Modular) | 53 | 1,742 |
| 8 | Perkongsian Kepakaran Industri | 19 | 550 |
| 9 | Latihan Sangkutan Industri | | 150 |
| 10 | Induksi SPKM | 234 | 6,868 |
| 11 | Kursus Antarabangsa | 9 | 73 |
| 12 | Kursus Pembangunan Kurukulum (WIM, Soalan, NOSS) dan Kemahiran Fasilitator | 20 | 669 |
| 13 | Kursus TiPS (CUDBASS, Falilitator, Aplikasi Sistem) | 22 | 1,034 |
| 14 | Kursus Kakitangan CIAST | 9 | 251 |
| 15 | Kursus VTO (Pra Perkhidmatan) | 6 | 790 |
| 16 | Kursus Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan VTO | 4 | 15 |
| 17 | Kursus Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV) | 4 | 8 |
| Jumlah: | | 665 | 18,877 |

8.2 PROGRAM PEMBANGUNAN KEPAKARAN DAN PROFESIONALISME PENGAJAR TVET

|||||

CIAST sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian TVET di negara ini dengan mempergiatkan kursus-kursus latihan kemahiran kepada tenaga pengajar TVET di bawah Program Pembangunan Kepakaran dan Profesionalisme Pengajar TVET. Kursus-kursus yang dilaksanakan turut merangkumi latihan *Reskilling, Upskilling & Profesional* yang melibatkan 15 agensi di bawah enam (6) Kementerian. CIAST mewujudkan program ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada tenaga pengajar TVET meningkatkan tahap kemahiran dan kepakaran mereka secara berterusan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program ini adalah berdasarkan kepada hasil analisa keperluan latihan yang diperolehi melalui *TVET Instructor eProfiling System* (TiPS). Objektif utama pewujudan program ini adalah seperti berikut;

01

Meningkatkan kualiti penyampaian TVET dengan meningkatkan kepakaran dan kemahiran pengajar sedia ada di agensi TVET Awam;

03

Memperkuuhkan profesionalisme tenaga pengajar TVET di negara ini;

Membangunkan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh Malaysia bagi mencapai taraf negara maju;

05

Mempergiatkan lebih banyak program latihan kemahiran bagi keperluan tenaga pengajar TVET;

Memperkasakan pengajar TVET melalui latihan *Reskilling, Upskilling & Profesional* berasaskan analisa kompetensi melalui *TVET Instructors eProfiling System* (TiPS);

07

Memenuhi keperluan kemahiran, perkembangan teknologi dan perubahan generasi baru;

Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar TVET selaras dengan kemahiran baharu (*new emerging skills*);

09

Mengoptimum fungsi pangkalan data TiPS untuk mengenalpasti jurang kompetensi tenaga pengajar TVET;

11

Menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan;

Melaksanakan program peningkatan tahap professionalisme tenaga pengajar TVET melalui *Professional Certification*; dan

Mengupayakan kompetensi kemahiran, pedagogikal dan pengurusan secara berterusan.

02**04****06****08****10**

Bagi tahun 2021, CIAST telah menerima peruntukan sebanyak RM8.3juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 di mana peruntukan tersebut telah diagihkan kepada 15 agensi pelaksana latihan TVET awam dan swasta untuk membangunkan kepakaran dan profesionalisme tenaga pengajar TVET melalui latihan *Reskilling*, *Upskilling* dan Profesional yang diadakan. Namun begitu, akibat wabak pandemik Covid-19, pelaksanaan latihan tidak dapat dilaksanakan secara optimum. Butiran pelaksanaan kursus latihan bagi tahun 2021 adalah seperti di Jadual 8.2.

Jadual 8.2: Pelaksanaan Skop Latihan *Reskilling*, *Upskilling* & Profesional Mengikut Agensi

| BIL | AGENSI | BILANGAN | |
|---------------|---|------------|--------------|
| | | KURSUS | PESERTA |
| 1 | JABATAN TENAGA MANUSIA (JTM) | 35 | 733 |
| 2 | JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) | 61 | 1,519 |
| 3 | INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (ILKBS) - IKBN/IKTBN | 9 | 83 |
| 4 | JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK) - CIAST | 6 | 81 |
| 5 | BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIK & VOKASIONAL (BPLTV) | 3 | 74 |
| 6 | BAHAGIAN LATIHAN KEMAHIRAN PERTANIAN (BLKP) | 0 | 0 |
| 7 | JABATAN PENJARA MALAYSIA (PENJARA) | 0 | 0 |
| 8 | JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) | 0 | 0 |
| 9 | AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN (AADK) | 0 | 0 |
| 10 | MAKTAB TEKNIK POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) | 0 | 0 |
| 11 | MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) - IKM & KKTM | 14 | 86 |
| 12 | GIATMARA | 4 | 135 |
| 13 | UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UNIKL) | 7 | 52 |
| 14 | LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) | 3 | 65 |
| 15 | GERMAN MALAYSIAN INSTITUT (GMI) | 0 | 0 |
| JUMLAH | | 142 | 2,828 |

8.3 PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL KEMAHIRAN

||||||||||||||

Program Pembangunan Profesional Kemahiran menawarkan kursus-kursus untuk melahirkan dan meningkatkan professionalism pengajar kemahiran TVET. Jadual 8.3 menunjukkan kursus-kursus yang telah dilaksanakan pada tahun 2021.

Jadual 8.3: Kursus yang dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Profesional Kemahiran

| BIL | TAJUK KURSUS | MOD PELAKSANAAN KURSUS | KATEGORI KURSUS * | TARIKH KURSUS | BILANGAN PESERTA |
|-----|---|------------------------|-------------------|--------------------|------------------|
| 1 | TM002: BASIC TRAINING <i>METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS</i> - PENJANA | Dalam Talian | PENJANA | 22 - 26 Feb 2021 | 10 |
| 2 | TM002: BASIC TRAINING <i>METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS</i> - PENJANA | Semuka | PENJANA | 15 - 19 Mac 2021 | 10 |
| 3 | TM002: BASIC TRAINING <i>METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS</i> - SIP PERKESO | Semuka | PERKESO | 15 - 19 Mac 2021 | 1 |
| 4 | OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH MANAGEMENT: SIP PERKESO | Semuka | PERKESO | 24 - 26 Mac 2021 | 2 |
| 5 | TM001/VTO Siri 1-KBS | Dalam Talian | MODULAR | 5 Apr - 2 Jul 2021 | 10 |
| 6 | TM001/VTO Siri 2-KBS | Dalam Talian | MODULAR | 5 Apr - 2 Jul 2021 | 9 |
| 7 | TM002: BASIC TRAINING <i>METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS</i> - ASIA EDU2UR | Semuka | CUSTOMIZE | 26 - 30 April 2021 | 8 |
| 8 | TM002: BASIC TRAINING <i>METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS</i> - IKEM | Dalam Talian | CUSTOMIZE | 21 - 25 Jun 2021 | 10 |

| BIL | TAJUK KURSUS | MOD PELAKSANAAN KURSUS | KATEGORI KURSUS * | TARIKH KURSUS | BILANGAN PESERTA |
|-----|--|------------------------|-------------------|----------------------|------------------|
| 9 | NCS004: 2017: <i>TRAIN THE TRAINER</i> | Dalam Talian | MODULAR | 12 - 16 Julai 2021 | 11 |
| 10 | TM002: <i>BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS</i> - KBS | Dalam Talian | CUSTOMIZE | 12 - 16 Julai 2021 | 20 |
| 11 | TM002: <i>BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS</i> - KBS | Dalam Talian | CUSTOMIZE | 26 - 30 Julai 2021 | 20 |
| 12 | TM001/VTO Siri 3 - JTM | Dalam Talian | MODULAR | 2 Ogos - 29 Okt 2021 | 18 |
| 13 | TM001/VTO Siri 4- KBS | Dalam Talian | MODULAR | 2 Ogos - 29 Okt 2021 | 5 |
| 14 | M03: <i>COMPETENCY ASSESSMENT DEVELOPMENT</i> - POLI | Dalam Talian | CUSTOMIZE | 2 - 6 Ogos 2021 | 20 |
| 15 | M03: <i>COMPETENCY ASSESSMENT DEVELOPMENT</i> - POLI | Dalam Talian | CUSTOMIZE | 2 - 6 Ogos 2021 | 20 |
| 16 | M04: <i>DEVELOPMENT TEACHING AND LEARNING MATERIALS</i> - BAITULMAL | Dalam Talian | CUSTOMIZE | 17 - 19 Ogos 2021 | 19 |
| 17 | NCS004: 2017: <i>TRAIN THE TRAINER</i> | Dalam Talian | MODULAR | 23-27 Ogos 2021 | 14 |
| 18 | NCS004: 2017: <i>TRAIN THE TRAINER</i> | Dalam Talian | MODULAR | 6 - 10 Sept 2021 | 11 |
| 19 | M04: <i>DEVELOPMENT TEACHING AND LEARNING MATERIALS</i> - INDIVIDU | Dalam Talian | MODULAR | 20 - 24 Sept 2021 | 8 |

| BIL | TAJUK KURSUS | MOD PELAKSANAAN KURSUS | KATEGORI KURSUS * | TARIKH KURSUS | BILANGAN PESERTA |
|---------------|---|------------------------|-------------------|---------------------|------------------|
| 20 | NCS004: 2017: <i>TRAIN THE TRAINER</i> - STYLUS ASIA | Dalam Talian | CUSTOMIZE | 15 - 19 Nov 2021 | 4 |
| | NCS004: 2017: <i>TRAIN THE TRAINER</i> - INDIVIDU | Dalam Talian | CUSTOMIZE | 15 - 19 Nov 2021 | 3 |
| 21 | TM002: <i>BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS</i> - ASIA EDU2UR | Dalam Talian | CUSTOMIZE | 15 - 19 Nov 2021 | 6 |
| | TM002: <i>BASIC TRAINING METHODOLOGY FOR INSTRUCTORS</i> - MARA | Dalam Talian | CUSTOMIZE | 15 - 19 Nov 2021 | 2 |
| JUMLAH | | | | 241 | |

8.3.1 Kursus TAE40116 Certificate IV in Training & Assessment (Upgrade) Secara Dalam Talian

Kursus TAE40116 Certificate IV in Training & Assessment telah dilaksanakan pada 12 – 16 April 2021 di Shah Alam yang telah disertai oleh seramai 30 orang tenaga pengajar CIAST seperti di Rajah 8.1. Kursus ini dilaksanakan secara dalam talian yang menghubungkan CIAST dan Australia Brodie-Hall Drive, Technology Park, Western Australia, Australia dengan menggunakan platform Canvas untuk perkongsian bahan pengajaran dan pembelajaran dan Zoom Meeting bagi sesi pengajaran secara *live streaming*. Fasilitator dan pegawai penilai bagi kursus ini ialah Carl Daggers, Ingrid Merrigan, Jessica Jaeger, Dr Deen Kuthubutheen dan Hanif Kuthubutheen.

Kursus ini bertujuan untuk membolehkan tenaga pengajar CIAST dipersijilkan dengan kelayakan latihan baharu yang diiktiraf oleh Australia. Semua tenaga pengajar CIAST yang menyertai kursus ini telah berjaya mendapat persijilan ini.



Rajah 8.1: Kursus TAE40116 Certificate IV in Training & Assessment

8.3.2 TAE50216 *Diploma of Training Design and Development Dan* TAE50116 *Diploma of Vocational Education and Training (Upgrade)* **Secara Dalam Talian**

Kursus TAE50216 *Diploma of Training Design & Development* dan TAE50116 *Diploma of Vocational Education & Training* telah diadakan pada 19 – 23 April 2021 yang mana merupakan kesinambungan daripada Kursus TAE40116 *Certificate IV in Training & Assessment* bertempat di Shah Alam, Selangor dan seramai 20 tenaga pengajar CIAST telah menyertai kursus ini.

Perasmian penutup kursus ini telah dihadiri oleh Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan CIAST, Encik Jamil bin Yahya. Semua peserta kursus telah berjaya dipersijilkan dengan kelayakan ini.




Rajah 8.2: Kursus TAE50216
Diploma of Training Design & Development dan TAE50116
Diploma of Vocational Education & Training

8.4 KURSUS SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)



Pada tahun 2021, CIAST telah melaksanakan sebanyak 223 kursus berkaitan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) secara modular dan *customized*. Kursus-kursus tersebut adalah Kursus Induksi SLDN, NDTs *Trainer Training Programme* dan NDTs *Coach Training Programme*. Kursus Induksi SLDN turut dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Open Learning* bagi memudahkan peserta untuk menyertai kursus tersebut. Ringkasan pelaksanaan kursus SLDN adalah seperti Jadual 8.4.




Jadual 8.4: Jenis Kursus, Bilangan Kursus dan Peserta Kursus SLDN Tahun 2021

| | | |
|----------------------|---|------------------------|
| 12 | Kursus NDTs Trainer Training Programme | 299 |
| 29 | Kursus NDTs Coach Training Programme | 1,091 |
| 182 | Kursus Induksi SLDN | 5,509 |
| JUMLAH 223 | | JUMLAH 6,899 |

▲ Bilangan Kursus ▾ Bilangan Peserta



Rajah 8.3: Bilangan dan peratusan peserta yang menyertai kursus SLDN pada tahun 2021



Rajah 8.4: Bilangan Pelaksanaan Kursus SLDN Tahun 2021

8.5 PELAKSANAAN PENCAPAIAN LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI) DAN PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI)

|||||||||||||||||

8.5.1 Latihan Sangkutan Industri (LSI)

Latihan Sangkutan Industri (LSI) diwujudkan bagi melaksanakan agenda Memperkasa Kualiti dan Penyampaian Program TVET yang diterajui oleh Industri. Melalui LSI, industri boleh membantu menerajui pembangunan kurikulum, mengurangkan pertindihan program dan penggunaan sumber, meningkatkan keberkesanan kos dan memperluaskan pembiayaan TVET bagi menambah enrolmen dan membangunkan tenaga pengajar berkualiti untuk menambahbaik penyampaian, memberi pendedahan kepada pengajar terhadap teknologi terkini di industri seterusnya meminimumkan jurang kompetensi mereka. Justeru, LSI membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pendekatan kerjasama strategik dengan industri yang tersedia terjalin. Jadual peserta agensi yang mengikuti LSI pada tahun 2021 adalah seperti Jadual 8.5.

Jadual 8.5: Jumlah Peserta LSI Mengikut Agensi

| BIL | AGENSI | MAC | APR | MEI | JUN | SEPT | OKT | JUMLAH PESERTA |
|---|------------|-----------|-----------|-----------|----------|-----------|-----------|----------------|
| 1 | JPK/ CIAST | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 2 | JTM | 6 | 1 | 2 | 0 | 4 | 10 | 23 |
| 3 | JPPKK | 12 | 7 | 6 | 2 | 3 | 6 | 36 |
| 4 | KBS | 9 | 6 | 5 | 0 | 3 | 7 | 30 |
| 5 | MARA | 0 | 5 | 16 | 2 | 1 | 3 | 27 |
| 6 | BPLTV | 8 | 8 | 4 | 1 | 1 | 9 | 31 |
| 7 | AADK | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | BLKP | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | JKM | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 10 | PENJARA | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 11 | PDRM | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH PESERTA | | 36 | 27 | 33 | 5 | 14 | 35 | 150 |
| JUMLAH SYARIKAT YANG TERLIBAT DENGAN LSI | | | | | | | | |
| JUMLAH SYARIKAT | | 35 | 26 | 29 | 5 | 14 | 16 | 125 |

8.5.2 Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)

Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) adalah satu program yang membolehkan setiap agensi mendapatkan seorang atau lebih tenaga pakar dalam bidang yang dikenalpasti untuk berkongsi kepakaran mereka dengan pengajar. Ia boleh dilaksanakan dalam bentuk seminar, kursus atau apa sahaja bentuk latihan yang bersesuaian secara bersemuka atau dalam talian. Antara tajuk-tajuk perkongsian ialah *Machine Condition Monitoring*, Penulisan Ilmiah, Teknologi Drone: Kegunaan & Pekerjaan, *Introduction to VR Arc Welding and CNC Plasma Cutting Table System*, Pengaturcaraan Microbait, *Industrial Instrumentation and Revolution Technology to Industry 4.0*, *Industrial Building System – Interlocking* dan *Application of Internet of Things (IoT) and Augmented Reality (AR) in Practical*. Jumlah peserta yang mengikuti sesi PKI pada tahun 2021 adalah seperti di Jadual 8.6.

Jadual 8.6: Jumlah Peserta PKI Mengikut Agensi

| BIL | AGENSI | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OKT | JUMLAH PESERTA |
|-----------------------|------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|----------------|
| 1 | JPK/ CIAST | 27 | 5 | 0 | 0 | 0 | 395 | 427 |
| 2 | JTM | 0 | 25 | 0 | 16 | 0 | 26 | 67 |
| 3 | JPPKK | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 16 | 16 |
| 4 | KBS | 0 | 0 | 0 | 20 | 10 | 0 | 30 |
| 5 | MARA | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | BPLTV | 0 | 0 | 10 | 1 | 0 | 0 | 10 |
| 7 | AADK | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | BLKP | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | JKM | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10 | PENJARA | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 11 | PDRM | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH PESERTA | | 27 | 30 | 10 | 36 | 10 | 437 | 550 |

8.6 PROGRAM PEMBANGUNAN PENGAJAR KEMAHIRAN (PPK)

||||||||||||||

Setiap tahun, Unit Peningkatan Kemahiran & Latihan (UPKL), CIAST akan melaksanakan Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK) dengan menawarkan kursus-kursus dan latihan jangka pendek dalam bidang pengeluaran, automotif, kimpalan, elektrik & elektronik, mekatronik, teknologi dron dan juga bidang pengkomputeran. Bagi tahun 2021, sebanyak lima (5) jenis kursus jangka pendek telah dilaksanakan di bawah Program PPK seperti di Jadual 8.7. Butiran kursus yang telah dilaksanakan adalah seperti di Jadual 8.8 hingga Jadual 8.12.

Jadual 8.7: Senarai Jenis Kursus

Modular/ Customised

Kursus jangka pendek yang ditawarkan dalam kalendar tahunan CIAST dan menyasarkan penyertaan daripada pengajar TVET dan individu yang berminat untuk meningkatkan tahap kemahiran dalam bidang teknikal

PENJANA Skills4Future

Kursus yang dibiayai oleh Kementerian Kewangan bagi membantu pekerja-pekerja industri mendapatkan kemahiran baharu atau meningkatkan kemahiran sedia ada sebagai nilai tambah yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan baharu

Reskilling

Kursus teknikal dan vokasional yang dilaksanakan kepada pengajar-pengajar CIAST bagi tujuan peningkatan kemahiran

TOT IR4WARD

Kursus Train of Trainer yang dibiayai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang bertujuan untuk melahirkan master trainer dalam bidang-bidang Industri 4.0 seperti Additive Manufacturing, Autonomous Vehicle, Smart Factory dan Drone Operation. Peserta yang terlibat adalah daripada agensi-agensi TVET seluruh Malaysia

PERKESO

Kursus yang dilaksanakan kepada pekerja-pekerja yang dibuang kerja dan mencarum di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO dan juga pekerja-pekerja yang baru dilantik di bawah syarikat yang menyertai program PENJANA KERJAYA PERKESO

Jadual 8.8: Kursus Modular/Customised

| BIL | TAJUK KURSUS | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|---------------|--|-----------------------|------------------|
| 1 | CNC MILLING | 15 - 19 Mac 2021 | 3 |
| 2 | GTAW PROCESS ON ALUMINIUM PLATE 3G POSITION | 6 - 9 April 2021 | 5 |
| 3 | INTENSIVE ONLINE COURSE ON E-CERT DEVELOPMENT VIA AUTOCRAT | 24 Jun 2021 | 72 |
| 4 | VEHICLE FIRE: SYSTEM APPROACH FOR FIREFIGHTER | 25 - 29 Oktober 2021 | 14 |
| 5 | APPRECIATION OF NON-DESTRUCTIVE TESTING (NDT) (VI, RI, UT, MT, PT) | 1 - 3 November 2021 | 15 |
| 6 | APPRECIATION OF NON-DESTRUCTIVE TESTING (NDT) (VI, RI, UT, MT, PT) | 8 – 12 November 2021 | 4 |
| 7 | 3D MODELLING ENGINEERING DRAWING (AUTODESK INVENTOR) | 22 – 26 November 2021 | 9 |
| 8 | 3D PRINTING TECHNOLOGY AND APPLICATION | 7 – 9 Disember 2021 | 12 |
| JUMLAH | | | 134 |

Jadual 8.9: Kursus PENJANA Skills4Future CIAST

| BIL | TAJUK KURSUS | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|-----|---|---|------------------|
| 1 | DISASTER RECOVERY MANAGEMENT | 15, 16 & 18 Februari 2021 (online) dan 29 & 30 Mac 2021 | 12 |
| 2 | PLC PROGRAMMING AND APPLICATION FOR INDUSTRIAL MOTOR CONTROL (MITSUBISHI PLC) | 8 - 11 Mac 2021 | 10 |
| 3 | BASIC PROGRAMMABLE LOGIC CONTROLLER (PLC) | 8 - 12 Mac 2021 | 10 |
| 4 | BASIC VEHICLE SERVICING AND MAINTENANCE SIRI 1 | 16 - 18 Mac 2021 | 12 |
| 5 | BASIC DRONE PILOTING SIRI 1 | 23 & 24 Mac 2021 | 10 |

| BIL | TAJUK KURSUS | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|---------------|---|-----------------------|------------------|
| 6 | BASIC SMAW AND GMAW ON CARBON STEEL PLATE - SIRI 1 | 23 - 25 Mac 2021 | 10 |
| 7 | BASIC VEHICLE SERVICING & MAINTENANCE SIRI 2 | 29 - 31 Mac 2021 | 7 |
| 8 | BASIC SMAW AND GMAW ON CARBON STEEL PLATE - SIRI 2 | 30 Mac - 1 April 2021 | 10 |
| 9 | BASIC DRONE PILOTING SIRI 2 | 5 & 6 April 2021 | 7 |
| 10 | 3D MODELLING PRODUCT DESIGN AND ENGINEERING DRAWING (AUTODESK INVENTOR) | 5 - 9 April 2021 | 10 |
| JUMLAH | | | 98 |

Jadual 8.10: Kursus Reskilling

| BIL | TAJUK KURSUS | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|---------------|--|--------------------|------------------|
| 1 | PLC PROGRAMMING FOR SMART FACTORY APPLICATION | 19 - 23 April 2021 | 4 |
| 2 | KURSUS PEMBANGUNAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ALAF 21 BAGI VTO DAN BENGKEL CIAST SIRI 1 (TEORI) | 16 - 18 Ogos 2021 | 13 |
| JUMLAH | | | 17 |

Jadual 8.11: Kursus TOT Industry4WARD

| BIL | TAJUK KURSUS | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|-----|---|-------------------------------|------------------|
| 1 | AUTONOMOUS VEHICLE SENSING SYSTEM | 20 September – 1 Oktober 2021 | 12 |
| 2 | SMART FACTORY - OT (SYSTEM INTEGRATION) | 27 September - 8 Oktober 2021 | 9 |
| 3 | DESIGN AND OPTIMIZATION IN ADDITIVE MANUFACTURING CERTIFICATION | 4 - 8 Oktober 2021 | 10 |
| 4 | SMART FACTORY - OT (SENSOR AND ACTUATOR) | 11 - 23 Oktober 2021 | 10 |

| BIL | TAJUK KURSUS | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|---------------|---|-----------------------|------------------|
| 5 | <i>DRONE OPERATION FOR AERIAL PHOTOGRAPHY, VIDEOGRAPHY AND MONITORING</i> | 24 - 27 Oktober 2021 | 10 |
| 6 | <i>UNMANNED AERIAL SYSTEM AND FIRST-PERSON VIEW DRONE OPERATION</i> | 20 - 21 Oktober 2021 | 12 |
| 7 | <i>3D METAL PRINTING CERTIFICATION</i> | 25 - 29 Oktober 2021 | 10 |
| 8 | <i>MANUFACTURING EQUIPMENT CONDITION MONITORING FOR SMART MAINTENANCE</i> | 20 - 22 Oktober 2021 | 6 |
| 9 | <i>ADVANCE INDUSTRIAL IOT</i> | 25 - 28 Oktober 2021 | 10 |
| 10 | <i>DJI MAVIC PRO DRONE OPERATION FOR BUILDING INSPECTION</i> | 28 - 29 Oktober 2021 | 12 |
| 11 | <i>DRONE OPERATION FOR SURVEYING, 2D & 3D AERIAL MAPPING</i> | 1 - 3 November 2021 | 10 |
| 12 | <i>ELECTRIC MOTOR AND PUMP MAINTENANCE FOR SUSTAINABLE MANUFACTURING SYSTEM</i> | 1 - 3 November 2021 | 6 |
| 13 | <i>AUTONOMOUS DRIVING VEHICLES ENABLED BY TECHNOLOGY ADVANCES</i> | 1 - 12 November 2021 | 11 |
| 14 | <i>DRONE OPERATION FOR AGRICULTURE AND PLANT HEALTH ANALYSIS</i> | 8 - 10 November 2021 | 10 |
| 15 | <i>SMART FACTORY - IOT GATEWAY</i> | 8 - 11 November 2021 | 8 |
| 16 | <i>MASTERCAM CNC MILLING APPLICATION</i> | 9 - 11 November 2021 | 8 |
| 17 | <i>DJI ACTIVE TRACK DRONE OPERATION IN ARIEL PHOTOGRAPHY.</i> | 11 - 12 November 2021 | 12 |
| JUMLAH | | | 166 |

Jadual 8.12: Kursus PERKESO

| BIL | TAJUK KURSUS | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|-----|--|------------------|------------------|
| 1 | <i>PROGRAMMABLE LOGIC CONTROLLER (PLC)</i> | 8 - 12 Mac 2021 | 3 |
| 2 | <i>BASIC CAD (2D & 3D)</i> | 15 - 19 Mac 2021 | 1 |

| BIL | TAJUK KURSUS | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|---------------|--|---|------------------|
| 3 | <i>INDUSTRIAL ELECTRICAL WIRING INSTALLATION & AIR-CONDITIONING SYSTEM</i> | 15 – 25 Mac 2021 | 3 |
| 4 | <i>CNC MILLING & CNC LATHE MACHINING</i> | 15 – 19 Mac & 29 Mac – 2 April 2021 | 1 |
| 5 | <i>COMPUTER NETWORK SERVICE</i> | 29 Mac – 2 April 2021 | 5 |
| 6 | <i>BASIC VEHICLE SERVICING & MAINTENANCE</i> | 29 Mac – 2 April 2021 | 3 |
| 7 | <i>BASIC DRONE PILOTTING & ARIAL PHOTOGRAPHY</i> | 5 – 9 April 2021 | 4 |
| 8 | <i>CAD (AUTODESK INVENTOR) - PRODUCT DESIGN</i> | 5 – 16 April 2021 | 1 |
| 9 | <i>PLC SEQUENCE CONTROL PROGRAMMING AND APPLICATION</i> | 12 – 16 April 2021 | 1 |
| 10 | <i>APPRECIATION OF NON-DESTRUCTIVE TESTING (NDT) (VI, RI, UT, MT, PT)</i> | 8 – 12 November 2021 | 2 |
| 11 | <i>BASIC DRONE PILOTTING & ARIAL PHOTOGRAPHY</i> | 22 – 26 November 2021 | 5 |
| JUMLAH | | | 29 |



Rajah 8.5: Program Pembangunan Pengajar Kemahiran

8.7 PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN JANGKA PANJANG (PRA PERKHIDMATAN)

|||||

CIAST turut melaksanakan Latihan Kemahiran Jangka Panjang di CIAST yang terdiri daripada kursus Sijil Pengajar Vokasional (*Vocational Training Officer – VTO*), Diploma Kemahiran Malaysia dengan Sijil Pengajar Vokasional (DKM+VTO) dan Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV). Pada tahun 2021, 14 kursus telah ditawarkan dan seramai 938 orang pelajar telah menyertainya. Pelaksanaan kursus ini turut melibatkan 14 Kampus Satelit CIAST.

Bilangan enrolmen pelajar pula adalah seramai 1,223 orang daripada 26 kursus yang ditawarkan, manakala bilangan pelajar yang telah menamatkan latihan dengan jayanya adalah seramai 813 orang daripada 14 kursus yang dijalankan. Jadual 8.13 menunjukkan Statistik Pengambilan, Enrolmen dan Keluaran Pelajar Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan) Tahun 2021.

Jadual 8.13: Statistik Pengambilan, Enrolmen dan Keluaran Pelajar Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra Perkhidmatan)

| NAMA PROGRAM | PENGAMBILAN | | ENROLMEN | | KELUARAN | |
|---|-------------|-------------|------------|-------------|------------|-------------|
| | BIL KURSUS | BIL PESERTA | BIL KURSUS | BIL PESERTA | BIL KURSUS | BIL PESERTA |
| Sijil (VTO) – Kampus CIAST Shah Alam | 3 | 207 | 6 | 284 | 4 | 216 |
| DKM+VTO | 4 | 50 | 5 | 83 | 4 | 15 |
| DLPV | 5 | 11 | 6 | 20 | 4 | 8 |
| Sijil (VTO) – Kampus Satelit CIAST | 2 | 670 | 9 | 836 | 2 | 574 |
| Jumlah | 14 | 938 | 26 | 1223 | 14 | 813 |



8.8 KURSUS BERKAITAN PEMBELAJARAN ELEKTRONIK DAN MULTIMEDIA (PEM)



CIAST turut menawarkan kursus jangka pendek dalam bidang ICT dan Multimedia di bawah Program Pembelajaran Elektronik & Multimedia (PEM) yang bertujuan untuk membangunkan kemahiran dalam pengkomputeran multimedia dan juga meningkatkan pengetahuan secara mendalam berkaitan dengan teknologi multimedia yang terkini. Semua kursus yang ditawarkan adalah direkabentuk khas bagi melatih para peserta agar peserta dapat menggunakan teknologi multimedia secara kreatif. Kursus-kursus jangka pendek yang telah dijalankan di bawah Program Pembelajaran Elektronik & Multimedia (PEM) bagi tahun 2021 seperti di Jadual 8.14:

Jadual 8.14: Senarai Kursus di bawah Program PEM bagi tahun 2021

| BIL. | JENIS KURSUS | NAMA KURSUS | TARIKH | PESERTA |
|------|--------------|--|-----------------------|---------|
| | Modular | <i>eLearning Content Development</i> | 8 - 9 Mac 2021 | 5 |
| | Modular | <i>Animated Graphics with Prezi and Powtoon</i> | 22 - 23 Mac 2021 | 8 |
| | Modular | <i>Microsoft Word 2016 and Microsoft Excel 2016 for Daily Usage</i> | 24 - 25 Mac 2021 | 9 |
| | Modular | <i>Gamification in Assessment</i> | 29 Mac 2021 | 6 |
| | Modular | <i>Instructional Video Production</i> | 30 Mac - 1 April 2021 | 4 |
| | Modular | <i>Adobe Photoshop</i> | 7 - 8 April 2021 | 6 |
| | Modular | <i>PHP Web Development</i> | 25 - 26 Oktober 2021 | 4 |
| | Modular | <i>Digital Video Editing</i> | 17 - 18 November 2021 | 8 |
| | Reskilling | <i>Google Certified Educator (Level 1)</i> | 24 Mei - 2 Jun 2021 | 10 |
| | In-House | Pengendalian Mesyuarat Dalam Talian-Menggunakan Aplikasi Zoom Siri 1 | 13 Januari 2021 | 22 |



| BIL. | JENIS KURSUS | NAMA KURSUS | TARIKH | PESERTA |
|------|--|--|------------------------|---------|
| | In-House | Pengendalian Mesyuarat Dalam Talian-Menggunakan Aplikasi Zoom Siri 2 | 18 Januari 2021 | 24 |
| | In-House | Aplikasi Pengajaran dan Pembelajaran Berinteraktif Atas Talian | 19 - 21 Januari 2021 | 35 |
| | In-House | Pengendalian Mesyuarat Dalam Talian-Menggunakan Aplikasi Zoom Siri 3 | 17 Februari 2021 | 49 |
| | In-House | Pembangunan Slaid Pembentangan | 23 - 24 Februari 2021 | 21 |
| | In-House | Literasi Pangkalan Data MYSPIKE/TIPS – <i>Introduction to MySQL</i> | 30 Mac - 2 April 2021 | 8 |
| | In-House | Microsoft Excel 2016 - Asas & Pertengahan | 5 Oktober 2021 | 16 |
| | IR4WRD | 3D Modelling & Mobile/Web Application for AR/VR Siri 1 | 23 - 25 Ogos 2021 | 10 |
| | IR4WRD | 3D Modelling & Mobile/Web Application for AR/VR Siri 2 | 1 - 3 September 2021 | 10 |
| | IR4WRD | Game Development & Gamification for AR/VR Siri 1 | 6 - 8 September 2021 | 10 |
| | IR4WRD | Game Development & Gamification for AR/VR Siri 2 | 13 - 15 September 2021 | 10 |
| | IR4WRD | AR/VR in Digital Transformation and Industry 4.0 | 1 - 3 November 2021 | 10 |
| | PENJANA (Peruntukan Oleh Kementerian Kewangan) | <i>Image & Graphic Design</i> | 4-5 Januari 2021 | 16 |
| | PENJANA | Digital Sound Reinforcement | 23 - 31 Mac 2021 | 2 |
| | PENJANA | Adobe Photoshop & Adobe Illustrator | 19-23 April 2021 | 10 |

| BIL. | JENIS KURSUS | NAMA KURSUS | TARIKH | PESERTA |
|------|---|--|----------------------|---------|
| | PENJANA | <i>Digital Video Editing</i> | 20-21 April 2021 | 7 |
| | PERKESO (SIP PERKESO & PENJANA PERKESO) | <i>Adobe Photoshop</i> | 15 – 19 Mac 2021 | 2 |
| | PLK (Khusus Latihan Kemahiran) | <i>Enhancing AR/VR Application with Artificial Intelligence (AI)</i> | 27 – 29 Oktober 2021 | 10 |



Rajah 8.6: Kursus Gamification in Assessment

8.9 PEMBANGUNAN FASILITATOR

.....

Jabatan Pembangunan Kemahiran telah menugaskan CIAST sebagai pusat pembangunan fasilitator. Latihan telah dilaksanakan kepada peserta awam dan swasta yang terdiri dari pelbagai agensi yang telah berdaftar sebagai Pusat Bertauliah (PB) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan pakar-pakar industri yang terlibat dalam Pembangunan *National Occupational Skills Standards* (NOSS). Latihan yang terlibat adalah meliputi Kursus Pembangunan NOSS, *Written Instructional Material* (WIM), Soalan, Latihan Sangkutan Fasilitator dan kursus Kemahiran Fasilitator seperti di Jadual 8.15. Calon Fasilitator perlu mengikuti dan lulus setiap kriteria pentauliahan fasilitator.



Jadual 8.15: Senarai Latihan bagi Pembangunan Fasilitator

| BIL. | KURSUS | KETERANGAN KURSUS |
|------|--|--|
| 1 | KURSUS/TAKLIMAT PEMBANGUNAN NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARDS (NOSS) | Kursus/Taklimat Pembangunan NOSS ini bertujuan memberi pendedahan kepada pakar-pakar industri yang terlibat dalam pembangunan dan kelulusan NOSS mengenai teknik dan tatacara membangunkan <i>Occupational Structure</i> (OS), <i>Occupational Area Structure</i> (OAS), <i>Competency Profile Chart</i> (CPC), <i>Competency Profile</i> (CP), <i>Curriculum of Competency Unit</i> (CoCU) dan <i>Standard Practice</i> (SP) untuk memenuhi Standard pekerjaan di Malaysia. |
| 2 | KURSUS/TAKLIMAT WRITTEN INSTRUCTIONAL MATERIAL (WIM) | Kursus/Taklimat <i>Written Instructional Material</i> (WIM) ini bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar Pusat Bertaullah Awam dan Swasta mengenai teknik dan tatacara pembangunan Pelan Mengajar, Kertas Penerangan, Kertas Tugasan dan Kertas Kerja berdasarkan keperluan Unit Kompetensi dalam <i>National Occupational Skills Standards</i> (NOSS). |
| 3 | KURSUS/TAKLIMAT PEMBANGUNAN SOALAN LATIHAN KEMAHIRAN | Kursus/Taklimat Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran ini bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar Pusat Bertaullah Awam dan Swasta mengenai teknik dan tatacara pembangunan soalan yang memenuhi keperluan Unit Kompetensi dalam <i>National Occupational Skills Standards</i> (NOSS). |
| 4 | KURSUS KEMAHIRAN FASILITATOR | Kursus Kemahiran Fasilitator adalah kursus untuk peserta-peserta berkelayakan yang telah berjaya melalui kursus pembangunan dengan jayanya. Objektif utama kursus adalah untuk memberi pendedahan teknik dan tatacara kemahiran fasilitator sebagai persediaan bagi membangunkan NOSS, WIM dan Soalan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Bakal Fasilitator perlu menduduki Ujian Prestasi dan Ujian Pengetahuan. Calon perlu lulus keseluruhan ujian seperti yang telah ditetapkan. |

Jadual 8.16: Pencapaian Perlaksanaan Kursus Pembangunan NOSS/WIM/Soalan/Kemahiran Fasilitator Dan Pentauliahan Fasilitator NOSS/WIM/Soalan 2021

**9 Siri
340 Peserta**

Kursus/Taklimat Pembangunan

**10 Siri
343 Peserta**

3 fasilitator

Pentauliahan Fasilitator

8 fasilitator

► WIM

► PERKARA

► SOALAN

8.10 LAPORAN TiPS

=====

TVET Instructor eProfiling System (TiPS) adalah satu sistem dalam talian pangkalan data berpusat pengajar TVET Malaysia. Sehingga Disember 2021, sejumlah 29,783 pengajar TVET awam dan swasta berdaftar di TiPS. TiPS berperanan untuk mengenalpasti jurang kompetensi pengajar TVET dengan kaedah yang sistematik serta menyediakan platform padanan latihan untuk peningkatan kompetensi pengajar TVET. Sepanjang tahun 2021, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi memastikan ia terus berfungsi dan menyumbang kepada usaha pemantapan kompetensi pengajar. Jadual 8.17 menunjukkan aktiviti yang dilaksanakan

Jadual 8.17: Aktiviti yang dilaksanakan

| Pemantapan Sistem TiPS | 2 | 1 Modul |
|---|----------|-----------------------------|
|  | | |
| Pemantapan Fasilitator TiPS | 1 | 56 Fasilitator |
|  | | |
| Pembangunan Ability Checklist (ACL) | 5 | 12 ACL |
|  | | |
| Kursus Pembangunan Fasilitator TiPS - CUDBAS Leader | 2 | 20 Fasilitator |
|  | | |
| Kursus Aplikasi TiPS | 5 | 180 Pentadbir Sistem |
|  | | |
| Taklimat TiPS | 6 | 766 Pengguna |
|  | | |
| Kursus Asas CUDBAS | 8 | 90 Peserta |
|  | | |

■ PERKARA ■ BILANGAN PROGRAM ■ PENCAPAIAN



Rajah 8.7: Sesi Demonstrasi TiPS Template Versi 4.0 oleh Mentor

8.11 PERAKUAN PERSONEL SPKM

=====

Dalam memastikan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dapat beroperasi dengan lancar, CIAST telah ditugaskan untuk menguruskan perkara berkaitan Personel SPKM. Pengurusan Personel ini melibatkan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP), Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) dan Fasilitator Bertauliahan (FB).

8.11.1 Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP)

PPKSPP adalah satu perakuan yang diberi kepada personel Pusat Bertauliahan (PB) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang bertanggungjawab dalam pengurusan latihan kemahiran, membimbing, menyelia dan menilai pelatih / perantis di PB. Ia adalah berdasarkan kepada kelayakan yang dimiliki oleh personel tersebut dan juga program bertauliahan dengan merujuk kepada Daftar Standard yang berkuatkuasa dan hanya melibatkan **tujuh (7)** perjawatan berikut:

PB PUSAT BERTAULIAH

| PB SLaPB | PB SLDN |
|--|---------------------------------|
| PB Sistem Latihan Program Bertauliahan | PB Sistem Latihan Dual Nasional |

| | |
|---|---|
| PPB Pengurus Pusat Bertauliahan | PPB Pengurus Pusat Bertauliahan -SLDN |
| PPB Pengurus Pengesah Dalamam | COACH Coach di Syarikat SLDN |
| PPB Pegawai Penilai | P-SLDN Pengajar SLDN |
| PP-Modular PP Program Modular | |


Sepanjang tahun 2021, sejumlah 32,126 permohonan PPKSPP telah dibentangkan dalam Mesyuarat Perakuan Personel SPKM seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 8.18 berikut.

Jadual 8.18: Permohonan PPKSPP

| PERJAWATAN | LULUS | GAGAL |
|------------|-------|-------|
| PPB | 571 | 1,000 |
| PPD | 3,317 | 3,286 |
| PP | 5,524 | 6,437 |
| PP-Modular | 664 | 448 |
| PPB-SLDN | 758 | 963 |
| COACH | 3,567 | 2,873 |
| P-SLDN | 1,166 | 1,552 |

Daripada jumlah keseluruhan permohonan, 15,567 (48.46%) daripadanya memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dan telah diluluskan melalui Mesyuarat Perakuan Personel SPKM yang dijalankan secara bulanan. Jadual 8.19 menunjukkan peratusan perakuan PPKSPP yang diluluskan mengikut perjawatan.

Jadual 8.19: Peratus perakuan PPKSPP mengikut perjawatan



8.11.2 Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV)

Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) merupakan individu yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan berpengalaman dalam bidang. PPV berperanan dalam pelaksanaan penilaian, penentusan dan jaminan mutu Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

PPV terbahagi kepada empat (4) perjawatan sebagaimana yang disenaraikan dalam dibawah mengikut tiga (3) kaedah persijilan berikut;

Kaedah Persijilan

- 01 Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB)**
Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Program Bertauliah (PPL-SLaPB)
- 02 Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)**
Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN)
- 03 Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)**
 - i. Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT)
 - ii. Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPK-PPT)

Sepanjang tahun 2021, sejumlah 8,167 permohonan PPV telah dibentangkan dalam Mesyuarat Perakuan Personel SPKM mengikut perjawatan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8.20.

Jadual 8.20: Jumlah permohonan PPV mengikut perjawatan

| | | |
|-------------|-------------------|--------------|
| 464 | PPL-PPT | 861 |
| | | |
| 582 | PPL-SLDN | 740 |
| | | |
| 1129 | PP-PPT | 1323 |
| | | |
| 1795 | PPL-SLaPB | 1273 |
| | | |
| | LULUS | |
| | PERJAWATAN | |
| | | GAGAL |

Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 3,970 permohonan yang memenuhi syarat telah diluluskan melalui Mesyuarat Perakuan Personel SPKM yang dijalankan secara bulanan. Syarat dan prosedur permohonan PPV boleh dirujuk di portal rasmi CIAST. Jadual 8.21 menunjukkan peratusan perakuan PPV yang diluluskan mengikut perjawatan.

Jadual 8.21: Peratusan perakuan (permohonan Lulus) mengikut perjawatan



8.11.3 Fasilitator Bertauliahan (FB)

Selain PPV dan PPKSPP, CIAST turut melaksanakan perakuan Fasilitator Bertauliahan (FB) bagi memastikan JPK mempunyai personel yang berkelayakan dalam menghasilkan dokumen standard dan kurikulum latihan yang mencapai kompetensi dan standard sesuatu pekerjaan bagi memenuhi keperluan industri negara.

Terdapat empat perjawatan FB iaitu;

- Fasilitator Bertauliahan DESCUM (FB DESCUM)
- Fasilitator Bertauliahan WIM (FB WIM)
- Fasilitator Bertauliahan Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran (FB Soalan)
- CUDBAS Leader

Sepanjang tahun 2021, sejumlah 105 permohonan

FB telah dibentangkan dalam Mesyuarat Perakuan Personel SPKM mengikut perjawatan sebagaimana Jadual 8.22.

Jadual 8.22: Jumlah permohonan FB mengikut perjawatan

| PERJAWATAN | LULUS | GAGAL | JUMLAH |
|---------------|-----------|-----------|------------|
| CUDBAS Leader | 6 | 9 | 15 |
| FB DESCUM | 14 | 12 | 26 |
| FB WIM | 10 | 20 | 30 |
| FB Soalan | 12 | 22 | 34 |
| JUMLAH | 42 | 63 | 105 |

8.12 KURSUS INDUKSI PENTAUILAHAN (PP-PPD-PPB, PP-PPT & PPL)



||||||||||||||

Kursus Induksi Pentaulahan adalah kursus yang dianjurkan untuk memperkenalkan kaedah pentaulahan program dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) kepada orang awam. Terdapat tiga (3) jenis Kursus Induksi Pentaulahan yang dilaksanakan seperti berikut:

- i. Kursus Induksi Pentaulahan Pegawai Penilai-Pegawai Pengesahan Dalaman-Pengurus Pusat Bertaualah (PP-PPD-PPB);
- ii. Kursus Induksi Pentaulahan Pegawai Penilai-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT); dan
- iii. Kursus Induksi Pentaulahan Pegawai Pengesah Luaran (PPL).

Kursus-kursus ini dianjurkan oleh pihak swasta dan juga awam, manakala CIAST pula bertindak selaku penyelaras kursus. Dua (2) orang penceramah sama ada pegawai daripada Ibu Pejabat JPK Putrajaya, Cyberjaya, JPK Wilayah-Wilayah atau CIAST akan ditugaskan bagi setiap penganjuran kursus induksi pentaulahan PP-PPD-PPB, PP-PPT & PPL. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 221 kursus induksi telah dianjurkan secara dalam talian dengan menggunakan platform OpenLearning. Butiran penganjuran kursus adalah seperti di Jadual 8.23.

Jadual 8.23: Penganjuran dan bilangan peserta KIP 2021



Sesi Pembaharuan Penilaian dan Verifikasi Tahun 2021

Sesi penilaian lantikan penceramah Kursus Induksi Pentauliahan telah dilaksanakan sebanyak 58 siri yang bertujuan untuk memperbaharui lantikan Pegawai Penilai Verifikasi (PPV) yang berkelayakan. Seramai 1,351 peserta telah menyertai sesi penilaian ini secara dalam talian. Sesi ini melibatkan penilaian secara pembentangan, penilaian objektif dan juga eseji. Jadual 8.24 merupakan jadual pelaksanaan sesi pembaharuan penilaian dan verifikasi.

Jadual 8.24: Pelaksanaan sesi pembaharuan penilaian dan verifikasi

| BIL | NO SIRI | TARIKH | PESERTA |
|-----------------------|---------------|---|-------------|
| 1 | ZON SELATAN 1 | 8 – 10 Februari 2021 | 30 |
| 2 | ZON TENGAH 1 | 22 – 25 Februari 2021 | 40 |
| 3 | ZON UTARA 1 | 1 – 3 Mac 2021 | 30 |
| 4 | ZON TIMUR 1 | 8 – 10 Mac 2021 | 30 |
| 5 | ZON SABAH 1 | 5- 8 April 2021 | 40 |
| 6 | ZON SARAWAK 1 | 12 - 15 April 2021 | 40 |
| 7 | ZON SELATAN 2 | 5 – 8 Julai 2021 | 40 |
| 8 | ZON TENGAH 2 | 12 – 15 Julai 2021 | 40 |
| 9 | ZON UTARA 2 | 16 – 19 Ogos 2021 | 40 |
| 10 | ZON TIMUR 2 | 23 – 26 Ogos 2021 | 40 |
| 11 | ZON SARAWAK 2 | 20 – 23 September 2021 | 40 |
| 12 | ZON SABAH 2 | 27 – 30 September 2021 | 40 |
| 13 | GIATMARA KHAS | 18 Ogos, 30 Ogos, 7 September, 14 September, 21 September, 23 September, 5 Oktober, 7 Oktober, 12 Oktober, 14 Oktober dan 18 Oktober 2021 | 901 |
| JUMLAH PESERTA | | | 1351 |



8.13 PROGRAM ANTARABANGSA

|||||

CIAST telah diberi kepercayaan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN) sebagai penyedia latihan bagi melaksanakan *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP). Manakala bagi *Third Country Training Programme* (TCTP), penganjuran kursus adalah melibatkan kolaborasi bersama dengan Kementerian Luar Negeri (KLN) dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA). Kepercayaan dan mandat yang telah diberikan kepada CIAST sebagai salah satu agensi latihan kemahiran untuk mengendalikan program MTCP dan TCTP telah membuktikan kredibiliti CIAST dalam menyediakan latihan kemahiran kepada tenaga pengajar dan seterusnya mengangkat imej CIAST sebagai peneraju dalam latihan pengajar dan TVET di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Program MTCP telah dilancarkan pada tahun 1980 sebagai komitmen Malaysia untuk menjalankan Kerjasama Selatan-Selatan dan menjadi platform bagi Malaysia untuk berkongsi pengalaman dengan negara-negara membangun yang lain. Pelaksanaan MTCP adalah berdasarkan kepada prinsip bahawa pembangunan sesebuah negara adalah bergantung pada kualiti modal serta sumber manusia.

Pada tahun 2021, Unit Latihan Antarabangsa, CIAST telah menganjurkan sebanyak lima (5) kursus antarabangsa meliputi empat (4) kursus MTCP dan satu (1) kursus TCTP. Seramai 73 peserta antarabangsa dari pelbagai negara telah menyertai kursus ini. Maklumat kursus yang dianjurkan adalah seperti di Jadual 8.25.

Jadual 8.25: Senarai kursus antarabangsa yang telah dianjurkan

| NAMA KURSUS | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|--|---------------------|----------------|
| <i>Live Video Technology For Online Training In New Norm</i> | 22-26 Mac 2021 | |
| | 5-9 April 2021 | 28 |
| | 31 Mei - 4 Jun 2021 | |
| <i>Introduction For Industrial Automation For IR4.0</i> | 19-23 April 2021 | |
| | 26-30 April 2021 | 10 |
| | 31 Mei - 4 Jun 2021 | |
| <i>Train The Trainers For TVET</i> | 20-24 Sept 2021 | 20 |
| <i>Interactive Courseware for Online Learning Content Development in New Norm</i> | 20-24 Sept 2021 | 12 |
| <i>Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET): Arc Welding Procedures Specification Based on ASME IX Code and Train the Trainer</i> | 18-29 Oktober 2021 | 3 |




Rajah 8.8: Majlis Pembukaan Program MTCP Secara Atas Talian Tahun 2021



Rajah 8.9: Majlis Pembukaan Program TCTP Secara Atas Talian Tahun 2021



Rajah 8.10: Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Amali Kursus



Rajah 8.11: Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Teori Kursus



Rajah 8.12: Sesi Rumusan Dan Maklumbalas Peserta Program Pada Hari Terakhir Kursus

8.14 PERTANDINGAN INOVASI

|||||||||

Sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajar TVET, CIAST sentiasa bergiat aktif dalam penyertaan pertandingan inovasi dan kreativiti di sepanjang tahun 2021 seperti di Jadual 8.26. Hasil penyertaan pertandingan, CIAST telah membuktikan bahawa keupayaan CIAST dalam acuannya sendiri telah berjaya merangkul kedudukan utama dan telah dianugerahkan pingat emas.

Jadual 8.26: Pertandingan yang disertai oleh CIAST sepanjang tahun 2021

| BIL | PERTANDINGAN | TARIKH DAN TEMPAT | TAJUK DAN PENCAPAIAN |
|-----|--|---|--|
| 1. | <i>International Innovation ARSVOT Malaysia (IAM) 2021</i> | 10 April 2021 secara dalam talian anjuran Persatuan Penyelidik Latihan Kemahiran & Vokasional (ARSVOT) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) | <ul style="list-style-type: none"> 1. Pembangunan Sistem Pengurusan Pembelajaran Dalam Talian Secara Terbuka (<i>Best of The Best, Best Award, Gold Award</i>) 2. Analisa Keperluan Latihan Pengajar TVET Secara Dalam Talian Sistematik Menggunakan TiPS (<i>Best Award, Gold Award</i>) 3. Aplikasi PEM (<i>Bronze Medal</i>) |
| 2. | <i>National Innovation and Invention Competiton Throuh Exhibition (iCompEx 2021)</i> | 17 Mei- 7 Jun 2021 secara dalam talian anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia bertempat di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra Kedah. | <ul style="list-style-type: none"> 1. <i>Compact Hydraulic Plate and Bar Bender (Gold Medal)</i> |
| 3. | Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET Peringkat Kebangsaan PERISA'21 | 20 - 23 September 2021 secara dalam talian anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bersama Kolej Komuniti Paya Besar, Gambang. Pahang. | <ul style="list-style-type: none"> 1. <i>TVET Instructor eProfiling System (TiPS) (Gold Medal)</i>, Johan Kategori ICT dan Johan Keseluruhan Pertandingan |



Rajah 8.13: Penyertaan Pegawai CIAST ke Pertandingan Inovasi

8.15 CIAST SEBAGAI CENTRE OF EXCELLENCE (COE) FOR TVET INSTRUCTOR

Pada 10 November 2021, telah berlangsung Majlis Pelancaran CIAST sebagai *Centre of Excellence (CoE) for TVET Instructor* bertempat di auditorium CIAST. Sempena majlis pelancaran tersebut, turut diadakan seminar bertajuk Pengajar TVET Era Digitalisasi dan Norma Baharu: Kriteria dan Cabaran. Seminar ini telah disampaikan oleh Professor Dr. Mohar bin Yusof, Pengarah Inovasi Akademik, *Centre for Continuing Education (CCE)* UNIRAZAK. Di samping itu juga, satu sesi forum bertajuk CIAST memacu Keunggulan Pengajar TVET Negara turut diadakan. Forum tersebut telah dijayakan oleh tiga (3) orang ahli panel iaitu Tn. Hj. Suimi Bin Abd Majid, Mantan Pengarah CIAST, En.

Luqman bin Ahmad, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, EPU dan En. Azizul bin Mohd. Othman, Presiden Federation of JPK Accredited Centers Malaysia (FeMAC) dan Dr. Zool Hilmi bin Mohamed Asri dari Bahagian NOSS, JPK bertindak sebagai moderator forum.

Dalam majlis tersebut, YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia yang mewakili Menteri Sumber Manusia telah merasmikan CIAST sebagai CoE for TVET Instructor dan turut mengiringi beliau ialah YBhg Dato' Ts. Hj. Zaihan bin Shukri, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.



Rajah 8.14: YB Timbalan Menteri Sumber Manusia merasmikan CIAST sebagai CoE for TVET Instructor

8.16 CIAST SEBAGAI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DAN LAWATAN YANG DI-PERTUAN AGONG (YDPA) KE CIAST

Pada pertengahan Disember 2021, kawasan Lembah Klang telah dilanda musibah banjir besar dan turut melibatkan beberapa kawasan di sekitar Shah Alam. Pada 20 Disember 2021, Kerajaan Negeri Selangor telah menjadikan CIAST sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi menempatkan mangsa banjir. Seramai 150 orang mangsa banjir dari Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam telah ditempatkan di PPS CIAST ini.

Pada 25 Disember 2021, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah berkenan melawat mangsa banjir di PPS CIAST Shah Alam. Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah, Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amiruddin Bin Shari dan Menteri Kewangan, Yang Berhormat (YB) Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz.



Rajah 8.15: Lawatan Yang di-Pertuan Agong ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS), CIAST yang menempatkan mangsa banjir di Shah Alam

8.17 LAWATAN RASMI KEDUTAAN JEPUN KE PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST), SHAH ALAM

Pada 23 April 2021, pihak kedutaan Jepun telah membuat lawatan rasmi ke CIAST. Lawatan tersebut telah dihadiri oleh Duta Jepun iaitu H.E Oka Hiroshi dan dua orang pegawai bersamanya iaitu En. Miyasaka Tomoyuki dan Pn. Masubuchi Kana. Penubuhan CIAST adalah hasil projek usaha sama antara kerajaan Jepun dan Malaysia dalam membangunkan tenaga pengajar untuk bidang kemahiran dan CIAST merupakan antara projek usaha sama yang paling berjaya di rantau ASEAN. Hasil lawatan tersebut, Duta Jepun ini telah menzahirkan kegembiraan atas kejayaan CIAST dalam membangunkan tenaga pengajar kemahiran di Malaysia dan beliau berharap CIAST akan terus kekal menjalankan kerjasama dengan agensi Jepun seperti *Japan International Cooperation Agency (JICA)* dalam melaksanakan program latihan kemahiran di Malaysia khususnya program yang melibatkan peserta luar negara.



Rajah 8.16: Lawatan Kedutaan Jepun ke Bengkel Automotif, CIAST


BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (KPSM)

9.1 PEMBANGUNAN ORGANISASI

|||||

9.1.1 Perjawatan

Pada tahun 2021, sebanyak 617 (94.35%) daripada 654 perjawatan bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) dan Pelaksana telah diisi. Perjawatan ini adalah merangkumi Ibu Pejabat JPK (Putrajaya & Cyberjaya), CIAST dan enam (6) Pejabat Wilayah. Rajah 9.1 menunjukkan status perjawatan di JPK mengikut lokasi dan kategori jawatan.



Rajah 9.1: Status Perjawatan Mengikut Lokasi dan Kategori Jawatan

9.1.2 Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2021, seramai 139 pegawai JPK telah mendapat kenaikan pangkat dan 64 pegawai telah diberi pemangkuhan dalam gred dan skim masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 9.2.



Rajah 9.2: Kenaikan Pangkat dan Pemangkuhan bagi Tahun 2021

9.2 SEKALUNG BUDI SEJAMBAK KASIH



TUAN HAJI SUIMI BIN ABD MAJID

Jawatan Terakhir : PLV Gred Utama C

Bahagian : Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Tarikh Persaraan : 1 Februari 2021



PUAN ZAITUN BINTI KARIM

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV48(M) KUP

Bahagian : Pentaulihan

Tarikh Persaraan : 2 Februari 2021



PUAN NORLIDA BINTI MUSA

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV52(M) KUP

Bahagian : Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan

Tarikh Persaraan : 28 Februari 2021



ENCIK GHAZALI BIN UDIN

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV54

Bahagian : Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan

Tarikh Persaraan : 1 Mac 2021

**ENCIK AHMAD BIN ABDULLAH**

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV40(M) KUP
Bahagian : Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
Tarikh Persaraan : 19 Mac 2021

**ENCIK AHMAD HANAPI BIN YUSOF**

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV52(M) KUP
Bahagian : Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
Tarikh Persaraan : 24 Mac 2021

**ENCIK NORZAID BIN NORDIN**

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV29
Bahagian : Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
Tarikh Persaraan : 24 Mei 2021

**TUAN HAJI BORHAN BIN HARMAN**

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV54(M) KUP
Bahagian : Pentaulahan
Tarikh Persaraan : 16 September 2021

**ENCIK ASSYIRAZI BIN MOHAMAD AMIN REBUAN**

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV44
Bahagian : Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
Tarikh Persaraan : 19 September 2021

**ENCIK MOHD KHALID BIN AMAN**

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV48
Bahagian : Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
Tarikh Persaraan : 6 Oktober 2021



ENCIK WAN MOHAMMED AZMI BIN MD SAMAN

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV29

Bahagian : Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan

Tarikh Persaraan : 21 Oktober 2021



DR. MOHD RASHID BIN BUYONG HAMZAH

Jawatan Terakhir : PLV Gred Utama C

Bahagian : Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Tarikh Persaraan : 31 Oktober 2021



ENCIK IBRAHIM BIN JAMALUDDIN

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV36

Bahagian : Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan

Tarikh Persaraan : 19 November 2021



PUAN NORSIAH BINTI MUHAMMAD

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV36

Bahagian : JPK Wilayah Tengah

Tarikh Persaraan : 1 Disember 2021



DR RUMINAH BINTI MUHAMMAD ZAIN

Jawatan Terakhir : PLV Gred DV54(M) KUP

Bahagian : JPK Wilayah Tengah

Tarikh Persaraan : 30 Disember 2021

9.3 PENCAPAIAN HRMIS

|||||

Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS merangkumi enam (6) KPI bagi Tahun 2021 di Jabatan Pembangunan Kemahiran seperti di Jadual 9.1.

Jadual 9.1: Senarai KPI HRMIS bagi Tahun 2021

SENARAI KPI HRMIS

| | | | |
|---|------------|---|-------------|
| 01. Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan 2021 melalui HRMIS | 15% | 31 MEI 2021 Tarikh Akhir Kemaskini | 99% |
| 02. Pemurnian Data bagi 22 Elemen Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan di HRMIS | 20% | 31 DISEMBER 2021 Tarikh Akhir Kemaskini | 100% |
| 03. Pelaksanaan Perisyntiharhan Harta Tahun 2021 melalui HRMIS | 15% | 31 DISEMBER 2021 Tarikh Akhir Kemaskini | 100% |
| 04. Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan | 10% | 31 DISEMBER 2021 Tarikh Akhir Kemaskini | 100% |
| 05. Pengemaskinian Data Perjawatan : Perbandingan Bilangan Perjawatan di antara HRMIS dan MyPost | 20% | 31 JANUARI 2022 Tarikh Akhir Kemaskini | 100% |
| 06. Pelaksanaan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan 2021 melalui HRMIS | 20% | 31 DISEMBER 2021 Tarikh Akhir Kemaskini | 100% |

▲ Wajaran Markah ▲ Peratusan Pencapaian



9.4 PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN TAHUN 2021

|||||



YBHG. DATO' TS. ZAIHAN BIN SHUKRI

Jawatan : Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
 Gred : PLV Gred Utama B
 Pingat : **Darjah Setia Pangkuhan Negeri (D.S.P.N.)**
 bersempena Hari Ulang Tahun Ke-72,
 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri
 Pulau Pinang pada 10 Julai 2021.



ENCIK AZIAN BIN HUSSAIN

Jawatan : Ketua Program, Program Perancangan & Pembangunan Latihan (PPL), CIAST
 Gred : PLV Gred DV52
 Pingat : **Pingat Kelakuan Terpuji (P.K.T.)**
 bersempena Hari Ulang Tahun Ke-72,
 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri
 Pulau Pinang pada 10 Julai 2021.

9.5 PEMBANGUNAN KOMPETENSI KAKITANGAN

|||||

Pada tahun 2021, JPK telah menganjurkan sebanyak 29 kursus untuk pembangunan kompetensi kakitangan JPK. Senarai kursus berkaitan dinyatakan dalam Jadual 9.2.

Jadual 9.2: Senarai Kursus bagi Pembangunan Kompetensi Kakitangan JPK.

| BIL. | KURSUS | TARIKH | TEMPAT |
|------|---|-----------------|--------------|
| 1. | Kursus Pengendalian Mesyuarat Dalam Talian - Menggunakan Aplikasi Zoom (Siri 1) | 13 Januari 2021 | Dalam Talian |
| 2. | Kursus Pengendalian Mesyuarat Dalam Talian - Menggunakan Aplikasi Zoom (Siri 2) | 18 Januari 2021 | Dalam Talian |

| BIL. | KURSUS | TARIKH | TEMPAT |
|------|---|-----------------------|------------------------------|
| 3. | Kursus Pengendalian Mesyuarat Dalam Talian – Menggunakan Aplikasi Zoom (Siri 3) | 17 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 4. | Kursus Pembangunan Slaid Pembentangan | 23 – 24 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 5. | Kursus Pengurusan Rekod dan Fail Kerajaan | 18 Mac 2021 | Hotel Dorsett, Putrajaya |
| 6. | Kursus Penulisan Minit Mesyuarat | 23 Mac 2021 | Hotel Everly, Putrajaya |
| 7. | Kursus Literasi Pangkalan Data MySpike/TiPS - <i>Introduction to MySQL</i> | 30 Mac – 1 April 2021 | CIAST |
| 8. | Klinik Integriti dan Pencegahan Rasuah | 5 April 2021 | Hotel Zenith, Putrajaya |
| 9. | Kursus <i>Professional Parenting Coaching</i> (Keluarga @ Kerjaya) | 13 April 2021 | Dewan Serbaguna KSM |
| 10. | Ceramah Agama Bulan Ramadhan: “Ihya Ramadhan” | 15 April 2021 | Dewan Auditorium, Kompleks D |
| 11. | Ceramah Agama Bulan Ramadhan: Indahnya Ramadhan | 22 April 2021 | Dewan Auditorium, Kompleks D |
| 12. | Kursus Pengurusan Kewangan Keluarga | 26 April 2021 | Dewan Serbaguna KSM |
| 13. | Ceramah Agama Bulan Ramadhan: Sinar Seribu Malam | 6 Mei 2021 | Dewan Auditorium, Kompleks D |
| 14. | Kursus Microsoft Word: <i>Zero to Hero</i> | 10 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 15. | Kursus Microsoft Excel: <i>Basic to Intermediate</i> | 23 – 24 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 16. | Kursus Microsoft Excel: <i>Intermediate to Advance</i> | 28 – 29 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 17. | Webinar PKP 3.0: Kesejahteraan Mental dan Daya Tahan | 15 Julai 2021 | Dalam Talian |
| 18. | Kursus Transformasi Penampilan dan Imej Professional | 22 Julai 2021 | Dalam Talian |
| 19. | Kursus Kepimpinan dan Penyeliaan Berkesan | 29 Julai 2021 | Dalam Talian |
| 20. | Kursus Pengurusan Perkhidmatan: Pengurusan Cuti | 11 Ogos 2021 | Dalam Talian |

| BIL. | KURSUS | TARIKH | TEMPAT |
|------|--|----------------------|-----------------------------------|
| 21. | Kursus Pengurusan Perkhidmatan: Urusan Kenaikan Pangkat | 18 – 19 Ogos 2021 | Dalam Talian |
| 22. | Kursus Pengurusan Perkhidmatan: Kelakuan dan Tatatertib | 26 Ogos 2021 | Dalam Talian |
| 23. | Program Terapi Mindi (Siri 1) | 1 September 2021 | Dalam Talian |
| 24. | Program Terapi Minda (Siri 2) | 20 September 2021 | Dalam Talian |
| 25. | Kursus Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan | 30 September 2021 | Dalam Talian |
| 26. | Kursus Undang-undang Keluarga Islam | 21 Oktober 2021 | Hotel Everly, Putrajaya |
| 27. | Kursus Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) | 22 – 24 Oktober 2021 | Hotel Premiera, Kuala Lumpur |
| 28. | Kursus Protokol, Etiket dan Sosial | 2 November 2021 | Hibrid (Bersemuka & Dalam Talian) |
| 29. | Taklimat Pengenalan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) | 17 November 2021 | Dalam Talian |



Rajah 9.3: Kursus Penulisan Minit Mesyuarat di Putrajaya pada 23 Mac 2021



Rajah 9.4: Klinik Integriti dan Pencegahan Rasuah di Putrajaya pada 5 April 2021



Rajah 9.5: Kursus *Microsoft Excel - Intermediate to Advance* Secara Dalam Talian pada 28-29 Jun 2021



Rajah 9.6: Kursus Kepimpinan dan Penyeliaan Berkesan Secara Dalam Talian pada 29 Julai 2021

9.6 KESELAMATAN

9.6.1 Kehadiran Ke Pejabat Semasa Tempoh Pelan Pemulihan Negara

Pandemik *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19) masih melanda negara pada tahun 2021. Bagi mengawal penularan penyakit ini, Kerajaan telah menguatkuasakan beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN). Antaranya adalah mengawal jumlah kehadiran kakitangan kerajaan dan swasta ke pejabat. Sejajar dengan arahan tersebut, JPK telah memantau peratus kehadiran kakitangan ke pejabat melalui jadual penggiliran pegawai untuk hadir ke pejabat dengan mematuhi peratus kehadiran yang dibenarkan oleh MKN seperti di Jadual 9.3. Manakala, bagi melancarkan pengoperasian JPK, JPK telah membudayakan pelaksanaan kerja secara hibrid iaitu secara keberadaan kakitangan di pejabat dan juga secara bekerja dari rumah (BDR).

Jadual 9.3: Peratusan Kehadiran Kakitangan Kerajaan Ke Pejabat Mengikut Peralihan Fasa

| BIL. | AKTIVITI | KEHADIRAN KE PEJABAT |
|------|------------|----------------------|
| 1. | PKP | Sekiranya Perlu |
| 2. | PKPP | 30% |
| 3. | PPN Fasa 1 | 40% |
| 4. | PPN Fasa 2 | 60% |
| 5. | PPN Fasa 3 | 80% |
| 6. | PPN Fasa 4 | 100% |

Bagi mengawal keberadaan pelanggan JPK dan pembekal ke pejabat JPK, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Jabatan Pembangunan Kemahiran telah mewujudkan satu Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk dipatuhi oleh pelanggan dan pembekal yang mana mereka diwajibkan untuk mengisyiharkan keadaan semasa dan risiko diri masing-masing sebelum masuk ke pejabat JPK.

9.6.2 **Kursus Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)**

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Jabatan Pembangunan Kemahiran dengan kerjasama Unit Latihan, JPK telah melaksanakan Kursus Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) pada 22 hingga 24 Oktober 2021 bertempat di Kuala Lumpur. Penceramah jemputan, Puan Jalidah binti Ismail dari Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menyampaikan taklimat berkaitan tatacara pembangunan HIRARC. Bagi memastikan pemahaman peserta dalam pembangunan HIRARC ini diperolehi, latihan dalam kumpulan serta pembentangan turut dilaksanakan. Hasil daripada kursus ini, enam (6) draf awal HIRARC bagi proses kerja di JPK telah dihasilkan.



Rajah 9.7: Kursus Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) di hotel sekitar Kuala Lumpur pada 22-24 Oktober 2021

9.7 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN PUTRAJAYA (KESKEPK)

|||||

Penubuhan Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Pembangunan Kemahiran (KESKEPK) di bawah JPK adalah bertujuan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti seperti sukan, kebajikan, sosial, rekreasi, pendidikan dan aktiviti-aktiviti lain bagi ahli-ahli untuk memupuk semangat kekitaan, kerjasama dan sayangkan organisasi di kalangan anggota-anggota Jabatan. Senarai aktiviti KESKEPK yang telah dilaksanakan bagi Tahun 2021 seperti berikut:

9.7.1 Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kali Pertama KESKEPK

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kali Pertama KESKEPK telah diadakan pada 30 April 2021 di Dewan Serbaguna KSM. Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk membuat pemilihan pegawai bagi menggalanggotai Jawatankuasa Kerja Kelab Sesi 2021–2023. Seramai 21 orang Ahli Jawatankuasa Kerja KESKEPK yang baharu telah dilantik bagi menguruskan perjalanan aktiviti dan program KESKEPK bagi tempoh dua (2) tahun.



Rajah 9.8:
Jawatankuasa
Kerja KESKEPK
Sesi 2021 – 2023

9.7.2 Gerobok Rezeki ‘Ambil Sekadar Perlu, Beri Sekadar Mampu’

Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melanda Malaysia menyebabkan ramai warga Malaysia termasuklah warga JPK yang terkesan dari segi pendapatan keluarga. KESKEPK telah mengambil tanggungjawab dan cakna terhadap masalah tersebut dengan mewujudkan satu ruang yang dinamakan Gerobok Rezeki dengan bertemakan “Ambil Sekadar Perlu, Beri Sekadar Mampu” bagi membantu warga JPK yang terkesan.



Rajah 9.9: Pengerusi KESKEPK bersama dengan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di Gerobok Rezeki Ibu Pejabat JPK, Putrajaya

9.7.3 Pertandingan Mencipta Logo KESKEPK

Sejak ditubuhkan dan berdaftar secara rasmi dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada 30 Mac 2019, KESKEPK masih belum mempunyai logo kelab. Sehubungan itu, Jawatankuasa Kerja KESKEPK Sesi 2021 – 2023 telah menganjurkan Pertandingan Mencipta Logo KESKEPK. Logo ciptaan Cik Nurul Afifah binti Mohd Nasri dari Bahagian Pentaulahan (BPT) telah dipilih untuk dijadikan sebagai logo rasmi KESKEPK seperti Rajah 9.8 di bawah dan maksud logo adalah seperti yang diterangkan di Jadual 9.3.



Rajah 9.10: Logo rasmi KESKEPK

Jadual 9.3: Maksud Warna dan Simbol pada Logo KESKEPK

Simbol seakan menunduk yang memberi perlindungan. Simbol ini juga mempunyai empat warna.

- ⦿ Hijau bermaksud keharmonian dimana ahli KESKEPK akan sentiasa saling menghormati dan sentiasa memberi bantuan pada yang ahli yang memerlukan.
- ⦿ Kuning bermaksud kesetiaan yang tidak akan meninggalkan antara satu sama lain.
- ⦿ Merah bermaksud berani dan bersemangat dalam berpasukan
- ⦿ Biru bermaksud semangat perpaduan dalam sesebuah pasukan dan saling menghormati tidak kira pangkat atau usia.

Simbol orang yang berlari bermaksud ahli KESKEPK yang sentiasa aktif di dalam bersukan dan sentiasa pantas dalam hal-hal kebaikan

- ⦿ Warna biru untuk simbol orang ini menunjukkan ahli KESKEPK ini terdiri dari warga Jabatan Pembangunan Kemahiran

Perkataan KESKEPK berada di tengah-tengah badan orang bermaksud semua warga JPK sentiasa sematkan semangat KESKEPK di dalam hati masing-masing

- ⦿ Warna biru selaras dengan warna tema Jabatan Pembangunan Kemahiran

9.7.4 KESKEPK Virtual Fitness Challenge (KFC 2021)

Sempena sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2021, KESKEPK telah menganjurkan KESKEPK Virtual Fitness Challenge 2021 yang melibatkan semua warga JPK dan CIAST. Aktiviti sukan dan riadah ini adalah berkonseptan secara *virtual* dan telah mendapat penyertaan yang menggalakkan daripada warga JPK dan CIAST. Ini membuktikan bahawa penjagaan kesihatan tetap menjadi keutamaan kepada warga JPK dan CIAST walaupun negara dilanda wabak Covid-19. Semua peserta yang berjaya memenuhi syarat *Fitness Challenge* yang ditetapkan telah mendapat sijil penyertaan bagi menghargai warga JPK yang memberi sokongan terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KESKEPK. Hadiah wang tunai juga turut diberikan kepada tiga (3) orang pemenang dalam aktiviti ini.



Rajah 9.11: Peserta KESKEPK Virtual Fitness Challenge (KFC 2021)
dengan aktiviti masing-masing

WILAYAH TENGAH



10.1 INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH TENGAH

10.1.1 Unit Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Unit SLDN, JPK Wilayah Tengah telah menganjurkan Persidangan Pusat Bertauliah SLDN (PPBS) 2021 pada 18 Ogos 2021 secara atas talian. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr Mohd Rashid bin Buyong Hamzah. Seramai 205 peserta di kalangan personal PB SLDN meliputi Perak, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya telah menyertai persidangan ini.

Objektif perlaksanaan PPBS ini adalah untuk memberi pendedahan tentang kaedah terkini penyampaian latihan teori dan praktikal secara atas talian bagi merapatkan jurang pengetahuan dan kemahiran di kalangan personel SLDN. Seramai lapan (8) penceramah dari pelbagai agensi awam dan swasta telah dijemput bagi menjayakan persidangan ini. Penceramah-penceramah tersebut adalah

YBrs Dr. Fairus Atida bt Said (BPK, JPK), Pn. Norzie Mazzuana bt Md Arof (CIAST, JPK), En. A Rahmad b Ngah (BKT, JTM), Pn Ida Shahiza bt Saharom (IKBN Kuala Langat), Pn. Atika Nor bt Mahamad Razali (Les' Copaque Academy), Pn. Juliana Ngok Qui Ling (My Beauty Academy), Pn. Rahmah bt Marlan (Koleksi Nikmat) dan Pn Suhaida bt Che Samsudin (Darul Quran).

Penganjuran Persidangan ini telah mencapai objektif dalam memberikan impak terhadap pelaksanaan latihan kemahiran secara teori dan amali melalui kaedah online dalam situasi pandemik Covid-19. Ianya juga menjadi platform dalam mempertingkatkan imej JPK dalam memastikan PB SLDN melaksanakan latihan kemahiran menggunakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Digital (PdPD).




Rajah 10.1:
Persidangan Pusat
Bertaualih SLDN
(PPBS) 2021 secara
dalam talian telah
diadakan pada 18
Ogos 2021

10.2 AKTIVITI PROMOSI WILAYAH TENGAH

|||||

10.2.1 Taklimat PP-PPT Bulanan

Taklimat PP-PPT yang dianjurkan oleh Unit Promosi JPK Wilayah Tengah telah diadakan pada setiap hari Selasa minggu pertama setiap bulan. Seramai 265 orang peserta telah menyertai taklimat ini sehingga bulan September 2021 dan dijalankan secara dalam talian. Taklimat ini bertujuan untuk memberikan panduan serta maklumat kepada para peserta yang ingin mendapatkan SKM/DKM/DLKM melalui PPT yang terdiri personel-personel Pusat Bertauliah, pihak industri serta orang awam.



Rajah 10.2: Taklimat-taklimat PP-PPT yang dijalankan secara dalam talian

10.2.2 Khidmat Runding Bagi Program SLDN

JPK Wilayah Tengah juga terlibat dalam memberikan Khidmat Runding kepada pihak industri dalam usaha untuk mempromosikan program SLDN syarikat di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Perak secara dalam talian. Di antara syarikat yang terlibat adalah TN Engineering, The Bakers Hut, CIDB Tech Sdn Bhd, RM Dagang, Taska Intelek, INPENS, Gourmet Sdn Bhd, PWTC, Hotel Seri Pacific dan Carsem Sdn Bhd.

10.2.3 Seminar Guru Kaunseling

Program Seminar bersama Guru Kaunseling merupakan aktiviti yang telah dirancang oleh Jabatan dalam mempromosikan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Program ini dianjurkan bersama empat (4) pejabat wilayah iaitu JPK Tengah, JPK Timur, JPK Utara dan JPK Sabah & WP Labuan dilaksanakan secara dalam talian pada 24 Mac 2021.

Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran pelajar mengenai latihan kemahiran melalui guru kaunseling sekolah. Kehadiran dan penyertaan guru kaunseling adalah sangat memberangsangkan iaitu seramai 201 orang guru berbanding sasaran asal itu seramai 150 orang guru.

Jabatan sangat bertuah dan berbesar hati dengan kesudian beberapa agensi yang turut terlibat menjayakan seminar ini iaitu daripada Kementerian Belia Dan Sukan (KBS), Bermaz Auto Berhad dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Agensi-agensi ini merupakan Pusat Bertauliah (PB) JPK dan sentiasa aktif dalam menyokong aktiviti Jabatan terutama melibatkan latihan kemahiran.

Beberapa perkongsian maklumat telah disampaikan oleh para penceramah jemputan iaitu taklimat berkaitan SPKM yang disampaikan oleh Ts. Wan Sulaiman Bin Md Daud (JPK Wilayah Tengah), Taklimat Pelaksanaan Latihan Kemahiran

Berasaskan Industri di KBS disampaikan oleh En. Saifoul Bahari Bin Saad (KBS), Taklimat Pelaksanaan *Industry Lead Training* di Bermaz Auto Berhad disampaikan oleh En. Shamsuddin Bin Hj. Amran (Bermaz Auto Berhad) dan Taklimat Pelaksanaan SLDN Dari Perspektif YPK oleh En. Mohd Ali @ Mohd Fauzy Bin Abd Ghani (Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu).



Rajah 10.3: Seminar JPK Bersama Guru Kaunseling dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ts Haji Zaihan Bin Shukri, Ketua Pengarah JPK

10.3 AKTIVITI SOSIAL / REKREASI / KHIDMAT MASYARAKAT



Program CSR EKSA JPK Wilayah Tengah

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) EKSA juga turut dilakukan oleh JPK Wilayah Tengah melalui projek pengumpulan pakaian baharu dan terpakai dan telah diadakan bermula pada bulan Oktober 2020. Perancangan awal sumbangan pakaian terpakai dan baharu ini akan dilaksanakan pada 13 November 2020, namun disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan akibat pandemik Covid-19, maka penyampaian pakaian baru dan terpakai ini telah ditangguhkan. Oleh itu, pada 10 Mei 2021, program CSR ini telah berjaya dilaksanakan dan disampaikan kepada Rumah Kebajikan Baitul Barokah, Sepang yang diwakili oleh Pn. Norlida, manakala JPK Wilayah Tengah telah diwakili oleh Ts. Mohd Bakhtiar bin Sobri dan En. Muhamad Nur bin Abu Bakar.



Rajah 10.4: Penyerahan sumbangan pakaian baru dan terpakai kepada Rumah Kebajikan Baitul Barokah, Sepang.

WILAYAH TIMUR

11.1 INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH TIMUR



Aktiviti SLaPB, SLDN dan PPT


JPK Timur mengambil inisiatif melakukan sesi penerangan berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui kaedah SLaPB, SLDN dan PPT secara dalam talian. Ianya dilakukan agar hubungan JPK Wilayah Timur dengan agensi awam dan swasta tidak terputus disebabkan kekangan pandemik Covid-19 yang masih melanda negara. Aktiviti yang dilakukan sepanjang tahun 2021 dinyatakan dalam Jadual 11.1.

Jadual 11.1: Aktiviti Taklimat Sepanjang Tahun 2021

| BIL | AGENSI | BIDANG | TARIKH | TAKLIMAT BERKAITAN |
|-----|--|---|------------------|--------------------|
| 1. | Terengganu Equestrian Resort | Horse Care | 1 Januari 2021 | SLDN |
| 2. | Persatuan SPA negeri Kelantan | Rambut | 12 Januari 2021 | PPT |
| 3. | Institut Seni Silat Gayong Kelantan | Seni Mempertahankan Diri | 10 Februari 2021 | SLaPB/PPT |
| 4. | HRDF | Pelbagai | 15 Februari 2021 | PPT |
| 5. | BOMBA Wakaf Tapai | <i>Maintenance & Scuba Dive Operation</i> | 22 Februari 2021 | PPT |
| 6. | Persatuan Air Pahang | <i>Water Distribution Operation</i> | 23 Februari 2021 | PPT |
| 7. | Fakulti Perikanan dan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) | Makanan | 5 April 2021 | SLDN/PPT |
| 8. | Halal Development Corporation | <i>Halal Operation Supervisor</i> | 5 April 2021 | SLDN |
| 9. | Universiti Teknologi MARA Kelantan | ICT | 25 April 2021 | SLDN |
| 10. | Koperasi Pembangunan Ummah Kelantan (Ko-Ummah) | Peruncitan | 3 Jun 2021 | SLDN |

| BIL | AGENSI | BIDANG | TARIKH | TAKLIMAT BERKAITAN |
|-----|----------------------|-------------------|-------------|--------------------|
| 11. | Maahad Tahfiz Pahang | Pengurusan Masjid | 11 Jun 2021 | SLDN |
| 12. | TATIUC | Pemesinan | 24 Jun 2021 | SLDN |

Melalui perkongsian maklumat berkaitan ini, terdapat agensi yang berminat untuk mempersijilkan pekerja mereka dan sebahagiannya pula berusaha untuk ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliahan JPK.



Rajah 11.1: Taklimat SPKM secara dalam talian Wilayah Timur

11.2 AKTIVITI PROMOSI WILAYAH TIMUR

11.2.1 Lawatan ke Politeknik Hulu Terengganu, Terengganu

JPK Wilayah Timur telah mengadakan lawatan ke Politeknik Hulu Terengganu, Terengganu pada 25 Mac 2021. Lawatan ini telah diketuai oleh Ts. Mad Zufri Bin Ismail bersama Tc. Fauzian Binti Mohd Zainal Abidin dan En. Mohd Hamdan Bin Jaafar. Tujuan lawatan adalah untuk memberi penerangan berkaitan persijilan yang ditawarkan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) bagi menarik minat pihak pengurusan politeknik untuk ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliahan (PB)

JPK sama ada sebagai PB SLaPB, PB PPT atau PB SLDN.

Dalam lawatan ini juga, pihak politeknik telah memberi taklimat berkaitan kursus-kursus yang sedang dijalankan iaitu bidang hospitaliti dan pelancongan. Selepas sesi taklimat, pihak politeknik juga telah membawa ahli rombongan melawat pusat pembelajaran dan juga kemudahan yang terdapat di politeknik tersebut.

Pihak politeknik akan membuat tindakan susulan bagi membolehkan Politeknik Hulu Terengganu ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah JPK. Berdasarkan kemudahan sedia ada seperti bilik kuliah dan peralatan yang terdapat di politeknik ini, ianya adalah sesuai untuk ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah bagi melaksanakan program di bidang hospitaliti dan pelancongan.



Rajah 11.2: Lawatan ke Politeknik Hulu Terengganu pada 25 Mac 2021

11.2.2 Majlis Penyampaian Sijil Akuan Pentauliahan SLDN

Majlis penyampaian Sijil Akuan Pentauliahan SLDN kepada Kolej Ketengah dan dua (2) syarikat di bawahnya iaitu Ketengah Pewira Sdn Bhd dan Ketengah Jaya Sdn Bhd sebagai Pusat Bertauliah SLDN telah disempurnakan oleh YB. Senator Datuk Razali Idris yang juga merupakan Pengurus Ketengah. Majlis ini telah diadakan pada 31 Mac 2021 di *Student Centre Hall* Kolej Ketengah sempena Majlis Penutup Minggu Orientasi Kolej Ketengah. Kolej Ketengah, Ketengah Pewira Sdn Bhd dan Ketengah Jaya Sdn Bhd merupakan agensi di bawah Ketengah.



Rajah 11.3: Majlis Penyampaian Sijil Akuan Pentauliahan SLDN

Kolej Ketengah telah ditauliahkan sebagai Pusat Latihan SLDN, manakala Ketengah Pewira Sdn Bhd dan Ketengah Jaya Sdn Bhd pula sebagai Syarikat SLDN. Agensi ini telah ditauliah sebagai Pusat Bertauliah SLDN bermula pada tahun 2021 untuk menjalankan program *Oil Palm Plantation Operation*. Seramai 50 perantis telah mengikuti program ini. Pengarah

JKP Wilayah Timur, Pn W. Fadzilah Binti W. Dagang telah dijemput untuk menyampaikan sijil akuan petaulahan sebagai Pusat Bertaualah SLDN dan Syarikat SLDN kepada Kolej Ketengah, Ketengah Pewira Sdn Bhd dan Ketengah Jaya Sdn Bhd.

11.3 AKTIVITI SOSIAL & REKREASI WILAYAH TIMUR



JKP Wilayah Timur telah dijemput untuk perkongsian pengalaman rumah bot (*house boat*) di Tasik Kenyir yang diusahakan oleh anak negeri Terengganu. Program bersama pengusaha rumah bot (*House Boat*) di Tasik Kenyir ini telah diadakan pada 7 - 8 April 2021. Pelbagai perkara telah dikongsikan oleh JPK Wilayah Timur kepada pengusaha rumah bot iaitu berkaitan dengan persijilan dalam bidang hospitaliti dan pelancongan dan juga promosi berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).



Rajah 11.4: Program bersama Pengusaha Rumah Bot di Tasik Kenyir

Pegawai JPK juga telah didedahkan oleh pengusaha rumah bot kaedah untuk memperolehi pendapatan melalui aktiviti pelancongan yang merupakan salah satu sektor yang berjaya di negeri Terengganu. Antara tempat semulajadi yang di bawa oleh pengusaha rumah bot di sepanjang program ini adalah Santuari Kelah, Taman Herba, Air terjun Lasir dan sebagainya. Program ini secara langsung dapat mengeratkan hubungan di antara warga kerja JPK dengan pihak pelancongan di Tasik Kenyir.



WILAYAH SELATAN

12.1 INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH SELATAN

|||||

12.1.1 Unit SLDN

Bengkel Bimbingan Pendaftaran, Pelaksanaan Latihan dan Penilaian SLDN Menggunakan Sistem e-SLDN & Sistem MySPIKE 2021

JPK Wilayah Selatan telah menganjurkan Bengkel Bimbingan Pendaftaran, Pelaksanaan Latihan dan Penilaian SLDN menggunakan sistem e-SLDN dan *MySpike*. Bengkel ini telah diadakan secara dalam talian pada 11 Ogos 2021. Ianya telah disertai oleh 94 orang peserta daripada Pusat Latihan SLDN dan Syarikat SLDN yang bekerjasama melaksanakan SLDN pada tahun 2021. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada personel Pusat Bertauliah (PB) SLDN mengenai penggunaan sistem *MySpike* bagi pendaftaran perantis dan sistem e-SLDN dalam pelaksanaan latihan dan penilaian SLDN.



Rajah 12.1: Bengkel Bimbingan Pendaftaran, Pelaksanaan Latihan dan Penilaian SLDN

Lawatan Bimbingan Dan Pemantauan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Plus

Lawatan Bimbingan dan Pemantauan SLDN Plus dilakukan terhadap pusat latihan yang telah menerima tawaran untuk menjalankan Program SLDN PLUS pada tahun 2021. Lawatan ini bertujuan untuk mengesahkan pendaftaran perantis SLDN Plus dan juga menerangkan kepada perantis mengenai pelaksanaan program SLDN Plus.

SLDN Plus merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak pembabitan industri melaksanakan program berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sebanyak 40 buah Pusat Latihan SLDN di Wilayah Selatan telah menyertai Program SLDN Plus yang mana ianya terdiri daripada 14 Pusat

Latihan kerajaan dan 26 Pusat Latihan swasta. Seramai 939 orang perantis telah menyertai program SLDN Plus dalam pelbagai bidang bagi tempoh April sehingga November 2021.

Semasa lawatan diadakan, semua personel yang terlibat dengan pelaksanaan SLDN Plus diwajibkan hadir. Mereka adalah terdiri daripada Pengurus Pusat Bertauliahan, Penyelaras, Pengajar, Coach dan Perantis. Sebanyak 61 kali Lawatan Bimbingan dan Pemantauan SLDN Plus telah diadakan pada tahun ini sama ada secara bersemuka dan juga dalam talian.



Rajah 12.2: Lawatan Bimbingan dan Pernantauan SLDN Plus

Khidmat Nasihat Pentauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Khidmat Nasihat Pentauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) merupakan kesinambungan daripada Taklimat Persijilan Kemahiran Malaysia yang telah dijalankan. Ia bertujuan untuk membimbing pusat latihan dan syarikat untuk memohon sebagai Pusat Bertauliahan SLDN dan telah dijalankan secara bersemuka dan juga dalam talian.

Semasa taklimat tersebut, peserta telah diterangkan mengenai tujuan, syarat serta kriteria pentauliahan dan kaedah pelaksanaan SLDN. Di samping itu juga, para pegawai menerangkan cara memohon pentauliahan melalui sistem eSLDN.

Sebanyak 12 buah pusat latihan dan syarikat telah menyertai taklimat ini iaitu Handal Indah Sdn Bhd, Micron Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd, Ciba Vision Johor Sdn Bhd, Maizhar Mega Group Sdn Bhd, Persatuan Tadika Johor, Tai Vintage Sdn Bhd, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Aviation Reliance Academy, Negeri Sembilan Industrial Liaison Council (NSILC), Myeden Group Sdn Bhd, Multibyte Education dan Medivest Group. Di kalangan agensi ini, ada yang telah berjaya ditauliahkan sebagai PB SLDN dan ada juga yang masih dalam proses untuk mendapatkan pentauliahan SLDN.



Rajah 12.3: Khidmat Nasihat Pentaulahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

12.1.2 Unit PPT

Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Untuk Pekerja Yang Terkesan Akibat Pasca Covid-19

JPK Wilayah Selatan dengan kerjasama Unit Strategik Modal Insan Negeri Johor telah melaksanakan Program Persijilan Tenaga Mahir bagi kali kedua untuk pekerja yang terkesan akibat Covid-19 melalui kaedah PPT. Program ini ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Johor dan terbuka kepada pekerja sedia ada dan juga pekerja yang telah diberhentikan akibat Covid-19 di negeri Johor.

Sebanyak 17 siri taklimat telah diadakan pada tahun ini dan ianya telah disertai oleh 368 orang peserta. Daripada jumlah tersebut, seramai 276 orang peserta telah berjaya membuat permohonan untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) melalui kaedah PPT.

Berdasarkan jumlah permohonan yang telah diterima, didapati permohonan tertinggi adalah daripada sektor Pendidikan & Perkhidmatan Latihan, iaitu tadika dan taska. Sektor yang kedua tertinggi adalah Elektrik & Elektronik, Telekomunikasi & Industri Penyiaran. Permohonan yang ketiga tertinggi adalah daripada sektor Pengangkutan serta beberapa sektor yang lain yang terdapat di dalam NOSS. JPK Wilayah Selatan berharap agar pekerja-pekerja di sektor lain juga turut menyertai program ini yang ditaja oleh kerajaan negeri Johor di masa hadapan untuk menjamin peningkatan pekerja mahir di Malaysia.





Rajah 12.4: Taklimat PPT Wilayah Selatan

12.2 AKTIVITI PROMOSI WILAYAH SELATAN

|||||

JPK Wilayah Selatan telah mengadakan taklimat yang bertujuan untuk mempromosikan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) kepada agensi kerajaan, syarikat swasta, pertubuhan dan juga NGO. Taklimat ini diadakan berdasarkan permintaan dan juga jemputan daripada pihak luar yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai SPKM. Peserta yang menghadiri taklimat ini didedahkan tentang kaedah persijilan di bawah SPKM iaitu melalui kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan juga Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

Sebanyak 20 siri taklimat SPKM telah diadakan secara bersemuka dan juga dalam talian. Hasil daripada taklimat ini, agensi dan syarikat yang terlibat akan membuat pilihan bentuk kaedah persijilan yang bersesuaian untuk dilaksanakan di premis mereka. Susulan daripada taklimat ini juga, JPK Wilayah Selatan akan mengadakan taklimat Pengiktiran

Pencapaian Terdahulu (PPT) dan juga khidmat nasihat pentaulahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) kepada agensi dan syarikat yang terlibat.



Rajah 12.5: Taklimat Persijilan Kemahiran Malaysia



WILAYAH UTARA

13.1 INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH UTARA


|||||

Seminar *Recognition of Prior Experiential Learning (RPEL) 2021* bersama Majikan dan Penyedia Latihan dengan kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Utara bersama Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) Cawangan Pulau Pinang atau sekarang lebih dikenali sebagai Human Resource Development Corporation (HRD Corp) telah berlangsung pada 14 Julai 2021 secara dalam talian. Panel yang terlibat ialah wakil dari HRD Corp dan juga En. Mohd Azhar bin Mohd Azmi, Penolong Kanan Pengarah, JPK Wilayah Utara. Seminar ini telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 102 peserta iaitu 42 orang wakil majikan, dan 60 orang wakil pusat berauliah.

RPEL 2021 adalah skim di bawah peruntukan RMKe-12 yang dirangka untuk membantu tenaga mahir tempatan yang memiliki tahap pendidikan rendah dan pertengahan untuk diiktiraf dalam bidang kemahiran tertentu berdasarkan standard

yang ditentukan oleh JPK atau sijil yang setara. Antara objektif utama seminar ini adalah bagi memberi penerangan mengenai skim RPEL 2021, memberi penerangan mengenai platform JPK yang bersesuaian bagi melaksanakan RPEL 2021 iaitu melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) beserta penerangan kaedah dan syarat-syarat permohonan.

Semoga dengan adanya program seperti ini, misi JPK dalam membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan dan berdaya saing dapat dicapai. RPEL 2021 ini juga diharapkan akan berjaya memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan sepertimana yang digariskan di dalam standard berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki dan seterusnya membantu pembangunan kerjaya individu atau pekerja terbabit.



Rajah 13.1: Seminar *Recognition of Prior Experiential Learning (RPEL) 2021* bersama Majikan dan Penyedia Latihan yang disampaikan oleh En. Mohd Azhar bin Mohd Azmi secara dalam talian pada 14 Julai 2021

13.2 AKTIVITI PROMOSI WILAYAH UTARA

|||||

Aktiviti-aktiviti promosi sentiasa dilakukan agar bidang kemahiran sentiasa relevan, walaupun di dalam kekangan Covid-19. Aktiviti-aktiviti ini adalah bagi mempromosikan program di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dan juga dalam masa yang sama mencari peluang untuk menjalin kerjasama dengan industri dan juga organisasi di Wilayah Utara. Visi jabatan sebagai peneraju dalam pembangunan sumber manusia mahir bertaraf dunia sentiasa ditekankan. Begitu juga dengan misi jabatan dalam membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan dan berdaya saing. Jadual 13.1 menyenaraikan sebahagian aktiviti-aktiviti promosi yang dilakukan di Wilayah Utara bagi tahun 2021 sama ada secara bersemuka ataupun secara atas talian.

Jadual 13.1 Senarai Aktiviti Promosi Wilayah Utara 2021

| BIL | AKTIVITI / PROGRAM | TARIKH | ORGANISASI / INDUSTRI |
|-----|---|-------------------|---|
| 1 | Taklimat SPKM Bersama Guru-guru | 12 Januari 2021 | SMK Alor merah, Alor Setar, Kedah |
| 2 | Taklimat SPKM Bersama Vinca Solution | 5 Februari 2021 | Vinca Solution Sdn Bhd |
| 3 | Program <i>Meet and Greet HRDF</i> - Taklimat PB, PPT dan SLDN (SPKM) | 23 Mac 2021 | Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) |
| 4 | Taklimat SPKM Bersama Micron dan JMTI | 29 Mac 2021 | Micron Memory (M) Sdn Bhd Institut Teknikal Jepun-Malaysia |
| 5 | Taklimat SPKM Bersama FMM | 29 Mac 2021 | Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) |
| 6 | Program Kerjasama Pintar & Kolaborasi Sektor Pendidikan Khas JPN Kedah | 15 April 2021 | Jabatan Pendidikan Negeri Kedah |
| 7 | Taklimat Promosi Bersama FMM | 29 Jun 2021 | Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) |
| 8 | Program <i>Prepare for Your Future Career</i> | 30 September 2021 | Kolej Vokasional Nibong Tebal |
| 9 | Taklimat Program Bertauliah JPK & Syarahan Profesor Adjung Pusat Perniagaan Islam (IBS) UUM | 12 Oktober 2021 | Universiti Utara Malaysia |



Rajah 13.2: Aktiviti-aktiviti Promosi Wilayah Utara Tahun 2021

13.3 AKTIVITI SOSIAL DAN REKREASI WILAYAH UTARA

Pada 3 Disember 2021, satu program Kembara Pengukuhan Kumpulan ke Bukit Suling, Bukit Mertajam telah dijalankan oleh JPK Wilayah Utara dengan diselaraskan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan JPK Wilayah Utara. Aktiviti ini telah disertai oleh 15 kakitangan JPK Wilayah Utara. Jarak keseluruhan program kembara adalah menghampiri 4km. Aktiviti sebegini telah sedikit sebanyak meningkatkan tahap kecergasan fizikal serta kesejahteraan minda kakitangan. Ia juga dapat mengeratkan hubungan kerjasama sesama kakitangan.



Rajah 13.3: Program Kembara Pengukuhan Kumpulan ke Bukit Suling pada 3 Disember 2021



WILAYAH SABAH & LABUAN

14.1 INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH SABAH & LABUAN

|||||

14.1.1 Unit Pentauliahan SLAPB

Unit Pentauliahan SLaPB, JPK Wilayah Sabah & Labuan berperanan menguruskan aktiviti berkaitan pentauliahan Pusat Bertauliahan (PB) SLaPB. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 71 permohonan telah diterima yang melibatkan permohonan sebagai Pusat Bertauliahan Baharu, Pembaharuan Program, Penambahan Program, Penambahan Kapasiti, Pindah Premis dan Pentauliahan Program Modular.

Memandangkan situasi pandemik yang masih melanda negara, Lawatan Panel Penilaian Pentauliahan Program Kemahiran (PPPK) dilakukan sama ada secara bersemuka atau secara dalam talian oleh pegawai JPK bersama dengan panel PPPPK yang dilantik.



Rajah 14.1: Lawatan Panel Penilaian Pentauliahan Program Kemahiran (PPPK) di Pusat Kemahiran Borneo pada 12 Mac 2021.



Rajah 14.2: Lawatan Panel Penilaian Pentauliahan Program Kemahiran (PPPK) di Institut Latihan Teknik & Perdagangan pada 16 Julai 2021 secara dalam talian.

14.1.2 Unit Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Unit SkillsMalaysia, JPK Wilayah Sabah & Labuan berperanan untuk memberi taklimat berkaitan dengan pelaksanaan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Sesi taklimat merangkumi penggunaan e-SLDN, Lawatan Pemantauan & Bimbingan dan urusan pembayaran insentif.



Rajah 14.3: Taklimat SLDN secara dalam talian pada 7 Oktober 2021

Pada tahun 2021, sejumlah 61 PB SLDN telah melaksanakan program SLDN yang melibatkan 1,372 perantis. Dalam situasi pandemik yang masih melanda negara ini, lawatan pemantauan, bimbingan dan sesi penerangan berkaitan dengan pelaksanaan SLDN dilakukan secara dalam talian.



Rajah 14.4: Lawatan Pemantauan di Akademi Jahitan Kota Kinabalu secara dalam talian pada 8 Jun 2021.

14.1.3 Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) merupakan salah satu kaedah di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Persijilan SKM/DKM/DLKМ akan diberikan kepada individu yang dapat membuktikan keterampilan yang dimiliki berdasarkan NOSS berkaitan. Pada tahun ini, JPK telah mengadakan sesi taklimat berkaitan PPT secara dalam talian kepada individu yang berminat dan sejumlah 178 orang telah menyertainya.



Rajah 14.5: Taklimat PPT secara dalam talian pada 6 April 2021

14.2 AKTIVITI PROMOSI WILAYAH SABAH & LABUAN

14.2.1 Kunjungan Hormat

Pada tahun 2021, JPK Wilayah Sabah & Labuan telah menerima dua (2) kunjungan hormat, daripada Persatuan Pusat Latihan Kemahiran SLDN Sabah & WP Labuan (PLKS SLDN) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Link. Tujuan kunjungan hormat adalah untuk membincangkan halaju latihan kemahiran dan usaha untuk meningkatkan kualiti dan penyertaan pelatih menyertai latihan kemahiran. Kunjungan hormat oleh PLKS SLDN diketuai oleh presidennya iaitu En. Nelson Mosinoh.



Rajah 14.6: Gambar kenangan kunjungan Persatuan PLKS SLDN Sabah & WP Labuan pada 7 April 2021

14.2.1 Lawatan Ke Industri

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Sabah telah mengadakan beberapa lawatan ke industri dan institusi latihan bagi mempromosikan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Antara industri dan institusi latihan yang dilawati adalah Syarikat 3,000 Auto Service Sdn Bhd, Perodua Sales Sdn Bhd (Cawangan Keningau), KKIP Aerospace Training Centre dan Sazarice Sdn Bhd. Secara keseluruhannya, pihak JPK telah menerima maklumbalas yang positif daripada pihak industri dan institusi latihan yang terlibat.



Rajah 14.7:
Lawatan ke 3,000 Auto Service Sdn Bhd
pada 6 September 2021



Rajah 14.8:
Lawatan ke Perodua Sales Sdn Bhd (Cawangan Keningau)
pada 7 September 2021

14.3 AKTIVITI SOSIAL & REKREASI WILAYAH SABAH & LABUAN

14.3.1 Majlis Perpisahan Pegawai

Pada 9 April 2021, JPK Wilayah Sabah & Labuan telah mengadakan Majlis Perpisahan Pegawai di Unit SLDN iaitu Pn. Zalina Binti Zainudin (DV44) yang akan berpindah ke Ibu Pejabat JPK di Cyberjaya. Beliau telah berkhidmat di JPK Wilayah Sabah & Labuan bermula tahun 2007 hingga April 2021. Pihak pengurusan mengucapkan jutaan terima kasih di atas sumbangan beliau di Unit SLDN khususnya dan moga terus maju jaya.



Rajah 14.9: Majlis Perpisahan
Pn Zalina Binti Zainuddin, Pegawai Latihan
Vokasional (DV 44) yang diadakan pada 9 April 2021.

14.3.2 Majlis Sambutan Aidilfitri

Pada 07 Mei 2021, Kelab Kebajikan JPK Wilayah Sabah & Labuan telah mengadakan Sesi Fotografi Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama semua pegawai & kakitangan.



Rajah 14.10: Sambutan Hari Raya Aidilfitri JPK Wilayah Sabah & Labuan Tahun 2021.

14.3.3 Kuiz Hari Kebangsaan 2021 Bersama JPK Sabah

Sempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, JPK Wilayah Sabah & Labuan telah menganjurkan “Kuiz Hari Kebangsaan Malaysia Bersama JPK Sabah” yang berlangsung pada 23 - 27 Ogos 2021. Peserta dikehendaki menjawab 10 soalan objektif dan memberikan slogan yang menarik. Seramai 100 peserta telah menyertai kuiz tersebut dan ianya telah dimenangi oleh saudari Nur Fazliney Binti Madjulla dari Sandakan. JPK Wilayah Sabah & Labuan mengucapkan tahniah & syabas kepada pemenang dan peserta yang menyertainya.

14.3.4 Jamuan Akhir Tahun 2021

Pada 3 Disember 2021, pihak Pengurusan JPK Wilayah Sabah di bawah Kelab Kebajikan JPK Sabah telah menganjurkan Hari Pertukaran Hadiah & Jamuan Akhir Tahun 2021. Aktiviti ini dijalankan setiap tahun sebagai tanda penghargaan pencapaian kerja pegawai dan kakitangan.



Rajah 14.11: Hari Pertukaran Hadiah Tahun 2021 di antara Pegawai & Kakitangan JPK Wilayah Sabah & Labuan

WILAYAH SARAWAK

15.1 INFO LATIHAN KEMAHIRAN WILAYAH SARAWAK

15.1.1 Unit Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) adalah kaedah mengiktiraf kemahiran yang dimiliki oleh seseorang individu dengan menganugerahkan SKM/DKM/DLKM berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki. JPK Wilayah Sarawak mengadakan taklimat PPT ini secara bulanan pada setiap hari Selasa minggu pertama setiap bulan bermula bulan Februari 2021. Tujuan taklimat adalah untuk memberi pendedahan umum kepada orang awam tentang kaedah pembuktian dan cara permohonan PPT. Jumlah peserta yang menyertai taklimat ini adalah seramai 273 peserta seperti di Jadual 15.1

Jadual 15.1: Aktiviti taklimat PPT yang telah diadakan dari bulan Februari sehingga Disember 2021.

| BULAN | TARIKH | BILANGAN PESERTA | LOKASI |
|---------------|-------------------|------------------|-------------|
| Februari | 2 Februari 2021 | 8 | Google Meet |
| Mac | 2 Mac 2021 | 7 | Google Meet |
| April | 6 April 2021 | 13 | Google Meet |
| Mei | 4 Mei 2021 | 42 | Google Meet |
| Jun | 8 Jun 2021 | 8 | Google Meet |
| Julai | 6 Julai 2021 | 101 | Google Meet |
| Ogos | 3 Ogos 2021 | 15 | Zoom |
| September | 14 September 2021 | 5 | Zoom |
| Oktober | 5 Oktober 2021 | 17 | Zoom |
| November | 9 November 2021 | 54 | Zoom |
| Disember | 7 Disember 2021 | 3 | Zoom |
| JUMLAH | | 273 | - |

15.1.2 Unit Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Sepanjang tahun 2021, JPK Wilayah Sarawak telah menguruskan pelaksanaan dua (2) program SLDN iaitu SLDN Plus dan SLDN biasa. Seramai 651 perantis telah menyertai program SLDN melibatkan 22 Pusat Latihan SLDN. Jadual 15.2 menunjukkan jumlah enrolmen perantis yang menyertai program SLDN di Sarawak.

Jadual 15.2: Enrolmen Perantis SLDN Tahun 2021

| JENIS SLDN | BIL PUSAT BERTAULIAH | KUOTA MOHON | KUOTA LULUS | DAFTAR |
|---------------|-------------------------|----------------|----------------|--------|
| SLDN Plus | 20 | 1138 | 711 | 610 |
| SLDN Biasa | 2 | - | - | 41 |

Selain itu, JPK Wilayah Sarawak juga melaksanakan Lawatan Bimbingan dan Pemantauan SLDN terhadap PB SLDN yang melaksanakan program SLDN Plus pada tahun 2021. Sejumlah 81 lawatan telah dilakukan samada secara bersempua atau secara dalam talian seperti Rajah 15.1. Lawatan Pemantauan oleh pegawai JPK Wilayah Sarawak semasa Verifikasi PPL juga dilakukan semasa peperiksaan akhir di PB SLDN seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 15.2 dan 15.3.



Rajah 15.1: Lawatan pemantauan SLDN Plus secara dalam talian



Rajah 15.2: Lawatan Pemantauan Verifikasi PPL di Chen Floral Design Centre Academy of Floral Education Training pada 7-8 Oktober 2021.



Rajah 15.3: Lawatan Verifikasi PPL SLDN di Optimum-Eden Healthcare Sdn Bhd pada 12 April 2021 dan 13 Disember 2021.

15.1.3 Unit Pentauliahan SLaPB

Pada tahun ini, JPK Wilayah Sarawak telah menerima sejumlah 115 permohonan melibatkan permohonan sebagai Pusat Bertauliah Baharu, Pembaharuan Program, Penambahan Program, Penambahan Kapasiti dan Penambahan Premis. JPK Wilayah Sarawak juga telah mengadakan lawatan bersama Panel Penilaian Pentauliahan Program Kemahiran (PPPK) berdasarkan jenis permohonan yang diterima daripada PB SLaPB. Rajah 15.4, 15.5 dan 15.6 menunjukkan lawatan yang telah dilakukan oleh JPK Wilayah Sarawak bersama PPPK yang dilantik.



Rajah 15.4: Lawatan Bersama Panel Penilaian Pentauliahan Program Kemahiran di Professional Mutawwif Development International College pada 15 Mac 2021.



Rajah 15.5: Lawatan Panel Penilaian Pentauliahan Program Kemahiran di ILP Kota Samarahan pada 5 Mei 2021.



Rajah 15.6: Lawatan Bersama Panel Penilaian Pentauliahan Program Kemahiran di Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) Secara Dalam Talian pada 23 Julai 2021.

15.2 AKTIVITI PROMOSI WILAYAH SARAWAK

15.2.1 Penerbitan Buletin ‘Skills Gateway’ JPK Wilayah Sarawak

Skills Gateway merupakan sebuah buletin yang diterbitkan oleh JPK Wilayah Sarawak sebagai satu medium bagi mempromosikan aktiviti-aktiviti latihan kemahiran dan TVET secara amnya kepada masyarakat luar terutamanya di negeri Sarawak. Buletin ini juga dijadikan sumber rujukan bagi mendapatkan info terkini berkenaan program-program anjuran JPK termasuk senarai Pusat Bertauliahan (PB) yang terdapat di Sarawak. *Skills Gateway* Edisi 2021 telah diterbitkan pada bulan Mei 2021 dan diedarkan kepada umum secara atas talian. *Skills Gateway* boleh didapati melalui pautan berikut, iaitu <https://drive.google.com/file/d/12EDp04ndT8Ow40oyKcMIDrWDQvhWp6FZ/view>

15.2.2 Program Kerjasama Strategik Bersama Agensi Kerajaan Negeri

JPK Wilayah Sarawak telah mengadakan Program Kerjasama Strategik bersama agensi kerajaan negeri Sarawak, iaitu dengan Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak atau *Ministry of Education, Science and Technological Research* (MESTR). Pada 6 Mei 2021, pegawai MESTR telah melakukan kunjungan hormat ke JPK Wilayah Sarawak bagi membincangkan skop kerjasama serta mendapatkan khidmat nasihat dalam penganjuran pertandingan kemahiran yang akan dianjurkan oleh kerajaan negeri Sarawak pada masa akan datang. Rajah 15.7 menunjukkan kehadiran pegawai MESTR ke JPK Wilayah Sarawak.



Rajah 15.7: Kunjungan hormat pegawai MESTR ke JPK Wilayah Sarawak pada 6 Mei 2021.

Selain itu, JPK Wilayah Sarawak juga menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Pengumpulan Data anjuran MESTR pada 6 Oktober 2021 secara dalam talian. Mesyuarat bertujuan untuk menyelaras pengumpulan data bagi pembangunan Sarawak Workforce Information System (SWIS). SWIS merupakan satu sistem data tenaga kerja Sarawak yang berasaskan web. Rajah 15.8 menunjukkan kehadiran Pengarah JPK Wilayah Sarawak iaitu En Sudirman bin Suratin ke mesyuarat ini.




Rajah 11.8: Pengarah JPK Wilayah Sarawak menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Pengumpulan Data anjuran MESTR pada 6 Oktober 2021 secara maya

15.2.3 *Penyertaan Dalam Aktiviti / Program Antarabangsa*

Pengarah JPK Wilayah Sarawak yang dilantik sebagai *focal person* jabatan telah menghadiri beberapa siri mesyuarat Brunei-Indonesia-Malaysia-Philipina - *East Asian Growth Area* (BIMP-EAGA). BIMP-EAGA merupakan satu inisiatif kerjasama yang dibentuk pada tahun 1994 untuk memacu pembangunan di daerah terpencil dan kurang maju di empat (4) negara ASEAN yang mengambil bahagian. Mesyuarat ini juga dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kementerian berkaitan daripada empat (4) negara terlibat.



Rajah 15.9: Mesyuarat Peringkat Menteri BIMP-EAGA pada 11 Oktober 2021 secara Zoom meeting.



Rajah 15.10: Mesyuarat 6th Virtual BIMP-EAGA Human Resource Development Working Group & Vision 2025 Mid-Term Review, diadakan secara maya pada 6 Julai 2021.

HUBUNGI KAMI

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Tingkat 7 - 8, Blok D4, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

62530 Putrajaya

📞 03-8886 5589 📞 03-8889 2423

✉️ jpk@mohr.gov.my

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN CYBERJAYA

Blok 4803, Suite 0-10, Bangunan CDB Perdana, Persiaran Flora

63000 Cyberjaya, Selangor.

📞 03-8321 4700 📞 03-8321 4888

✉️ jpk@mohr.gov.my

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN WILAYAH TENGAH

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

A305-7 & A301-2, West Tower, Wisma Consplant 2, No. 2, Jalan SS 16/4,
47500 Subang Jaya, Selangor.

📞 03-56359995 📞 03-56388777 / 03-56381113

✉️ jpk tengah@mohr.gov.my

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN WILAYAH SELATAN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Aras 18, Menara KWSP, Jalan Dato' Dalam,
80000 Johor Bahru, Johor.

📞 07-2226503 📞 07-2226607

✉️ jpk selatan@mohr.gov.my

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN WILAYAH UTARA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Lot MZ.03 & MZ.04, Tingkat Mezzanine, Bangunan KWSP, No. 3009, Off Lebuh Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.

📞 04-3809400/1/2 📞 04-3809413

✉️ jpk utara@mohr.gov.my

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN WILAYAH TIMUR

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Tingkat 6, Wisma MAIDAM, Jalan Banggol
20100 Kuala Terengganu, Terengganu.

📞 09-6265500 📞 09-6265502 / 09-6265503

✉️ jpk timur@mohr.gov.my

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN WILAYAH SARAWAK

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

No. 11-01 & 11-02, Level 11, Gateway Kuching, Jalan Bukit Mata
93100 Kuching, Sarawak

📞 082-420257/70/73 📞 082-420278

✉️ jpk swk@mohr.gov.my


JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN WILAYAH SABAH

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Lot A6.2 & A6.3, Tingkat 6 Blok A, Bangunan KWSP, Jalan Karamunsing
88598 Kota Kinabalu, Sabah.

📞 088-270420/413 📞 088-270424

✉️ jpk sbh@mohr.gov.my



SIDANG REDAKSI



KETUA EDITOR

Puan Molinda binti Abd Rahman



PENOLONG KETUA EDITOR

Puan Meena a/p Ramalingam

Puan Siti Fauziah binti Jumadi

EDITOR

Ts. Dr. Wan Nasarudin bin Wan Jalal

Encik Mohd Nawi bin Isa

Puan Norisniwati binti Ab. Rahim



Puan Nor Asmah binti Daud

Encik Syarumieffizal bin Baharum

PENGARANG

Encik Muhammad Noradzam bin Adam

Encik Nazir bin Elias

Encik Nik Hanizan

bin Nik Mat@Nik Hassan

Encik Ahmad Fahmi bin Abdullah Rahim

Puan Zaidah binti Rakon

Encik Abdul Rahim bin Mustafa Khalid

Cik Shiadri binti Saleh@ Aman

Puan Nazila binti Ismail

Encik Muhamad Idzwan bin Mat Daud

Puan Norazreen binti Othman

Puan Faizatun Izzah binti Zohedi

Puan Safiza binti Saleh

Encik Dzul Azli bin Md Yunus

Cik Nurul Afifah binti Mohd Zaid

Encik Mohamad Zairi bin Ramly

Encik Abdul Rahim bin Basri

Puan Akillah binti Mohamad

Puan Fairus binti Baharin

Puan Kausar

binti Mohd Hanafi @ Abd Rahim

Puan Wan Nur Fauzan binti Mohd Fauzai

Puan Nordiana binti Ahmad

Ts. Madzufri bin Ismail

Encik Suhaimi bin Mohamed

Encik Muzaffar bin Basharudin

Puan Najwa binti Abd Rahim

Encik Nicholas Anak Bali

Encik Sobian Hadi bin Mohd Bahari



URUS SETIA

Puan Azlin binti Abd Aziz

Puan Zanariah binti Sadile



Jabatan Pembangunan Kemahiran

Tingkat 7 - 8, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pintadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya
www.dsdl.gov.my